

"SELAMA sebulan kita berpuasa di bulan Ramadan sebenarnya meningkatkan kesen yang baik di jiwa kita umat Islam, kerana bulan puasa itu amat kaya dengan pendidikan yang tentunya berupaya untuk membentuk rohani mahupun fizikal kita." - Titah sempena Hari Raya Aidilfitri pada 7 Januari, 2000.



"DAN bertakutlah kepada kerabatmu dan orang miskin serta orang-orang musafir akan halnya masing-masing dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampaui-lampau. Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara syaitan sedang syaitan itu adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya." - Surah Al-Isra' ayat 26 hingga 27.

Kekalkan cara hidup baik

Oleh Sahari Akim

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyeru rakyat dan penduduk negara ini agar mengekalkan cara hidup yang baik dan digemari oleh ajaran agama seperti bersatu padu, tolong-menolong, hormat-menghormati serta pandai dan cepat menghulurkan simpati kepada sesama insan yang memerlukan.

Baginda bertitah, masyarakat di negara ini tidak pasif terhadap kehidupan orang susah dan mereka yang memerlukan bantuan.

"Menyebut tentang kehidupan malang orang-orang susah, kita di Negara Brunei Darussalam alhamdulillah tidaklah pasif terhadap keadaan ini. Kita mempunyai beberapa agensi kerajaan dan bukan kerajaan untuk menghulurkan bantuan-bantuan perlu berdasarkan kelayakan-kelayakan tertentu," titah baginda.

Titah baginda lagi, bukan setakat itu sahaja malahan kerajaan juga turut memberikan galakan kepada orang ramai untuk menghulurkan sedekah atau derma kepada mereka yang ditimpa musibah seperti bencana alam sama ada di dalam mahupun di luar negara dengan cara menubuhkan tabung kebajikan atau tabung ihsan bagi tujuan tersebut.

"Niat kita tidak lain semata-mata ingin turut meringankan bebanan mereka yang ditimpa bencana itu sebagai salah satu dari ajaran agama kita yang suci.

Ajaran yang agung ini menganjurkan supaya kita mempunyai feeling atau timbang rasa serta belas kasihan terhadap sesama kita di bumi untuk mendapat kasih sayang dari langit," titah baginda.

Menurut titah baginda, apabila satu bangsa itu mendapat kasih sayang Allah Subhanahu Wataala maka tidaklah lagi ada apa-apa yang perlu dibimbangkan, tidak ada ketakutan dan tidak ada dukacita atas mereka.

"Inilah yang kita cari dan harap-harapkan supaya ia benar-benar menjelma dan tumbuh di bumi bertuah ini sebagai suatu kurnia dan rahmat daripada Allah," titah baginda.



Berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berbulu mesra bersama para pembesar negara yang mengadap dan junjung ziarah ke hadapan majlis baginda di hari pertama Hari Raya Aidilfitri pada hari Ahad 16 Disember lepas. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman. (Berita lanjut muka 16).

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Untuk meraih kebahagiaan di dunia dan akhirat : Sentiasa perolehi hidayah Allah

- Muka 2

Melirik Masa Silam :

Anak-anak adalah amanah Allah

- Muka 3

Kesihatan, keselamatan di tempat kerja

- Muka 6

Jangan eksploitasi kanak-kanak

- Muka 8

Sekilas Tinjau RKN Ke-8 : Lebih 18,000 peluang pekerjaan untuk diisikan hingga 2005

- Muka 10

Skim Bola Sepak Remaja BAFA dan JBS :

- Muka 12

Sederhana di Hari Raya, elakkan pembaziran

- Muka 3 ANEKA

Patuhi undang-undang, jamin kesejahteraan

- Muka 9 ANEKA

KONTAK PELITA BRUNEI

<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita.1.htm>

e-mel: pelita@brunet.bn

TALIAN PENTING PELITA BRUNEI

02 383941 / 02 383804 / 02 382192

Faks : 02 381004 / 02 380507

TAHUKAH AWDA

STESEN Satelit Bumi Telisai mempunyai laluan terus ke 15 destinasi di seluruh dunia dengan lebih 205 liter antarabangsa bagi suara, data dan liter suwa.



دَعْنِ نَامَ اللَّهِ يَغْمِهَا
فَمُورُهُ دَانِ مَهَا فَيَاغِي

Dari Sidang Pengarang

19 DISEMBER, 2001 BERSAMAAN 1422 شوال 4

MEMBANTU DAN MEMEDULI ORANG YANG SUSAH

KITA di Negara Brunei Darussalam sememangnya sangat beruntung kerana dapat menikmati kehidupan yang aman tenteram, harmoni dan bahagia. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada setiap masa sentiasa memberikan perhatian yang serius terhadap kesejahteraan dan penghidupan rakyat. Keprihatinan kerajaan itu menyeluruh kepada segenap lapisan rakyat dan penduduk. Semuanya akan mendapat perhatian dan layanan yang selayaknya termasuk mereka yang susah, orang-orang cacat serta anak-anak yatim.

Alhamdulillah kita di Negara Brunei Darussalam tidaklah pasif dan berdiam diri serta acuh tak acuh mengenai kehidupan orang-orang susah. Kita sedia mempunyai beberapa agensi kerajaan dan bukan kerajaan untuk menghulurkan bantuan-bantuan yang perlu berdasarkan kelayakan-kelayakan tertentu. Inilah cara kita, orang Brunei yang sentiasa prihatin dan memeduli hal-hal kebajikan segala isi di dalamnya. Apa yang penting, agar mereka yang benar-benar memerlukan bantuan akan tampil secara bersemuka dengan pihak-pihak yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan dalam menghadapi keadaan sedemikian. Kita tidaklah perlu riuh-rendah dalam perkara ini dan menghebohkan di sana sini, kerana cara sedemikian tidak akan dapat menyelesaikan masalah, malah akan menimbulkan suasana dan kondusif yang kurang manis dan elok di mata masyarakat secara keseluruhannya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menimbulkan isu sedemikian dalam titah baginda sempena Hari Raya Aidilfitri tahun ini. Menurut baginda, kerajaan juga turut menggalakkan kepada orang ramai untuk menghulurkan sedekah atau derma kepada mereka yang ditimpa musibah seperti bencana alam sama ada di dalam mahupun di luar negara iaitu dengan cara menubuhkan tabung kebajikan atau tabung ihsan bagi tujuan tersebut.

Dalam hubungan ini, kita di Negara Brunei Darussalam telah turut sama-sama dalam meringankan penderitaan pelarian rakyat Afghanistan yang ditimpa musibah ketika ini dengan menubuhkan Tabung Kemanusiaan Rakyat Awam Afghanistan. Sebagai masyarakat antarabangsa, kita berkewajipan dan mempunyai tanggungjawab untuk menghulurkan apa-apa jua bantuan yang termampu kepada mereka yang memerlukan. Dan alhamdulillah, setakat ini, tabung berkenaan telah berhasil mengumpul lebih daripada dua juta ringgit Brunei sumbangan dari pelbagai lapisan masyarakat di negara ini. Sebelum ini pun, Negara Brunei Darussalam juga menghulurkan bantuan yang sama kepada rakyat Bosnia Herzegovina dan juga rakyat Palestin yang ditimpa kesusahan akibat peperangan dan ketidakstabilan politik.

Semua ini kita lakukan dengan niat semata-mata untuk meringankan bebanan mereka yang ditimpa bencana itu sebagai mematuhi salah satu dari ajaran agama Islam yang maha suci, yang sentiasa menganjurkan kita supaya mempunyai perasaan atau timbang rasa serta belas kasihan terhadap sesama kita di bumi untuk mendapatkan kasih sayang dari langit.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, apabila suatu bangsa mendapat kasih sayang Allah Subhanahu Wataala, maka tidaklah ada lagi apa-apa yang perlu dibimbangkan, tidak ada ketakutan dan tidak ada dukacita atas mereka. Inilah, titah baginda lagi, yang kita cari dan harap-harapkan supaya ia benar-benar menjelma dan tumbuh di bumi bertuah ini sebagai kurnia dan rahmat Allah jua.

Sempena Hari Raya Aidilfitri yang penuh berkat ini, baginda melahirkan harapan agar rakyat dan penduduk di negara ini akan mengekalkan cara hidup yang baik yang digemari agama Islam seperti bersatu padu, tolong-menolong, hormat-menghormati serta pandai dan cepat menghulurkan simpati kepada sesama insan yang memerlukan.

Harapan yang dilahirkan baginda itu menggambarkan kepada kita betapa baginda mahu agar bumi bertuah ini akan sentiasa aman damai, harmoni dan sejahtera, jauh daripada huru-hara dan sengketa serta dapat mengecapi kehidupan yang benar-benar stabil dan bahagia. Dan yang penting sekali agar kita, negara kita dan bangsa kita mendapat rahmat dan perlindungan daripada Allah Subhanahu Wataala.

Selaku rakyat dan penduduk yang bernaung di bawah kepimpinan baginda, kita perlu sentiasa mengamati-amati dan mengambil respon yang baik terhadap harapan yang baginda titahkan itu. Insya-Allah dengan cara sedemikian, kita percaya, Negara Brunei Darussalam akan sentiasa terus maju, sejahtera dan progresif.

**SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI
MAAF ZAHIR DAN BATIN**

HALUAN...

Untuk meraih kebahagiaan di dunia dan akhirat

Sentiasa perolehi hidayah Allah

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH Rabbil 'Aalameen, Wabiheer Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen Sayyidina Muhammadin Wa'alaa Aalihi Wasahbihi Aajma'een Waba'du.

Alhamdulillah, sekali lagi kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin dan inayah-Nya jua kita berpeluang meraikan dan memperingati peristiwa Nuzul Al-Quran, kitab panduan yang membawa rahmat dan hidayah kepada sekalian manusia sebagaimana yang telah disebutkan dalam Al-Quran yang bermaksud :

"Ini ialah ayat-ayat (Al-Quran) yang mengandungi hikmah-hikmah dan kebenaran yang kukuh, menjadi hidayah petunjuk dan rahmat bagi orang-orang yang sedia mengerjakan amal-amal yang baik." (Surah Luqman ayat 2 - 3).

Hidayah yang dimaksudkan ialah petunjuk Allah yang disampaikan kepada makhluk-Nya supaya mereka itu memahami tujuan penciptaannya.

Hidayah Allah itu sangat mahal dan istimewa, ia hanya khusus untuk hamba yang berusaha mendapatkannya dan sentiasa bersedia untuk membuat kebaikan.

Satu contoh, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pernah mengharap bapa saudara Baginda, Abu Thalib supaya mengucapkan dua kalimah syahadah, namun Abu Thalib sehingga ke akhir hayatnya tidak dapat menyebutkan kalimah tersebut, padahal Abu Thalib memang mengakui akan kebenaran ajaran yang dibawa oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam itu. Ini menjadi bukti, bahawa walau pun seseorang itu tahu tentang hukum sesuatu perkara, namun jika dia tidak mendapat hidayah Allah, dia tidak akan melakukannya.

Oleh itu, marilah kita pusatkan harapan serta azam untuk sentiasa memperolehi hidayah Allah, kerana hanya dengannya jua kita akan dapat meraih keuntungan berupa kebahagiaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat.

Hidayah Allah itu ialah rahmat yang tertinggi. Andainya ia menjadi milik kita, bermakna kitalah orang yang paling kaya mencakup semua rahmat : Rahmat dunia dan rahmat akhirat.

RALAT

CERITA bertajuk 'Penglihatan Hilal Syawal' di muka 1 PELITA BRUNEI keluaran 12 Disember, bagi ayat di baris enam hendaklah dibaca 'anak petang Syawal 1422 Hijrah pada petang hari Sabtu, 29 Ramadan, 1422 bersamaan 15 Disember, 2001 Masihi di empat tempat.' - Penyunting.



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 17 Ramadan, 1422 Hijrah/2 Disember, 2001 Masihi.

Kebawah DYMM utus tahniah atas perlintakan Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-12

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin ibni Al-Marhum Syed Putra Jamalullail, Raja Perlis Indera Kayangan bersempena dengan pengisytiharan baginda menjadi Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia Ke-12.

Siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri yang disiarkan pada 13 Disember menjelaskan, dalam perutusan tersebut baginda menyatakan perasaan gembira baginda dan kerajaan serta rakyat Negara Brunei Darussalam di atas pengisytiharan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin menjadi Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Malaysia, dan berharap hubungan persaudaraan yang erat dan mesra yang sedia terjalin selama ini di antara Negara Brunei Darussalam dan Malaysia akan bertambah-tambah kukuh lagi di masa-masa akan datang.

Pada mengakhiri perutusan tersebut, baginda berserta dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wataala semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong sentiasa berada dalam keadaan sihat walafiat dan dilanjutkan usia serta sentiasa dalam pemeliharaan Allah Subhanahu Wataala jua.

Semua makhluk di dunia ini menikmati belas kasihan Allah atau rahmat-Nya, sama ada mereka itu hamba yang taat atau yang ingkar, yang terdiri daripada semua kalangan termasuk haiwan. Cuma rahmat itu keadaannya berperingkat-peringkat. Ada rahmat untuk kehidupan dunia saja, yang dikurniakan secara menyeluruh untuk semua, tanpa mengira akidah, tetapi rahmat yang paling luas ialah rahmat bagi hamba-hamba yang beriman, yang ikhlas lagi taat, yang sentiasa dibekalkan dengan hidayah Allah.

Rahmat jenis inilah yang tidak dimiliki oleh orang lain melainkan oleh orang-orang yang beriman saja. Ia akan mengikuti kita sampai ke akhirat.

Inilah dia tafsiran 'Ar-Raheem' dalam Surah Al-Faatihah.

Beta berharap, kita semua akan kekal di dalam nikmat iman, supaya dengan itu dapatlah kita sekali gus memperolehi kedua-dua rahmat Allah : Rahmat dunia (Ar-Rahman) dan rahmat akhirat (Ar-Raheem).

Marilah kita melengkapkan diri dengan Al-Quran, kerana dengan cahaya Al-Quran saja kita dapat meraih semua ini. Tanpa Al-Quran jalan kebenaran tidak akan terbuka untuk dilalui.

Generasi Al-Quran ialah generasi impian kita. Kita mesti berusaha ke arahannya. Kita mesti pupuk harapan ini secara bersepadu. Dari ibu bapa, guru-guru dan sehinggalah kepada pemimpin, hendaklah menjadikan harapan ini sebagai sasaran atau matlamat utama masing-masing. Insya-Allah, dengan niat yang suci ini, negara dan bangsa akan mendapat berkatnya.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Majlis bertahlil anjuran Yayasan SHHB

BANDAR SERI BEGAWAN. - Majlis-majlis bertahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit terus diadakan bersempena dengan bulan Ramadan.

Majlis serupa turut diadakan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Kubah Makam Diraja, 7 Disember lalu.

Majlis kebajikan aktiviti tahunan Yayasan itu telah dimulakan dengan bacaan tahlil yang diketuai oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar, Pengerusi Sementara

Oleh Samle HJ

Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang juga selaku Pengarah Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Hadir di majlis berkenaan ialah Ahli-ahli Jemaah Tadbir dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, pegawai-pegawai dan kakitangan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah serta penduduk-penduduk Rancangan Perumahan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah Kampong Bolkiah 'A' dan 'B'.

Tabung Kebangsaan Anak-Anak Yatim terima sumbangan

BERAKAS. - Tabung Kebangsaan Anak-Anak Yatim terus menerima sumbangan derma dari pelbagai pihak sempena menyambut kedatangan Hari Raya Aidilfitri.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Dr. Haji Awang Hussain yang juga selaku Pengerusi Tabung Orang-Orang Cacat dan Tabung Kebangsaan Anak-Anak Yatim menerima sumbangan dari kumpulan Syarikat DST sebanyak \$20,000.00.

Derma dari DST itu telah diserahkan oleh Pengarah Urusannya, Pengiran Haji Md. Zain bin Pengiran Haji Damit di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan 8 Disember lalu.

Sekolah Riverside juga menderma sebanyak \$2,000.00 yang disampaikan oleh pengurus sekolah

Oleh Samle HJ

berkenaan, Awang Haji Mohammad bin Haji Jaluddin.

Sementara itu, Pertubuhan Kerjasama Kuang Hui turut menyumbangkan derma sebanyak \$1,000.00 kepada Tabung Orang-Orang Cacat disampaikan

oleh Awang Mark Kim Hua.

Hadir di majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian itu, Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Dr. Haji Awang Hussain menerima sumbangan dari Sekolah Riverside yang disampaikan oleh pengurus sekolah itu, Awang Haji Mohammad bin Haji Jaluddin. - Gambar oleh Masri Osman.

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arsyad menulis ...)

ANAK-ANAK ADALAH AMANAH ALLAH

ANAK-ANAK adalah amanah Allah. Hidup berkeluarga adalah satu tanggungjawab yang mesti dipikul tapi bukan sekadar dituai sahaja. Kata-kata yang demikian itu bukan andaian dan tidak juga dibuat-buat sesuka hati. Kalau kita bercakap mengenai Islam termasuk sunah-sunah Nabi Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam memang setiap hari disumbatkan ke telinga kita melalui media massa, baik ia merupakan Kuliah Subuh, melalui siaran-siaran radio mahupun ceramah-ceramah khas melalui televisyen ataupun rencana-rencana dalam akhbar, buku-buku khusus yang membicarakan mengenai anak-anak sebagai amanah Allah itu memang sudah terlalu banyak diutarakan oleh pakar-pakar dalam bidang tersebut.

Tidak setakat itu, orang juga hampir setiap waktu memperkatakan mengenai perkara tersebut dalam pertemuan-pertemuan tertentu baik yang dirancang mahupun tidak seperti di majlis-majlis perkahwinan dan yang seumpamanya. Malah dalam pertemuan-pertemuan beginilah banyak cerita-cerita yang didekahkan, kadang-kadang ada yang di luar jangkaan dan pengetahuan masing-masing lalu berpanjangan-panjanglah ia dan ada yang seolah-olah seperti 'memisi-misi' yang semata-mata ingin tahu lebih jauh lagi.

Apa lagi kalau ada isu-isu yang demikian itu tersebar di akhbar-akhbar. Maka akan kedengaranlah pisi-memisi itu. Yang selalunya dipisi-pisi itu pula bukan mengenai perbuatannya. Tetapi "siapakah abis-sidia itu? Anak siapa? Dari kampung mana? Siapa datuk neneknya? Siapa dang-sanaknya? Tidak adakah dang-sanak abis-sidia itu ambil peduli? Dan, banyak lagi lah mulut-mulut yang terbuka kerana terlalu ghairah ingin tahu. Sebab memang sudah menjadi kebiasaan manusia bahawa sesuatu yang menghairahkan itu adalah bisnes yang paling laris sedangkan untungnya tidak ada malah rugi besar merupakan yang pasti iaitu 'dosa', sedikit-tidaknya dosa kerana mengumpat atau dosa kerana mendedahkan keaiban orang apa lagi keaiban dang-sanak. (Diharap orang-orang yang lebih arif dapat membetulkan tulisan ini jika ada yang salah dan akan amat dihargai lagi kalau ada yang bersedia untuk membantu mengesahkan lagi apa yang dikatakan ini. Kita minta maaf kalau ada yang tidak lurus dan yang seumpamanya). Sebab matlamat tulisan ini hanyalah semata-mata hendak melirik masa silam (serba sedikit sahaja mengenai isu yang sama).

Kita tertarik tentang isu ini apabila sebuah akhbar tempatan baru-baru ini mengisikan muka depannya dengan sebuah berita yang cukup menarik mengenai isu yang berkaitan dengan yang kita katakan di atas, apa lagi apabila ianya dikaitkan dengan bakal berkuasanya satu undang-undang baru di bawah kuat kuasa Mahkamah Syariah. Undang-undang itu ialah mengenai kekeluargaan Islam yang boleh menghukum ibu bapa yang cuai. Di bawah undang-undang itu nanti, Mahkamah Syariah boleh mengenakan denda atau penjara atau kedua-duanya sekali terhadap ibu atau bapa yang lalai dan anak-anak apabila sabit kesalahan oleh Mahkamah Syariah. Seperti yang dipetik oleh berita itu, Kadi Besar, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar menjelaskan tujuan undang-undang itu diwujudkan.

Kata Yang Dimuliakan, undang-undang baru kekeluargaan Islam itu diadakan bagi memberi jaminan kehidupan berkeluarga dengan menghindari penganiayaan dan kezaliman. Ia juga mengingatkan ibu bapa mengenai kewajipan dan tanggungjawab terhadap keluarga dan anak-anak yang menjadi amanah Allah.

Yang Dimuliakan mengingatkan, untuk mewujudkan keluarga yang berkualiti menurut Islam, ibu bapa mestilah terlebih dahulu mempunyai pengetahuan dan ilmu keibubapaan menurut Islam. Yang Dimuliakan mengkhabarkan bakal adanya undang-undang berkaitan ketika berucap dalam Majlis Penyampaian Sijil Kursus Keibubapaan Daerah Brunei dan Muara. Tetapi di mana majlis itu diadakan tidak pula disebutkan. Yang disebut cuma hari Selasa dan akhbar itu bertarikh 16 Mei, 2001. Mungkin juga inilah stail wartawan sekarang tidak begitu peka terhadap asas penulisan berita 'di mana' seperti yang pernah dipelajari oleh wartawan lama.

Minta maaf kalau tersilap lihat, kerana kaca matapun sudah semakin tebal. Kadang-kadangpun, kalau tengah menulis tu, ada kalanya macam 'katak si katak lompat'. Mungkin juga merupakan waktu warning dan nak masuk ke gerbang nyanyuk. Kalau ada yang tanya, kenapa menulis juga? Jawab kita senang saja. "Itu sajalah kerja yang saya boleh buat. Lagipun ada pula yang berkirim salam supaya lebih baik menulis daripada tak ada yang bikin, dapat juga duit untuk beli minyak kapak atau minyak geliga," demikian kata dari yang berkirim salam itu. Terima kasih lagi kepada mereka yang masih kasih itu.

Maka kita nak tutuplah cerita ini. Benarlah seperti kata kita di atas 'tulisan katak si katak lompat'. Jadi barulah teringat nak petik kata-kata Yang Dimuliakan selanjutnya mengenai undang-undang tadi, kerana rasanya penting untuk dihayati. Nampaknya hampir sama dengan apa yang pernah dipesankan oleh orang-orang di masa silam itu apabila nak berbinu, kata mereka, "Jangtanh kahwin kalau masih kana suapi." Tetapi kata-kata Yang Dimuliakan yang dipetik oleh akhbar itu lebih canggih lagi menurut pendekatan era milenium ini.

Kata Yang Dimuliakan, adalah tidak mencukupi setakat mengetahui dan mempelajari peranan dan tanggungjawab ibu bapa, tetapi mestilah komited sepenuhnya untuk menunaikan tanggungjawab dan amanah itu.

Kebanyakan kemusnahan dan porak-peranda keluarga Islam ialah kerana kurangnya pengetahuan mengenai peranan dan tanggungjawab sebagai ibu bapa selain daripada kelalaian dan kecuai terhadap keluarga khususnya kepada anak-anak. Jika ibu bapa benar-benar mengetahui peranan dan tanggungjawab itu dan dapat menunaikan kewajipan mereka dengan sempurna, sudah pasti anak-anak tidak akan terbiar dan merana tanpa kasih sayang hingga terlibat dengan gejala (tidak) sihat dan antisosial. Kehidupan berkeluarga adalah sumber kepada kehidupan berkasih sayang dalam konsep keluarga Islam dan kerana itulah Islam sentiasa memberi peringatan mengenainya.

Senyum Budiman



KDYMM mengadakan kunjungan muhibah kepada KDYMM Al-Malek Fahd

MEKAH. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji

Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengadakan kunjungan muhibah kepada Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Al-Malek Fahd Ibn Abdul Aziz Al-Saud, Raja Arab Saudi.

Baginda mengadakan kunjungan itu, iaitu sebaik-baik sahaja Kebawah Duli Yang Maha Mulia selesai mengerjakan sembahyang berjemaah fardu Isyak dan sunat tarawih di Masjidil Haram. Majlis telah diadakan di Istana Al Safa di Kota Suci Mekah, Arab Saudi pada 12 Disember lalu.

Di majlis tersebut kedua-dua pemimpin telah membincangkan perkembangan dalam hubungan dua hala antara kedua-dua buah negara. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menitahkan penghargaan baginda kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Malek Fahd terhadap kemudahan-kemudahan dan layanan baik yang berterusan yang diberikan oleh Kerajaan Arab Saudi bukan sahaja kepada baginda serta kerabat diraja, malahan kepada semua jemaah Negara Brunei Darussalam yang mengerjakan ibadah haji dan umrah selama ini. Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah bertitah menyanjung dan menghargai usaha-usaha yang dibuat dan peruntukan kewangan yang disediakan oleh Kerajaan Arab Saudi bagi terus menambah dan memperbaiki kemudahan-kemudahan beribadat untuk kegunaan seluruh umat Islam.

Berangkat sama dalam kunjungan muhibah itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin

Eratkan hubungan sedia terjalin

Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri; serta putera-putera Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sementara itu, di majlis yang berasingan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajjah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohammad Alam dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajjah Mariam binti Haji Abdul Aziz telah berkenan berangkat membuat kunjungan muhibah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Puteri Jawhara Al-Ibrahim, Isteri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Malek Fahd di Istana Al Safa di Kota Suci Mekah, Arab Saudi.

Berangkat sama dalam kunjungan itu ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajjah Zariah binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohammad Alam dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajjah Masna.

Kedua-dua majlis ini bertujuan, antara lain, untuk mengeratkan lagi dan membarui hubungan yang telah terjalin di antara kedua-dua buah negara dan di antara kedua-dua kerabat diraja dari kedua-dua buah



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengadakan kunjungan muhibah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Malek Fahd Ibn Abdul Aziz Al-Saud, Raja Arab Saudi.

negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah di antara beberapa ketua-ketua negara dan kerajaan yang masa ini berada di Kota Suci Mekah bagi mengerjakan ibadah umrah. Kebawah Duli Yang Maha Mulia berada di Tanah-Tanah Suci Mekah dan Madinah

di sepanjang sepuluh hari terakhir bulan Ramadan. Baginda dan rombongan telah mula-mula berkunjung ke Madinah Al-Munawarah pada pagi hari Khamis 21 Ramadan 1422 bersamaan 6 Disember, 2001 sebelum berangkat ke Tanah Suci Mekah pada malam hari Sabtu, 23 Ramadan 1422 bersamaan 8 Disember 2001.

Hubungan diplomatik antara Negara Brunei Darussalam dan Arab Saudi telah mula terjalin semenjak dari tahun 1984 dan mencapai kemuncaknya dengan lawatan negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Arab Saudi dalam bulan Januari tahun 1999.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain ketika hadir di Majlis Bertadarus dan Khatam Al-Quran di Masjid Kampong Katimahar. - Gambar oleh Haji Masmaiah HMA.

Majlis Bertadarus, Khatam Al-Quran di Masjid Katimahar

KATIMAHAR. - Majlis Bertadarus dan Khatam Al-Quran terus diadakan di dalam bulan Ramadan yang mubarak ini.

Schubungan dengan itu, Kementerian Hal Ehwal Ugama bersama-sama ahli-ahli kariahnya dan jemaah Masjid Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin, Kampong Katimahar telah mengadakan majlis yang sama di

masjid berkenan di sini pada 9 Disember yang lalu.

Majlis pada hari itu bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin.

Oleh Aliddin HM

Majlis diselenggarakan dengan terbuka puasa dan sembahyang fardu Maghrib berjemaah yang antara lain bertujuan untuk merapatkan hubungan silaturrahim di kalangan para pegawai Kementerian Hal Ehwal Ugama dan penduduk Kampong katimahar serta sekitarnya.

Hubungan mesra Brunei - Bahrain sentiasa terjalin

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Disember - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Sheikh Hamad bin Isa Al-Khalifa, Amir Bahrain dan Duli Yang Maha Mulia Sheikh Khalifa bin Salman Al-Khalifa, Perdana Menteri, Bahrain bersempena dengan "Ulang tahun" Hari Kebangsaan Bahrain.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persahabatan yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Bahrain. Baginda seterusnya berdoa semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan baginda, mendoakan ke hadirat Allah Subhanahu Wataala, semoga Duli Yang Maha

Mulia Sheikh Hamad bin Isa Al-Khalifa sentiasa dalam perlindungan Allah, sihat sejahtera dan semoga rakyat Bahrain akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Sementara itu di dalam perutusan kepada Duli Yang Maha Mulia Sheikh Khalifa bin Salman Al-Khalifa, Perdana Menteri, Bahrain baginda mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Tuan Yang Terutama dan kerajaan serta rakyat Bahrain sempena Hari Kebangsaan Bahrain.

Baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra serta persahabatan yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Bahrain. Baginda seterusnya berdoa semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing. Seterusnya baginda mendoakan semoga Duli Yang Maha Mulia Sheikh Khalifa bin Salman Al-Khalifa, Perdana Menteri Bahrain akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan.

Derma Untuk Tabung Anak-Anak Yatim

BERAKAS. - Sumbangan dari pihak-pihak pertubuhan mahupun persendirian kepada tabung-tabung kebajikan di negara ini sangat dihargai dan dialu-alukan dari masa ke semasa.

Schubungan dengan itu, Pertubuhan Kerjasama Khuang Hui telah menyumbang sejumlah seribu ringgit kepada Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Brunei dan Muara, 11 Disember lalu.

Pengerusinya, Mak Kum Wah telah menyampaikan derma berkenaan kepada Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Hepnie OKPSD Abang Haji Abu

Oleh Samle Haji Jait

Hanifah di satu majlis penyampaian sumbangan di pejabat Daerah Brunei dan Muara.

Awang Hepnie berkata, sumbangan berkenaan sangat dihargai dan perlu dijadikan contoh oleh pertubuhan-pertubuhan yang lain di negara ini.

Jabatan daerah Brunei dan Muara merupakan pengurus tabung bagi tabung anak-anak yatim daerah Brunei dan Muara.

Sebelum ini, jabatan berkenan telah mengumpul lebih 400 ribu sejak awal tahun ini.



PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei Muara, Awang Hepnie ketika menerima sumbangan dari Pengerusi Pertubuhan Kerjasama Khuang Hui, Mak Kum Wah. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Anak-anak yatim menerima bantuan keperluan sekolah dari Dana Pengiran Muda Mahkota

TUTONG. - Anak-anak yatim yang berdaftar di Sekretariat Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim (Dana) menerima sumbangan bantuan pembelian peralatan dan keperluan sekolah bagi penggal pertama persekolahan mereka tahun depan.

Sumbangan itu merupakan inisiatif Dana bagi memeduli hal-ehwal pendidikan anak-anak yatim berkenaan, memeduli hal-ehwal pendidikan anak-anak yatim selaras hasrat bagi mendapatkan asuhan, pimpinan dan pendidikan agar mereka menjadikan generasi yang berilmu berpengetahuan dan berkemahiran.

Sehubungan dengan itu, seramai 250 orang anak yatim di daerah tersebut menerima sumbangan dalam majlis penyampaian sumbangan yang disampaikan oleh Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Puteri Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, Pengerusi Sementara Lembaga Pemegang Amanah Dana yang juga selaku Ketua Pegawai Eksekutif Dana di Dewan Kemasyarakatan di sini, 12 Disember, lalu.

Di majlis itu, anak yatim diberikan sumbangan sebanyak \$50.00 setiap seorang dalam bentuk kupon yang boleh ditukarkan di kedai-kedai yang membekalkan buku-buku latihan, buku-buku kerja, peralatan tulis, pakaian sekolah, beg dan kasut sekolah.

Sebanyak 13 buah syarikat yang membekalkan keperluan barangan tersebut telah dikenalpasti di semua daerah.

Projek kebajikan itu antara lain bagi mempertingkatkan kebajikan dan kesejahteraan anak-anak yatim khususnya dalam hal-ehwal pendidikan dan persekolahan mereka.

Ia juga diharap bagi memberi galakan dan kesedaran di kalangan anak-anak yatim untuk menghargai kepentingan pendidikan dalam kehidupan mereka di masa hadapan dan

Oleh Samle HJ

seterusnya memberi dorongan untuk mempertingkatkan pencapaian pendidikan mereka.

Bantuan itu juga dihasratkan bagi meringankan beban perbelanjaan para ibu atau penjaga anak-anak yatim khususnya dalam pembelian peralatan dan keperluan persekolahan mereka.

Seramai 1,689 orang anak-anak yatim di semua daerah yang berdaftar di Sekretariat Dana telah menerima sumbangan berkenaan, diharap dapat memanfaatkan sepenuhnya anak-anak yatim dan penjaga dan seterusnya memberi kesedaran kepada masyarakat bagi sama-sama memeduli kebajikan mereka yang kurang bernasib baik.

Pada majlis yang sama, Bank Islam Brunei Berhad (IBB) juga turut menyampaikan sumbangan berbentuk kupon bagi pembelian buku latihan sekolah yang disampaikan oleh Pengarah Urusan IBB, Awang Haji Mohd. Roselan bin Haji Mohd. Daud.

Sementara itu, Yang Dimulikan Pehin Bendahari Cina, On Siew Siong juga memberi sumbangan peribadi sebanyak dua ribu ringgit kepada Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk anak-Anak Yatim.

YANG Dimulikan Pehin Orang Kaya Puteri Maharaja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Haji Abu Bakar, Pengerusi Sementara Lembaga Pemegang Amanah Dana yang juga selaku Ketua Pegawai Eksekutif Dana ketika menyampaikan sumbangan Dana kepada anak-anak yatim di Daerah Tutong. Majlis berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Tutong (gambar atas dan bawah kanan). - Gambar oleh Masri Osman.



Cukai kereta stok lama dipulangkan



PENGERUSI BATA, Pengiran Hajah Halimah ketika memberikan sidang akhbar mengenai kedudukan cukai import kereta stok lama kepada para wartawan tempatan. Juga hadir di majlis itu ialah Pengawal Kastam dan Eksais Diraja, Awang Haji Eusoff Agaki dan Pengarah Jabatan Pengangkutan Darat, Awang Haji Othman bin Haji Momin. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Oleh Abdullah Asgar

GADONG, 11 Disember. - Orang ramai yang ingin membeli kereta stok lama dengan cukai baru boleh berbuat demikian sekarang setelah kerajaan melalui Kementerian Kewangan membenarkan pemulangan cukai pada penderang hanya setelah kereta tersebut dibeli dan didaftarkan dengan Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) mengikut prosedur biasa.

Ini diputuskan setelah Persatuan Penjual Automobil Brunei (BATA) bersama Jabatan Kastam dan Eksais Diraja mengadakan rundingan untuk mengatasi masalah penjualan kereta mengadakan rundingan untuk mengatasi masalah penjualan kereta stok lama.

Ketika mengadakan Sidang Akbar, Pengerusi BATA, Pengiran Hajah Halimah menjelaskan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kewangan telah berkenan bagi pemulangan cukai import kereta stok lama berikutan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada penurunan cukai import kereta 20 peratus secara menyeluruh.

Katanya, cukai import kereta stok lama hanya boleh dipulangkan bagi kereta yang diimport pada tahun 2001 saja selain itu cukai tersebut hanya akan dikembalikan kepada penjual setelah kereta tersebut dibeli dan didaftarkan kepada JPD.

Tambahnya, cukai kereta yang dibolehkan pemulangan hanyalah bagi kereta yang dijual bermula 6 November lalu hingga 5 November, 2002.

Permohonan untuk mendapatkan pemulangan cukai kereta hendaklah dihantar kepada Jabatan Kastam dan Eksais mengikut prosedur yang ada.

Menurutnya, sejauh ini lebih 1,500

buah kereta dengan kadar cukai lama yang terdapat di 16 buah ejen penjual kereta perlu dijual dalam jangka setahun sehingga 5 November, depan.

Katanya, dengan pemulangan kadar cukai lama ini pihak BATA akan boleh menjual semula kereta yang ada kepada orang ramai menjelang Hari Raya ini dan tahun baru nanti.

Perjumpaan itu dihadiri sama oleh Pengawal Kastam dan Eksais Diraja, Awang Haji Eusoff Agaki; Pengarah JPD, Awang Haji Othman bin Haji Momin serta wakil-wakil penjual kereta di negara ini.

Enam pegawai ditukar dan ditetapkan jawatan

BANDAR SERI BEGAWAN. - Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi pegawai-pegawai berikut :

Pengiran Haji Mohd. Yakub bin Pengiran Haji Othman, Pengarah Urusan Jerudong Park Inc. Sendirian Berhad ditukar ke Kementerian Pendidikan sebagai Pegawai Pentadbir Kanan mulai 15 Ramadan, 1422/1 Disember, 2001;

Awang Haji Azahari bin Mohammad Ali, Pegawai Tugas-Tugas Khas Kementerian Perhubungan ditukar sebagai Timbalan Ketua Pos Agung di Jabatan Perkhidmatan Pos mulai 15 Ramadan, 1422/1 Disember, 2001.

Awang Haji Abdul Hamid bin Maaruf, Timbalan

Ketua Pos Agung ditukar sebagai Pegawai Tugas-Tugas Khas di Kementerian Perhubungan mulai 15 Ramadan, 1422/1 Disember, 2001;

Pengiran Abd. Haris bin Pengiran Haji Shahbudin, Penolong Pegawai Daerah Tutong (Pemangku Pegawai Pentadbir Kanan) di Pejabat Daerah Tutong ditetapkan dalam jawatan yang dipangkunya iaitu sebagai Pegawai Pentadbir Kanan mulai 7 Muharram, 1422/1 September 2001;

Awang Haji Mulok bin Haji Jumat, Pemangku Pegawai Pentadbir Kanan di Kementerian Hal ehwal Luar Negeri ditetapkan dalam jawatan yang dipangkunya sekarang iaitu sebagai Pegawai Pentadbir Kanan mulai 13 Jamadilakhir, 1422/1 September, 2001; dan

Awang Kasim bin Metali, Pemangku Pegawai Pentadbir Kanan Kementerian Hal ehwal Dalam Negeri ditetapkan dalam jawatan sebagai Pegawai Pentadbir Kanan mulai 13 Rejab 1422/1 Oktober, 2001.

KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kewangan telah berkenan bagi pemulangan cukai import kereta stok lama berikutan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada penurunan cukai import kereta 20 peratus secara menyeluruh.

KESIHTAN dan keselamatan dalam pekerjaan adalah merupakan faktor yang amat penting dalam kehidupan kita sejak dahulu sehingga sekarang dan akan datang.

Banyak negara di pelusuk dunia ini sama ada negara-negara yang telah maju dan sedang membangun maupun yang masih mundur dua faktor ini masih menjadi sebahagian inti utama ke arah memberikan kesejahteraan kepada rakyat.

Kedua-dua faktor ini juga ada hubung kaitnya dengan perkembangan ekonomi dan juga perkembangan tenaga manusia sesebuah negara. Di mana tanpa pemedulian dan langkah yang diambil dalam mengemaskinikan kesihatan sebuah negara itu akan menanggung pelbagai kerugian, malahan menanggung bebanan dari segi perbelanjaan dan penyakit.

Kerana rakyat yang tidak sihat segala jentera sesebuah negara tidak akan berjalan lancar disebabkan terlalu ramai yang mengambil cuti sakit. Begitu juga keselamatan, jika tidak ditekankan juga mendatangkan masalah kepada negara terutama masalah politik, ekonomi dan sosial yang besar kepada sesebuah negara.

Bagi kita di Negara Brunei Darussalam, faktor kesihatan dan keselamatan dalam pekerjaan sentiasa ditekankan baik pekerjaan yang berat, maupun yang ringan yang telah dan sedang dijalankan di negara ini.

Di samping itu kesihatan dan keselamatan di tempat kerja juga merupakan perkara yang amat penting yang perlu difahami oleh setiap masyarakat dan juga individu.

PELANCARAN

Baru-baru ini Kementerian Kesihatan telah mengadakan satu majlis pelancaran yang dipanggil 'Minggu Kesihatan dan Keselamatan tempat kerja', dan diselenggarakan garis panduan kesihatan dan keselamatan bagi kakitangan Kesihatan, Kementerian kesihatan berlangsung pada 27 Oktober 2001 di Dewan SHuTT Institut Perkhidmatan Awam, Rimba.

Minggu Kesihatan dan Keselamatan Di Tempat Kerja ini bertujuan diharap dapat memberikan kesedaran dan pengetahuan tentang betapa pentingnya penjagaan kesihatan dan keselamatan di tempat kerja, di samping menyebarkan aspek pengetahuan mengenai bahaya dan risiko yang boleh dihadapi semasa bekerja.

Tema yang dipilih ialah Ke Arah Kesihatan dan Keselamatan di Tempat Kerja.

Menurut Pengerusi Bersama Minggu Kesihatan dan Keselamatan Di Tempat Kerja, Dr. Hajah Kalsom binti Abdul Latif menjelaskan bahawa kesihatan di tempat kerja adalah merupakan salah satu daripada tujuan program kesihatan yang telah dikenal pasti oleh Jawatankuasa Kebangsaan Promosi Kesihatan.

Dr. Hajah Kalsom berkata, Kementerian Kesihatan adalah merupakan sebuah kementerian yang begitu 'diversified' atau pelbagai jenis tugas yang dilaksanakan oleh pegawai dan kakitangan di bawahnya.

RISIKO

Terdapat pelbagai jenis bahaya dan risiko yang boleh didapati di pelbagai bahagian di Kementerian Kesihatan, umpamanya pendedahan kepada 'radiation', penggunaan alat tajam seperti jarum dan pendedahan kepada darah

pesakit yang berisiko tinggi di wad-wad dan makmal dan pendedahan kepada racun bagi penyembur-penyembur racun serangga.

Selain itu ujarnya bahaya dan risiko dalam pekerjaan juga boleh dihadapi oleh kakitangan pejabat melalui postur atau kedudukan badan yang tidak betul semasa duduk di meja kerja atau semasa mengangkat barang yang berat.

PROMOSI

Pemangku Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz, yang mana teks ucapan Yang Berhormat dibacakan oleh wakil peribadi, Setiausaha Tetap Kementerian itu, Dato Paduka Awang Haji Zainal berkata kesihatan cara kerja bukan saja melibatkan perlindungan kesihatan semasa bekerja tetapi juga melibatkan promosi kesihatan dengan tujuan membantu pekerja-pekerja dan anggota masyarakat mengambil langkah untuk sentiasa meningkatkan tahap kesihatan mereka melalui antaranya pengambiln makanan, mental dan menjauhi dari penyakit-penyakit yang

OLEH NURAMALLENA K. A



berjangkit.

KEMATIAN

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) katanya telah menganggarkan bahawa kecederaan dan penyakit yang ada hubungkaitnya dengan pekerjaan adalah penyebab kematian bagi 1.1 juta orang di seluruh dunia setiap tahun.

Manakala ujar Yang Berhormat dianggarkan juga terdapat 160 juta kes kes baru setiap tahun bagi penyakit-penyakit yang ada hubung kait dengan pekerjaan, ini termasuklah penyakit jantung, paru-paru, kanser, kurang pendengaran, masalah otot dan sendi, masalah reproduktif dan masalah mental.

KESAN

"Masalah-masalah tersebut mempunyai pelbagai implikasi atau kesan terutamanya kepada eko-

nomi melalui kurangnya pendapatan dan pengeluaran. Pendapatan seseorang mungkin terjejas. Kurangnya pengeluaran dan produktiviti bererti kurangnya pendapatan majikan atau syarikat manakala kos rawatan yang tinggi juga perlu ditanggung oleh kerajaan dan organisasi berkenaan," jelasnya.

STRATEGI

Dalam hubungan itu katanya, Pertubuhan Kesihatan Sedunia telah mengatur strategi dan memberi nasihat-nasihat mengenai pencegahan dan pengawalan 'work hazards', di samping pelaksanaan rangkaian kerjasama antarabangsa yang memberikan tumpuan yang lebih kepada kesihatan cara kerja di negara-negara membangun dan di kalangan wanita serta pekerja di perusa-



GAMBAR HIASAN ... Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolqiah ketika berkenan menyaksikan pelbagai peralatan kesihatan dan keselamatan ketika menjalankan tugas yang dipamerkan oleh Kementerian Kesihatan bulan Oktober lepas. - Gambar oleh Masri Osman.

haan kecil atau sektor tidak formal.

KURANG

Di kebanyakan tempat jelasnya, kesihatan cara kerja masih merupakan keutamaan yang paling rendah dalam perancangan polisi kesihatan dan dianggarkan oleh bank dunia dua pertiga dari 'loss of disability-adjusted life years' yang disebabkan oleh pekerjaan boleh dicegah melalui program kesihatan dan keselamatan di tempat kerja.

AKTA

Melihat akan keadaan

tersebut Kementerian Kesihatan dan Jabatan Buruh telah bekerjasama dalam merangka Akta Kesihatan dan Keselamatan Pekerja.

Akta tersebut diwujudkan adalah ke arah mengemaskinikan dan memperluaskan lagi perkembangan kesihatan dan keselamatan kerja yang lebih berkesan.

Negara Brunei Darussalam telah pun mempunyai akta buruh dan 'workers compensation' atau ganti rugi pekerja dalam usaha untuk memberikan perlindungan kepada pekerja di negara ini.

Walaupun perlindungan yang diberikan terhadap beberapa kriteria yang tertentu namun ia sedikit sebanyak dapat memberikan keyakinan pekerja bahawa keselamatan dan kebajikan mereka diambil kira.

PERUNTUKAN

Dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-8, yang mana memandangkan penjagaan kesihatan adalah penting ke arah melahirkan masyarakat yang sihat, sektor kesihatan telah memperuntukkan sebanyak B\$120.3 juta atau 1.65 dari jumlah peruntukan kemajuan.

Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan akan terus berusaha bagi mencapai visinya untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang bertaraf tinggi yang membolehkan rakyat dan penduduk menikmati cara hidup yang lebih tinggi dan produktif dari segi ekonomi.

KESIMPULAN

Kesihatan dan Keselamatan Di Tempat Kerja adalah sangat penting kerana dengan adanya pengawalan 'work hazards' atau bahaya-bahaya yang mungkin dihadapi semasa kerja akan diperolehi dengan sempurna.

Langkah yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan mengenai kesihatan keselamatan di tempat kerja bagi pegawai dan kakitangannya sesungguhnya merupakan yang paling baik, kerana mereka-lah yang banyak terdedah kepada bahaya dalam menjalankan tugas.

Dalam hubungan itu langkah kesihatan dan keselamatan yang serupa perlulah dilartatkan dan diperluaskan kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan yang lain dan sektor swasta.



PELBAKAI peralatan kesihatan dan keselamatan yang dipamerkan oleh Kementerian Kesihatan bagi membantu para pekerja yang mengalami gangguan kesihatan dan sebagainya. - Gambar oleh Masri Osman.

JPM sumbang derma kepada kakitangannya dan anak-anak yatim

Oleh
Abdullah Asgar

BERAKAS - Seramai 33 orang kakitangan dari jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan juga anak-anak yatim dari pelbagai peringkat umur menerima sumbangan derma dari JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya sempena kedatangan Hari Raya Aidilfitri tahun ini.

Wang derma tersebut dikutip dari pegawai-pegawai dan kakitangan di JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya yang dijalankan sebelum ini.

Majlis tersebut diketuai oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi dan Jabatan Perkhidmatan Pengurusan yang bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai dengan diteruskan majlis tahlil.

Menyampaikan sumbangan berkenaan ialah Setiausaha Tetap JPM, Dato Paduka Awang Haji Adnan. Acara tahunan bagi JPM itu ialah untuk sama-sama meringankan bebanan yang dialami oleh keluarga yang memerlukan bagi sama-sama merayakan di Hari Raya Aidilfitri yang mulia ini.

Tahlil di Kubah Makam Diraja

Oleh
Abdullah Asgar

JALAN TUTONG - Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengadakan majlis bertahlil bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Ia adalah bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit.

Majlis tersebut diketuai oleh Setiausaha Sulit Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Nawawi dan hadir sama Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana, Pengiran Haji Alauddin.

Juga mengadakan majlis serupa ialah pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan yang diketuai oleh Setiausaha Tetap Kementerian itu, Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Adnan ketika menyampaikan derma sumbangan dari Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya kepada dua orang kakitangan lelaki dan wanita yang memerlukan bantuan sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Dua kawasan air dalam luar pantai dibuka

Oleh Sahari Akim

BANDAR SERI BEGAWAN. - Unit Petroleum, Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah menerima tawaran bagi dua buah blok kawasan air dalam luar pantai iaitu kawasan baru dibukakan bagi eksplorasi yang terkandung di kawasan Zon Eksklusif Ekonomi Negara Brunei Darussalam dari dua konsortium berasingan terdiri dari syarikat-syarikat antarabangsa dan multi-nasional sehingga tarikh penerimaan tawaran ditutup pada 1 November lepas.

Pembukaan kawasan-kawasan yang baru dibukakan bagi eksplorasi tersebut telah disempurnakan pelancarannya oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah pada 29 Januari.

Menurut siaran akhbar Unit Petroleum baru-baru ini, rakan usaha sama dalam konsortium-konsortium tersebut terdiri dari Shell Exploration Company B.V. (Shell), Mitsubishi Corporation (MC) dan Conoco Brunei Ltd. (Conoco).

Satu lagi konsortium ialah Total Oil and Gas Exploration VII B.V. (anak syarikat dimiliki sepenuhnya oleh Total FinalElf) (TOGE VII, TFE), BHP Billiton Petroleum Great Britain Ltd. (BHP) dan Amerada Hess Overseas Limited (Ahol).

Usaha sama bagi setiap konsortium tersebut adalah terdiri daripada kedua-dua pihak yang telah bertapak dan juga yang baru di dalam aktiviti-aktiviti huluan minyak dan gas Negara Brunei Darussalam.

Minat mereka menunjukkan adanya potensi di kawasan yang ditawarkan dan merupakan satu pengiktirafan ke atas Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang kukuh dan menarik bagi pelaburan. Unit Petroleum sedang menilai tawaran-tawaran tersebut.



KEMENTERIAN Pendidikan yang diketuai oleh Setiausaha Tetap Kementerian tersebut, Dato Paduka Awang Haji Ali Hashim ketika mengadakan majlis tahlil di Kubah Makam Diraja. - Gambar oleh Abdullah HAD.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR) Jabatan Perkhidmatan Air, Kementerian Pembangunan (Bhg. II)

Bil.	Jenis Perkhidmatan	TPOR
6.	Penyambungan dan memberi maklum balas mengenai pertanyaan aduan mengenai bil tuntutan dan pembayaran	1 hari
7.	Menyiasat dan memberi maklum balas mengenai pencemaran bekalan air	13 hari
8.	Mengeluarkan keputusan/ kebenaran permohonan meter	1 minggu
9.	Memproses permohonan bagi pemasangan paip air utama ke rumah-rumah	1 bulan
10.	Bil-bil tuntutan dikeluarkan	Sekurang-kurangnya sekali dalam 2 bulan
11.	Sebarang pemotongan bekalan air yang dirancang	Dimaklumkan sekurang-kurangnya 1 hari sebelum pemotongan dibuat

INFO PERKHIDMATAN AWAM Hal-Ehwal Kenaikan Pangkat

1) PERATURAN KENAikan PANGKAT

PERATURAN bagi Kenaikan Pangkat pegawai-pegawai kerajaan telah termaktub di dalam Bab 36 - 42 Bahagian B dan Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Lantikan-Lantikan dan Kenaikan-Kenaikan Pangkat) dari Undang-Undang Tambahan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) Penggal 83 dan Perintah Am 1961.

2) GARIS PANDU SOKONGAN KENAikan PANGKAT (Tertakluk kepada kekosongan)

Kementerian / jabatan dalam menghadapi memorandum / surat sokongan ke JPA hendaklah menyertakan perkara-perkara seperti berikut:

- 2.1 Borang Kenaikan Pangkat Yang Diisikan dengan lengkap.
- 2.2 Catatan Rekod Perkhidmatan (CRP)
- 2.3 Skim Perkhidmatan (Jika ada)
- 2.4 Penilaian Prestasi
- 2.5 Salinan Sijil Kelulusan (Jika memperoleh kelulusan terbaru)

3. BORANG KENAikan PANGKAT

Borang Kenaikan Pangkat ini mestilah diisikan dengan lengkap oleh kementerian/ jabatan yang membuat sokongan. Jika tidak ianya boleh melambatkan proses/ pertimbangan kerana data dan maklumat yang dikehendaki diterangkan di dalam borang tersebut.

4. CATATAN REKOD PERKHIDMATAN (CRP)

Ini perlu disertakan oleh kementerian/ jabatan bersama Borang Kenaikan Pangkat. CRP ini perlu juga lengkap dan kemaskini serta diakui sah (dibubuh Cap Jabatan dan Ditandatangani). Ketiadaan CRP juga boleh melambatkan proses/ pertimbangan. CRP ini mempunyai rekod/ maklumat tentang beberapa perkara seperti tarikh lahir, tarikh mula berkhidmat, tanggagaji sekarang, jawatan-jawatan yang pernah dipegang, jawatan-jawatan yang pernah dipangku, latihan-latihan yang pernah dihadiri dan sebagainya.

5. SKIM PERKHIDMATAN (JIKA ADA)

- Sebahagian jawatan telah mempunyai 'Skim jawatan' yang telah diluluskan dan sebahagian jawatan masih belum mempunyai skim yang tertentu (belum diluluskan)
- Skim ini perlu bagi meneliti sama ada seseorang pegawai yang disokong itu benar-benar layak mengikut skim yang telah ditetapkan. Dengan adanya skim juga, ianya sudah setentunya akan melancarkan proses/ pertimbangan.


6. PENILAIAN PRESTASI

Dikehendaki dan penting untuk diteliti dalam memproses/ membuat pertimbangan kerana ianya menggambarkan 'performance' seseorang pegawai yang disokong itu di tahun-tahun sebelumnya (3 tahun kebelakangan)

7. SALINAN SIJIL KELULUSAN (JIKA MEMPEROLEHI KELULUSAN TERBARU)

Perlu dilihat oleh pihak-pihak berkenaan sama ada sijil itu benar-benar diperolehi oleh pegawai yang disokong dan diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Kegiatan di bulan Ramadan ... Kegiatan di bulan Ramadan ...



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria dan Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Dato Paduka Awang Haji Abdullah ketika mendengarkan ceramah agama sebelum Majlis Bersungkal anjuran Kementerian Perhubungan. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Majlis bersungkalai Kem. Perhubungan

Oleh Sahari Akim

BERAKAS. - Di samping meningkatkan amal ibadat di bulan Ramadan, umat Islam di negara ini kebiasaannya juga menyemarakkan bulan puasa yang mulia itu dengan mengadakan Majlis Bersungkalai beramai-ramai untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara satu sama lain.

Pada 10 Disember lepas, Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan majlis seumpamanya bersama penduduk Kampong Jaya Setia dan Kampong Perpindahan Burong Pingai serta penduduk sekitarnya di Masjid Sufri Bolkiah, Berakas.

Majlis yang dikendalikan oleh Jabatan Pengangkutan Darat itu juga dihadiri oleh Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Zakaria dan Dato Paduka Awang Haji Abdullah, Setiausaha

Tetap Kementerian tersebut.

Antara atur cara majlis termasuklah syarahan agama yang disampaikan oleh pegawai dari Pusat Da'wah Islamiah, membaca Surah Yaasin dan bertahlil.

Majlis seperti itu membolehkan para pegawai kerajaan berinteraksi dengan penduduk kampung yang setentunya akan meningkatkan lagi kerjasama, persefahaman dan hubungan silaturahim yang sudah sedia terjalin sesama mereka.

Ajaran Islam menggalakkan umatnya untuk saling bekerjasama, bersatu padu dan menjalin hubungan baik sesama Muslim dalam mengukuhkan lagi ukhwa Islamiah.

Khatam Al-Quran Kem. Pertahanan

Oleh Abdullah Asgar

BERAKAS. - Kegiatan membaca kitab suci Al-Quran yang diadakan di Surau Bolkiah Garison setiap malam sejak bermulanya Ramadan berakhir dengan Majlis Khatam Al-Quran.

Majlis yang diteruskan dengan sambutan Nuzul Al-Quran bagi Kementerian Pertahanan (Awam) tersebut dihadiri oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith.

Berlangsung di Surau Bolkiah Garison pada 11 Disember lalu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-

Faatihah yang dipimpin oleh imam surau berkenaan.

Kemudian bacaan surah-surah khatam pun dimulakan, ia juga diteruskan dengan bertahlil dan doa selamat dipimpin oleh imam surau berkenaan.

Lebih 200 orang pegawai dan kakitangan kementerian tersebut bahagian awam hadir di majlis itu.



MAJLIS Khatam Al-Quran anjuran Kementerian Pertahanan dihadiri sama oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith. Majlis berlangsung di Surau Bolkiah Garison. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Para penjaga anak-anak yatim diingatkan

JANGAN EKSPLOITASI KANAK-KANAK

Oleh Aliddin HM

TEMBURONG. - Para penjaga anak-anak yatim diingatkan supaya jangan mengeksploitasikan kanak-kanak untuk menjadi peminta sedekah atau lain-lain aktiviti yang seumpamanya di bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri yang akan datang ini.

Penolong Pegawai Daerah Temburong, Awang Ramlee bin Haji Jamudin yang juga selaku Pengerusi Tabung Derma Anak-Anak Yatim Daerah Temburong mengingatkan perkara itu ketika memberikan ucapan alu-aluan di Majlis Penyerahan Derma Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Temburong bagi Tahun 1422H/2001M yang berlangsung di Dewan Muafakat Jabatan-jabatan Kerajaan di sini pada 5 Disember yang lalu.

Menurutnya, kejadian seumpama ini pernah terjadi di tahun-tahun yang lalu dan diharapkan ianya tidak berulang lagi kerana perkara ini merupakan satu kesalahan di bawah Perintah Kanak-Kanak 2000.

Beliau menjelaskan, bahawa kesalahan sedemikian itu boleh menyebabkan pelakunya dikenakan hukuman penjara sehingga lima tahun dengan lapan kali sebatan atau denda tidak melebihi dari \$10,000.00 atau kedua-duanya sekali.

Beliau juga menasihati kepada semua anak-anak yatim agar dapat membelanjakan derma yang diberikan itu secara bijaksana dengan membeli barang-barang yang diperlukan sahaja di samping mengamalkan sikap berjimat cermat.

Perlu diingat bahawa derma yang dihulurkan ini tambahan, adalah bermaksud untuk membantu anak-anak yatim membiayai persediaan-persediaan sempena menyambut perayaan Hari Raya Aidilfitri yang tidak lama lagi menjelang seperti membeli pakaian dan seumpamanya dan selain itu ianya juga bertujuan untuk meringankan beban perbelanjaan

yang ditanggung oleh penjaga masing-masing.

Seramai 97 orang anak yatim di Daerah Temburong telah menerima sumbangan derma daripada Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Temburong dan Tabung Kebangsaan Anak-Anak Yatim serta daripada Bank Islam Brunei Berhad (IBB).

Setiap anak yatim menerima sumbangan derma tersebut sebanyak \$200.00.

Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Mohammad Taib bin Datu Hulubalang Haji Abdul Wahab telah menyempurnakan penyampaian sumbangan derma tersebut kepada anak-anak yatim Daerah Temburong.

Majlis pada hari itu bermula dengan bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai yang diketuai oleh Awang Haji Zaini bin Hashim, Pegawai Hal Ehwal Masjid dan kemudiannya diikuti pula dengan bacaan tahlil dan doa arwah di mana bacaan tahlil dipimpin oleh Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad, Ketua Kampong Belingus dan bacaan doa arwah pula oleh Awang Haji Md. Yusof bin Haji Osman.

Majlis juga diselenggarakan dengan penyampaian sumbangan derma kepada Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Temburong daripada syarikat-syarikat swasta dan orang perseorangan.

Sejumlah \$4,225.00 telah disumbangkan kepada Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Temburong yang diterima oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Mohammad Taib bin Datu Hulubalang Haji Abdul Wahab.

Bagi memberkati majlis pada hari itu, doa selamat telah dibacakan oleh Orang Kaya Muda Haji Md. Jair bin Haji Yahya, Ketua Kampong Puni.



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Mohammad Taib bin Datu Hulubalang Haji Abdul Wahab ketika menyempurnakan penyampaian derma Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Temburong kepada dua anak yatim daerah tersebut. Majlis berlangsung di Dewan Muafakat, Jabatan-jabatan Kerajaan, Temburong. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Pengendali pengangkut sampah diseru

Pertingkatkan pengangkutan sampah di musim Hari Raya

BILA disebut pasal sampah orang ramai akan merasa meluat mengenainya, di samping membayangkan bau busuk dan ulat-ulat yang bersarang di dalam timbunan sampah yang dibuang.

Namun begitu ada sebilangan masyarakat tidak akan merasa meluat atau kesal apabila sewenang-wenangnya membuang sampah di merata tempat namun tanpa disedarinya sendiri akan memperkatakan serta mempertikaikan kekotoran hasil dari sampah yang dilonggokkan atau dibiarkannya itu.

Sememangnya, isu sampah sering diperkatakan malah diperbualkan umpama lagu evergreen yang tidak akan henti-henti untuk diperbincangkan kerana sikap dan tabiat setengah masyarakat yang tidak bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan serta kecantikan alam sekitar ini haruslah dikikis dan dibuang terus.

Justeru sikap sebegini haruslah dihindarkan dalam pembentukan kehidupan bermasyarakat terutama dalam mewujudkan sebuah keluarga dan seterusnya sebuah masyarakat yang sihat.

Oleh itu pelbagai haruslah dihindarkan dalam pembentukan kehidupan bermasyarakat terutama dalam mewujudkan sebuah masyarakat yang sihat.

Oleh itu pelbagai seruan telah dibuat oleh pihak berwajib agar orang ramai akur dengan peraturan membuang sampah terutama dalam menjaga kebersihan dan kesempurnaan alam sekitar terutama di kawasan bandar dan perumahan agar pemuangan sampah dengan cara yang sempurna dapat dilaksanakan sama ada melalui kemudahan yang disediakan oleh pihak Bandar mahupun Jabatan Kerja Raya.

PENGUTIPAN SAMPAH

Menyentuh mengenai masalah serta pemuangan sampah yang teratur, PELI-

OLEH ABU BAKAR HAR
GAMBAR-GAMBAR
OLEH HARUN HR

TA BRUNEI baru-baru ini telah membuat pendekatan bersama Penolong Setiausaha Bandaran dalam pemuangan sampah.

Menurut Awang Haji Aliuddin, Jabatan Bandaran membuat perkhidmatan pengangkutan sampah tertumpu di kawasan bandar yang mana melibatkan rumah-rumah persendirian dan swasta serta perniagaan yang dikawal oleh jabatan tersebut yang membayar cukai pintu adalah dibuat pengangkutan sampahnya secara percuma.

Walau bagaimanapun jabatan berkenaan, katanya, juga ada membuat perkhidmatan pengutipan sampah di luar bandar terutama bagi rumah-rumah pegawai kerajaan seperti di kawasan Anggerik Desa serta pegawai-pegawai kerajaan yang diberi perumahan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dengan mengenakan bayaran melalui potongan gaji, di samping jabatan-jabatan kerajaan, sekolah-sekolah dan institusi kerajaan.

Menyentuh mengenai kawasan-kawasan yang dikawal di pengawasan Jabatan Bandaran, beliau seterusnya menjelaskan bahawa jabatan berkenaan mengutamakan pemungutan sampah terutama di kawasan bandaran sekitar 14.7 kilometer persegi



PENOLONG Setiausaha Bandaran, Awang Haji Aliuddin menjelaskan, perkhidmatan pemuangan sampah bagi Jabatan Bandaran hanya tertumpu di kawasan bandar sahaja.

yang dianggap sebagai kawasan yang intensif, di samping dipertanggungjawabkan untuk pemungutan sampah di luar kawasan bandaran sehingga ke Pekan Muara dan Jerudong Park.

Dalam pemungutan sampah ini, Jabatan Bandaran menganggarkan sebanyak 200 hingga 300 trip sehari di mana bilangan ini sudah dianggap banyak kuantitinya.

PENGLIBATAN SWASTA

Manakala penglibatan sektor swasta dalam mengendalikan pemuangan sampah ini, Awang Haji Aliuddin menjelaskan bahawa ianya sangat baik di mana jelasnya mereka ini saling bekerjasama dengan mereka.

Setakat ini, katanya sebanyak lapan buah syarikat telah berdaftar dengan jabatan tersebut bagi usaha kebersihan di luar bandar dengan mempertanggungjawabkan lapan buah kawasan untuk dikutip sampahnya.

Sewaktu pertemuan Jabatan Bandaran dengan lapan pengendali pengangkut sampah yang berdaftar dengan jabatan berkenaan baru-baru ini menyeru pengendali pengangkut sampah supaya sebelum menjelang Hari Raya dan seminggu sesudah Hari Raya yang mana jangkaan peningkatan jumlah sampah serta beban buangan akan bertambah.

HENTIKAN OPERASI

Selain dari itu, Jabatan Bandaran juga memberi peringatan kepada pengangkut sampah yang tidak berdaftar dengan jabatan berkenaan supaya menghentikan operasi mereka yang jika didapati boleh dikenakan hukuman undang-undang.

Amaran tersebut dibuat adalah bagi memastikan peraturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh jabatan berkenaan dapat diikuti serta dipatuhi.

DIDENDA

Menurut Awang Haji Aliuddin kepada sesiapa yang didapati bersalah dengan sewenang-wenangnya membuang atau melonggok secara sengaja terutama di kawasan terkawal iaitu di kawasan Lembaga Bandaran akan dikenakan dengan menurut akta.

Mengenai dengan kadar bayaran pemungutan sampah Penolong Setiausaha Bandaran menjelaskan, Jabatan Bandaran mengenakan bayaran sebanyak \$25 bagi



SAMPAH-SARAP yang dibuang merata-rata, bukan saja mencemarkan alam sekitar tetapi juga boleh mengganggu kesihatan mereka yang tinggal di sekeliling.

rumah-rumah persendirian dan \$45 bagi rumah-rumah perniagaan dan bagi perkhidmatan kontena dikenakan bayaran \$150 sebulan.

"Kalau dikira perkhidmatan pengangkutan sampah yang dibuat oleh jabatan ini yang mengendalikan pemungutan sampah sebanyak tiga kali seminggu di tempat-tempat tersebut adalah sebagai satu kos yang sangat murah dan jika difikirkan dari segi logistik dan gaji-gaji pekerja yang sangat mahal dan ini cuma satu skim pengalakan kepada orang ramai supaya membuang sampah dengan sempurna," jelas Awang Haji Aliuddin.

Sementara jenis sampah yang berupa minyak yang telah dipakai, racun, kimia mahupun jenis makan yang tarikhnya sudah tamat, Awang Haji Aliuddin mengingatkan orang ramai yang ingin membuang sampah seperti itu bolehlah menghubungi jabatan berkenaan sebelum membuangnya dan jabatan tersebut akan menyediakan satu tempat khas yang sentiasa dipantau oleh Jabatan Bandaran dan Jabatan Perkhidmatan Kesihatan demi untuk menjaga keselamatan.

PANCUTAN PEWANGI

Mengenai pusat pelupusan sampah yang terletak di Jalan Sungai Akar, satu syarikat dari luar negeri telah dipilih untuk memasang satu pancutan pewangi bagi mengelakkan bau yang ada di kawasan tersebut berleluasa dan seterusnya bagi mengurangkan ketidakselesaan orang ramai yang tinggal berdekatan di kawasan tersebut serta pemandu-pemandu kenderaan yang melintasinya.

Jelasnya langkah yang diambil berwajib dalam memberikan keselesaan serta kemudahan kepada orang ramai amat dititikberatkan terutama dalam menjamin kebersihan serta kecantikan alam sekitar.

Dengan peruntukan yang amat banyak membuktikan kerajaan negara ini amat mementingkan kesihatan rakyat agar hidup sihat waimapun dalam agama kebersihan itu amat dituntut dalam melakukan sebarang amalan.



SEKIRANYA orang ramai dan pengendali pemuangan sampah tahu tanggungjawab masing-masing pemuangan sampah seumpama ini tidak akan terjadi.



PARA pengendali pengangkutan sampah perlu kerap mengangkut sampah di mana kawasan yang mereka kendalikan agar pemuangan sampah yang berlimpah seperti ini tidak berlaku.

SEKILAS TINJAU RKN KE-8

LEBIH 18,000 PELUANG PEKERJAAN UNTUK DIISI HINGGA 2005

ISU-ISU kekurangan pekerjaan yang dialami negara ketika ini akan dapat diatasi dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 (RKN Ke-8) 2001 - 2005 dengan kerajaan sedang mewujudkan lebih 18,000 peluang pekerjaan dalam usahanya meluaskan industri pekerjaan.

Laporan yang dikeluarkan oleh RKN Ke-8 mengenai peluang pekerjaan kosong menjelang 2005 yang boleh diisi oleh anak-anak tempatan terdapat tujuh kategori yang ditawarkan yang mencatatkan lebih 17 jenis pekerjaan yang boleh direbut bermula dalam pentadbiran hinggalah perburuhan.

Mengikut statistik Jabatan Buruh waktu ini, terdapat lebih 7,000 pencari kerja di negara ini tetapi tidak semuanya berdaftar dengan jabatan itu, cuma lebih 5,000 yang berdaftar atau dalam senarai menunggu bagi mendapatkan pekerjaan mengikut kelulusan masing-masing.

Mereka terdiri lepasan Universiti Brunei Darussalam (UBD), universiti luar negeri, pengajian tinggi dalam dan luar negeri yang mempunyai ijazah dan diploma serta lepasan sekolah menengah.

Pelan peluang pekerjaan yang diwujudkan itu termasuklah dalam bidang-bidang perburuhan, pembersihan dan pelengkapan, pengangkutan serta kerja-kerja yang bersangkutan di mana 3,960 kekosongan akan boleh diisi menjelang tahun 2005 iaitu 35,860 berbanding hanya 31,900 pada 2001.

Peluang pekerjaan kedua terbesar yang akan turut disediakan sehingga tahun 2005 nanti ialah peringkat profesional, teknisyen dan pekerjaan berkaitan iaitu 3,125 kekosongan iaitu pada tahun ini hanya 34,365 manakala pada 2005 iaitu lebih 37,490 pekerjaan.

Buat masa ini, tenaga kerja negara telah mencapai

**Susunan Abdullah Asgar
Gambar-gambar oleh Halim HS**

145,000 tetapi menjelang tahun 2005 nanti jumlah itu akan bertambah pada 163,000 iaitu tambahan 18,000 pekerjaan yang akan dapat diisi oleh anak-anak tempatan yang sedang mencari pekerjaan.

Senarai ketiga yang banyak menawarkan peluang pekerjaan sehingga 2005 nanti ialah bidang-bidang pembuatan dan pertukangan, pengendalian dan pemasangan dan kerja-kerja yang berkaitan.

Pada bidang pekerjaan ini, sejumlah 3,311 pekerjaan kosong yang boleh diisi oleh anak tempatan, yang mana pada tahun ini, bidang tersebut menawarkan lebih 27,985 pekerjaan tetapi sehingga tahun 2005 jumlah meningkat kepada 31,296 pekerjaan.

Bidang ini dijangka akan menjadi tumpuan di kalangan lepasan institusi dan maktab teknik serta peringkat sekolah vokasional.

Peluang pekerjaan seterusnya untuk diisi menjelang 2005 ialah bidang-bidang perkhidmatan-perkhidmatan, kedai, pasar raya serta kerja-kerja yang berkaitan.

Pada tahun 2001, jumlah peluang pekerjaan ini hanya 20,735, manakala menjelang tahun 2005 nanti ia akan mencapai 23,309 iaitu tambahan 2,574 jenis pekerjaan.

Dalam bidang ini juga dijangka akan menjadi tumpuan anak-anak tempatan khususnya lepasan sekolah menengah yang gagal dan tersangkut dalam peperiksaan PMB, peringkat biasa dan lanjutan.

Di samping itu, peluang-peluang pekerjaan dalam bidang-bidang pertanian, perhutanan dan perikanan juga menyumbangkan kekosongan yang agak tinggi yang boleh diisi oleh anak-anak tempatan.

Dalam buku laporan RKN Ke-8 mengenai peluang-peluang pekerjaan di bidang ini terdapat 4,075 pada 2005 pekerjaan-pekerjaan yang boleh diisi oleh pencari-pencari kerja yang ramai menganggur ketika ini.

Sementara itu, dalam bidang tersebut juga pada tahun 2001 hanya terdapat 1,885 pekerjaan yang menunjukkan pertambahan angka 2,190 yang boleh diisi dan dijalankan sebagai pekerjaan.

Dengan keadaan tambahan peluang pekerjaan yang agak besar ini, anak-anak tempatan seharusnya membuat pilihan yang bersesuaian, manakala di kalangan mereka yang memang lulus ijazah dan diploma hendaklah memanfaatkan kelulusan yang ada untuk ditawarkan dalam negeri.

Sementara dalam peluang pekerjaan yang bertaraf perindustrian di sektor awam, bidang perkhidmatan



GAMBAR HIASAN ... Peluang pekerjaan kedua terbesar yang turut disediakan sehingga tahun 2005 nanti termasuklah di peringkat profesional dan teknisyen.

masyarakat, sosial dan persendirian merupakan jumlah besar yang ditawarkan oleh kerajaan.

Dalam peluang ini, terdapat 8,260 pekerjaan yang disediakan menjelang 2005 sedangkan pada tahun ini senarainya pada 69,165 manakala pada RKN Ke-8 2001 - 2005 jumlah akan mencapai 77,425.

Bidang perniagaan, perhotelan dan restoran juga menawarkan jumlah pekerjaan yang lumayan iaitu 2,900 pada tahun 2005 di mana pada tahun ini jumlahnya hanya 20,735 tetapi pada 2005 ia meningkat kepada 23,635 pekerjaan.

Pembinaan dalam sektor awam juga turut menyumbangkan peluang pekerjaan yang boleh diisi di mana pada tahun 2005 terdapat 1,672 pekerjaan ditawarkan.

Pekerjaan dalam bidang ini pada tahun 2001 ialah 16,095, sementara pada tahun 2005 ia ditambah kepada 17,767 pekerjaan.

Dalam bidang ini, negara masih mendatangkan pekerja asing bagi menjalankan kerja-kerja pembinaan dengan menggunakan sistem kontrak. Ini tidak terkecuali

dengan pembantu rumah yang jumlahnya terus meningkat.

Walau bagaimanapun, ketika kegawatan ekonomi 1997 - 1998 jumlah pekerjaan asing menurun di mana dalam tahun 1996 terdapat 69,400 orang pekerja asing bekerja di negara ini tetapi tahun lalu angkanya berkurangan hanya 66,723 orang.

Apapun jumlah peluang pekerjaan yang ditawarkan menjelang 2005 nanti merupakan langkah terpuji kerajaan demi mengatasi pengangguran yang semakin bertambah.

Selama ini ia menjadi isu semasa sehingga ada kalangan lepasan universiti dalam dan luar negeri tidak mempunyai pekerjaan buat masa jangka panjang.

Pelbagai langkah telah disyorkan oleh pihak tertentu untuk mengurangkan jumlah tawaran bekerja di luar negara atau membuka perniagaan sendiri.

Tetapi dengan adanya struktur, peluang pekerjaan dalam RKN Ke-8 2001 - 2005, isu ini akan dapat dikurangkan walaupun tidak sepenuhnya.



BIDANG-BIDANG pembuatan, pertukangan, mengendalikan dan pemasangan dan kerja-kerja yang berkaitan merupakan senarai ketiga yang banyak menawarkan peluang-peluang pekerjaan.



GAMBAR HIASAN ... Pelan peluang pekerjaan yang diwujudkan nanti termasuklah di bidang-bidang perburuhan, pembersihan dan pelengkapan dan lain-lain yang mana lebih tiga ribu kekosongan akan boleh diisi menjelang tahun 2005.

Sukatan pelajaran baru mata pelajaran Sains

PERKEMBANGAN bidang sains, teknologi, perdagangan dan kesan globalisasi dan kemajuan pendidikan yang semakin pesat dan meluas telah memberi pengaruh kepada sistem pendidikan di Negara Brunei Darussalam sekali gus memberi banyak perubahan termasuk keperluan untuk meneliti dan menilai semua aspek-aspek kurikulum sekolah.

Fenomena itu telah membuat Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan mengambil usaha-usaha dan langkah yang positif ke arah memperbaiki

kedudukan kurikulum sekolah terutama di peringkat rendah dan menengah bawah persekolahan dengan menyediakan pelan-pelan tindakan yang kemaskini lebih sesuai dan relevan dengan kehendak semasa dan lebih memenuhi matlamat falsafah pendidikan negara ketika ini.

Melalui laporan kertas kerja Penelitian Kurikulum Sekolah telah menggariskan pembaharuan kurikulum baru yang lebih lengkap dan seimbang yang diharap dapat membekalkan pelajar-pelajar dengan segala pengetahuan kemahiran dan nilai-nilai agama yang lebih padat dan berkualiti sebagai persediaan menghadapi cabaran-cabaran abad ke-21 yang penuh dengan persaingan era globalisasi.

Salah satu ciri pembaharuan yang dicadangkan ialah pengurangan isi atau kandungan dalam mata pelajaran tertentu dan memberi penekanan terhadap aspek-aspek kesimbangan antara pengetahuan, kefahaman, kemahiran dan nilai-nilai.

Pengurangan isi kandungan pelajaran itu akan digantikan dengan perisian yang lebih relevan dan terancang tanpa menjejaskan kemahiran-kemahiran asas pelajar-pelajar.

Mata pelajaran sains rendah atas merupakan antara mata pelajaran yang diberi penekanan semula untuk dinilai semula dari segi sukatan pelajaran, panduan guru dan bahan-bahan kurikulum seperti buku teks dan kerja.

Penelitian yang lebih rapi itu diharap akan memberi pencapaian prestasi pelajar-pelajar dalam mata pelajaran berkenaan dengan lebih cemerlang.

Satu Jawatankuasa Pembentukan Sukatan Pelajaran Baru Sains telah ditubuhkan pada tahun lepas bagi meneliti dan menilai semula kurikulum mata pelajaran sains rendah atas.

Pegawai-pegawai dari Jabatan Perkembangan Kurikulum, Institut Pendidikan Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam, Jabatan Sekolah-sekolah (termasuk guru-guru sekolah rendah) dan Jabatan Kenaziran Sekolah-Sekolah dan Jabatan Peperiksaan merupakan antara ahli-ahli komiti dalam jawatankuasa tersebut.

BENGKEL LATIHAN

Sebanyak 63 buah sekolah rendah kerajaan dan bukan kerajaan dari semua daerah yang diwakili seramai 65 orang yang terdiri daripada guru-guru sains rendah atas termasuk guru-guru dari

SASARAN PENCAPAIAN PELAJAR LEBIH CEMERLANG

Oleh Samle Haji Jait
Gambar-gambar oleh
Masri Osman

Projek Guru-guru Khusus Matematik dan Sains Sekolah Rendah Kerajaan telah dipilih menyertai bengkel fasa I.

Mereka merupakan guru yang mempunyai kebolehan dan berkelayakan dalam mengendalikan bengkel selain komited, bertanggungjawab dan sentiasa memberikan kerjasama serta mempunyai latar belakang dalam pengajaran mata pelajaran sains.

Guru-guru berkenaan juga terlibat dalam Komiti Pembentukan Sukatan Pelajaran Baru Sains Rendah Atas, Projek Guru-guru Khusus Matematik dan Sains Sekolah Rendah Kerajaan.

KEY TEACHERS

Setelah mengikuti bengkel, peserta-peserta ini akan dijadikan 'key teachers' yang akan berperanan untuk memberikan 'multiplier effect' kepada guru-guru sains yang lain dengan mengendalikan bengkel-bengkel secara berkumpulan di peringkat sekolah mengikut zon atau daerah masing-masing.

Kumpulan itu akan bertindak mewujudkan kumpulan kerja profesional di mana guru-guru akan saling bantu-membantu secara kolaboratif dan koperatif dalam menangani masalah dalam

pengajaran dan pembelajaran sains.

OBJEKTIF

Pengendalian Bengkel Latihan Guru-guru Sains Rendah Atas Bagi Sukatan Pelajaran Baru Mata Pelajaran Sains bertujuan untuk memaklumkan kepada guru-guru sains rasa kekitaan dan komitmen terhadap pembaharuan atau inovasi dalam kurikulum sains peringkat rendah atas.

Guru-guru juga berpeluang untuk berinteraksi dan menyuarakan sebarang ketidakfahaman atau keraguan yang berkaitan dengan isi kandungan, strategi pengajaran serta penilaian Sukatan Pelajaran Baru Sains Rendah Atas.

Selain memberikan pendedahan untuk mendapatkan pengalaman dalam 'science enquiry methodologies' melalui aktiviti-aktiviti amali, bengkel juga melatih peserta kepada penggunaan ICT sebagai salah satu alat bantu mengajar yang dapat mempertingkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran sains.

Para peserta juga berpeluang bagi melatih cara merancang, membentuk serta menyediakan corak aktiviti pengkayaan kurikulum, pendedahan mengenai penggunaan konsep-konsep sains ke dalam



PENGARAH Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan Kementerian Pendidikan, Dr. Hisham bin Haji Mohd. Sum menyampaikan sijil kepada seorang fasilitator.



SEORANG guru yang menyertai Bengkel Latihan Rendah Atas (Darjah IV) bagi sukatan Pelajaran Baru Mata Pelajaran Sains Fasa I menerima sijil di Hari Penutup bengkel tersebut pada 1 Disember lalu.

kehidupan seharian, di samping membiasakan mereka dengan prosedur SBA bagi pencipta serta menilai mekanisme penilaian dari instrumen sendiri yang efektif.

PROGRAM BERFASA

Bengkel latihan yang dilaksanakan dalam tiga kumpulan yang berasingan itu telah menamatkan bengkel fasa I dengan dua sesi awal bulan Disember lalu yang menasaskan pelaksanaan Sukatan Pelajaran Baru Sains bagi tahun 2003.

Sementara itu, Bengkel Peringkat Sekolah (School-Based Workshop) akan mula diadakan pada tahun depan di mana guru-guru sains yang telah diberi latihan mengenai 'ITA in Science' akan memberikan 'multiplier effect' kepada guru-guru

sains yang lain.

Bengkel juga akan memasukkan program pengajaran dan penggunaan ICT dalam mata pelajaran berkenaan.

Intipati program bagi bengkel berkenaan juga meliputi sesi taklimat, latihan serta aktiviti-aktiviti pengkayaan kurikulum sains.

Cara untuk mengatasi masalah secara kolaboratif dan koperatif dalam pelaksanaan sukatan pelajaran baru itu juga ditekankan.

PERKEMBANGAN PROFESIONAL

Hasrat bagi perubahan sukatan pelajaran baru Sains Rendah Atas adalah diperlukan dan menghendaki guru mereformasikan diri ke arah pandangan, skop dan daya usaha me-

lengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran-kemahiran mengajar yang lebih canggih dan seimbang.

Mereka juga memerlukan latihan latihan dan bimbingan yang sesuai dan berkesan dalam mempertingkatkan keupayaan pengajaran dan prestasi mereka dalam bidang kerja yang kian berat dan mencabar.

Latihan-latihan untuk penyesuaian atau orientasi kepada sukatan pelajaran baru mata pelajaran ini adalah merupakan satu program perkembangan profesional bagi guru-guru sains supaya dapat meningkatkan teknik-teknik pengajaran dan menguasai kaedah-kaedah baru yang diperkenalkan dalam mata pelajaran berkenaan.



PARA peserta tekun mengadakan salah satu aktiviti sepanjang bengkel fasa I yang dikendalikan oleh fasilitator dari Jabatan Perkembangan Kurikulum, Dayang Hiew Oh Peck Yoke.

ARENA SUKAN

SKIM Bola Sepak Remaja yang merupakan sebahagian daripada Program Pembangunan Belia, dikelolakan bersama oleh Jabatan Belia dan Sukan (JBS) dan Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (BAFA), telah berjaya melahirkan banyak pemain remaja yang berbakat, dan telah diserapkan beraksi ke dalam skuad bola sepak kebangsaan negara.

Pemain-pemain muda seperti Riwardi Wahit, Affendi Yati Tuah, Wardon Yusof, Shahrul Rizal, Awangku Shahril Pengiran Haji Ismail, Awangku Sallehuddin Pengiran Haji Damit, Subhi Abdullah Bakir dan beberapa pemain lain berjaya diasuh oleh beberapa orang jurulatih tempatan dan luar negeri sehingga diberikan penghormatan mewakili negara.

Bakat mereka yang digilap beberapa tahun bermula dari peringkat umur 18 tahun ke bawah melalui skim berkenaan berjaya membuahkan hasil dengan mempamerkan permainan cemerlang dan diketengahkan di Kejohanan Liga Perdana Malaysia, Sukan SEA, saringan Piala Asia dan perlawanan saringan Piala Dunia Peringkat Asia.

Melalui bimbingan dari skim itu, BAFA tidak ketandusan pemain untuk diketengahkan dalam satu-satu kejohanan, malahan mempunyai banyak pilihan barisan pemain muda yang sudah bersedia mewakili negara.

AMAT PENTING

Naib Presiden BAFA dan juga Presiden Pertubuhan Bola Sepak Daerah Brunei dan Muara (PBDBM), Pengiran Haji Ali Hassan Pengiran DSLJ Haji Abas, ketika diminta mengulas perkembangan itu baru-baru ini menyifatkan skim tersebut amat penting dan berguna dalam mengembangkan mutu permainan bola sepak negara.

Menurutnya, dari skim projek berkenaan para pemain dalam pelbagai peringkat umur dilatih dan diberikan dengan pendekatan asas, teknik dan skill secara berperingkat-peringkat dalam satu jangka masa yang ditentukan dan kemudian didedahkan dalam perlawanan peringkat

kat daerah-daerah.

"Program ini bagus sebab ianya membantu melahirkan banyak pemain-pemain berbakat dan berpotensi untuk pasukan daerah-daerah dan juga memberikan manfaat jangka panjang kepada BAFA," jelasnya.

Dari situlah tambahnya, matlamat sebenar skim tersebut diwujudkan dan selanjutnya akan

Oleh Haji Ahat Haji Ismail

dapat menampilkan barisan pemain-pemain pelapis masa depan.

Dalam pada itu, beliau menjelaskan, perkembangan bola sepak sememangnya bermula di peringkat belia dan Persatuan Bola Sepak Asia (AFC) memang meng-

galakkan supaya perkembangan bola sepak belia sentiasa diberikan perhatian."

Bagi Persatuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) pula katanya juga menggalakkan semua ahli-ahli gabungannya mendevelop talent pemain muda

ini bermula pada golongan belia untuk dijadikan sebagai pemain senior satu masa.

Skim yang pada asasnya bermula pada tahun 1987 yang dikenali dengan Skim Bola Sepak Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan telah berkembang maju dengan mendapat sokongan padu dari ibu bapa dan penjaga memberikan sokongan dan dorongan, menghantar anak-anak mereka mengikuti skim berkenaan.



"SKIM ini bagus kerana ianya mempunyai objektif ke arah kemajuan bola sepak di negara ini ..." Naib Presiden BAFA, Pengiran Haji Ali Hassan. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Lihat muka 13



PENGLIBATAN di peringkat awal amat penting bak kata pepatah, melentur buluh biarlah dari rebung.

JADUAL LATIHAN

HARI	8.00 - 10.00 PAGI	3.00 - 4.30 PETANG	4.30 - 6.30 PETANG	PADANG
ISNIN	"	SKIM 16 TAHUN	SKIM 18 & 20 TAHUN	PADANG 'A'
SELASA	"	"	"	"
RABU	"	"	"	"
KHAMIS	"	"	"	"
JUMAAT	SKIM BAWAH 13 TAHUN	SKIM BAWAH 13 TAHUN	"	"
SABTU	"	SKIM 16 TAHUN	SKIM 18 & 20 TAHUN	"
AHAD	SKIM BAWAH 13 TAHUN	"	"	"

MELALUI bimbingan dari skim itu, BAFA tidak ketandusan pemain untuk diketengahkan dalam satu-satu kejohanan, malahan mempunyai banyak pilihan barisan pemain muda yang sudah bersedia mewakili negara.



KELIHATAN jurulatih dari Korea, Young Joon Choi membimbing pemain muda yang dipilih untuk mewakili negara di kejohanan luar negeri. - Gambar oleh Hamadi HM.

ARENA SUKAN

Dari muka 12

300 PEMAIN

Menurut catatan, ketika ini terdapat lebih 300 orang pemain berumur 13 tahun ke bawah menghadiri latihan setiap hari Jumaat dan Ahad. Bagi pemain umur bawah 16 tahun menjalani latihan setiap hari Isnin, Selasa dan Rabu, manakala pemain-pemain bawah umur 20 tahun menjalani latihan setiap hari Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis.

Kini PBDBM bersama JBS menyelaraskan latihan skim berkenaan setiap minggu bersama jurulatih bola sepak JBS, David Woodfield (sudah menamatkan perkhidmatan) dan

sekarang jurulatih dari Korea, Young Joon Choi, bersama Jurulatih Kebangsaan, Haji Idris Haji Damit (bersara), Dayem Haji Ali, Zainuddin Kassim, Haji Yusof Rashid, Moksir Mohammad, Sabri Haji Ismail, Mohd. Noor Haji Hamid, Hamidon Haji Mat Zin dan Abdullah Haji Jalil melatih pemain-pemain mengikut peringkat umur masing-masing.

Latihan-latihan setiap minggu itu menentengahkan pelbagai aspek permainan bola sepak yang meliputi kecergasan, strategi, skill dan teknik selain mengadakan beberapa perlawanan ujian dan kejohanan peringkat umur antara daerah.

Ujian perlawanan dan kejohanan-kejohanan seperti lima sepasukan peringkat umur 10,11,12, 13,14 dan 15 tahun. Kejohanan umur 16 tahun dan 18 tahun ke bawah termasuk peringkat daerah-daerah merupakan sebahagian dari aktiviti bagi mengenal pasti tahap peningkatan para pemain.

MENDAPAT PENDEDAHAN

Lebih jauh daripada itu pula pemain-pemain ini berpeluang mendapat pendedahan terpilih menyertai kejohanan peringkat belia di luar negeri seperti Sukan SUKMA, Arafura.



PEMAIN Skim Bola Sepak menyertai Kejohanan Bola Sepak Karnival peringkat umur di Padang Mengliat. - Gambar oleh Masri Osman.



SALAH satu dari aktiviti skim ialah mengadakan perlawanan peringkat umur untuk memberikan pendedahan pada diri setiap pemain.

AKTIVITI SKIM LATIHAN JADUAL LATIHAN					
	APRIL	MAY	JUNE	JULY	AUGUST
COMPETITION (International)		ARAFURA 16 - 26 MAY DARWIN AUSTRALIA U-19 Third Place			
COMPETITION (Local)			KILANAS CUP 8 June 4 : 3 Win vs KILANAS 15 June 3 : 1 Win vs MPK F.C.	INTER DISTRICT MATCH 29 June 2 : 0 Win vs Tutong 1 July 4 : 1 Win vs Belait 6 July 2 : 2 draw vs Muara 13 July 1 : 0 Win vs Tutong	DEVELOPMENT CUP 5A SIDE MATCH 13,16, AUG. MENGLAIT
Remark					
	SEPTEMBER	OCTOBER	NOVEMBER	DECEMBER	
COMPETITION (International)	SEA GAME 31 Aug - 12 Sep KUALA LUMPUR U-23				
COMPETITION (Local)		KILANAS CUP 5 Oct 3 : 2 Win vs KOTA RANGERS	REP CUP 2 Nov. 2 : 3 loss SCHEME CARNIVAL 2, 4, Nov. MENGLAIT INTER DISTRICT FRIENDLY MATCH 9 Nov. MENGLAIT	17 - 23 Dec. Hari Raya	
Remark					

Kejohanan Olahraga Antara Institusi-institusi Jabatan Penjara Kali Ke-2, 2001

JERUDONG, November. - Jabatan Penjara baru-baru ini telah mengadakan Kejohanan Olahraga Antara Institusi-institusi

Jabatan Penjara Kali Ke-2, 2001. Kejohanan ini telah diadakan di Stadium Negara Hassanah Bolkiah, Berakas Negara Brunei Darussalam.

Sebanyak empat institusi telah menyertai kejohanan berkenaan iaitu Institusi Penjara Jerudong, Rumah Al-Islah Muara dan ibu pejabat selaku pe-

Oleh Roslan Dambong
nganjur kejohanan bagi tahun ini.

Ahmad bin Haji Dullah, Pengarah Penjara, Negara Brunei Darussalam.

Sebanyak 39 acara balapan dan padang telah

dipertandingkan. Johan keseluruhan telah dimenangi oleh Ibu Pejabat dengan kiraan mata 302 mata dengan kutipan pingat 14 pingat emas, 6

perak dan 8 gangsa. Manakala Institusi Penjara Maraburong dan Institusi Penjara Jerudong di tempat kedua dan ketiga.



PENGARAH Penjara, Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Ahmad bin Haji Dullah ketika menyampaikan hadiah kepada pemenang Pertandingan Olahraga Jabatan Penjara.

Kejohanan ini merupakan projek dwi tahunan Jabatan Penjara bagi mencongkel bakat-bakat baru untuk mewakili jabatan ini ke Kejohanan Olahraga Penjara-penjara ASEAN yang akan diadakan pada tahun hadapan di Semenanjung, Malaysia. Dan tujuan olahraga ini di adakan ialah bagi mengeratkan lagi hubungan tali silaturahim diantara pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan ini.

Majlis pembukaan rasmi kejohanan telah di rasmikan oleh Haji Abdul Manan bin Haji Abdul Rahman, Timbalan Pengarah Penjara, Negara Brunei Darussalam.

Manakala majlis penutupan rasmi kejohanan disempurnakan oleh Haji



PARA pemenang Kejohanan Olahraga antara institusi-institusi Jabatan Penjara Kali Ke -2, 2001 gembira dengan kemenangan yang diperolehi.

OLEH ALIDDIN HAJI MOKTAL

PADA setiap tahun, umat Islam di dunia akan menyambut Syawal yang mulia ini. Kedatangan Aidilfitri ini amat dinanti-nantikan oleh semua umat Islam setelah sebulan menjalankan ibadat puasa dan ianya merupakan hari kemenangan kepada mereka setelah berjaya menyempurnakan ibadat puasa dengan penuh ketakwaan dan kesabaran dalam mengawal nafsu amarah sepanjang melaksanakan ibadat puasa tersebut.

Sesungguhnya, kegembiraan berhari raya itu bukanlah diukur dan bergantung kepada kehebatan pakaian atau hiasan serta banyaknya kuih-muih pada Hari Raya itu, tetapi ianya terletak kepada sejauh mana bertambahnya ketakwaan dan keimanan kita.

Kedatangan Aidilfitri hendaklah kita sambut dengan ucapan takbir, bertahmid dan bertahlil yang memecahkan kehenangan dan kesyahduan di pagi Raya di mana alunan takbir terus berkumandang dari masjid-masjid dan surau-suru dan balai-balai ibadat dan juga menerusi stesen-stesen radio dan televisyen menelusur dalam sanubari kaum Muslimin dan Muslimat.

Awal-awal pagi lagi umat Islam sudah siap sedia untuk pergi ke masjid, surau dan balai ibadat untuk menunaikan sembahyang sunat Aidilfitri. Mereka bertakbir, bertahmid

dan berzikir memuji kebesaran Allah Subhanahu Wataala bagi memohon keampunan, memanjakan kesyukuran atas nikmat yang dikurniakan dan memohon doa agar sentiasa di dalam pemeliharaan-Nya.

Dalam suasana kemeriahan menyambut Hari Raya Aidilfitri pada setiap tahun, kita dituntut mengeratkan tali silaturahmi sesama keluarga dan sahabat handai. Kunjung-mengunjungi ke rumah kaum kerabat, jiran-jiran dan kawan-kawan sambil bermaaf-maafan dengan



KEGEMBIRAAN Hari Raya bukan diukur dari kehebatan pakaian atau banyaknya kuih-muih tetapi terletak kepada ketakwaan dan keimanan kita, kerana Hari Raya Aidilfitri itu adalah kemenangan bagi umat Islam yang mengerjakan ibadah puasa di bulan Ramadan.

HARI RAYA AIDILFITRI KEMENANGAN BAGI UMAT ISLAM



ANAK-ANAK digalakkan memohon keampunan atau menzilarhi kedua ibu bapa atau yang lebih tua.



KUNJUNG-MENGUNJUNGI ke rumah sahabat handai dan sanak-saudara ataupun jiran-jiran sambil bermaaf-maafan amat digalakkan di hari yang mulia ini.

menghulurkan tangan jari sepuluh minta keampunan.

Adat resam dan tradisi selaras dengan ajaran Islam ini masih kukuh di kalangan masyarakat kita meskipun suasana dan persekitaran sudah banyak berubah dibawa arus kemodenan. Nilai-nilai murni mampu dikekalkan dengan adanya ikatan kekeluargaan dan semangat berkesatuan masyarakat yang masih kukuh kita amalkan di negara ini.

Kita kikis segala dendam dan kebencian, kita jauhkan iri hati dan dengki dan kita gantikan dengan perasaan mahabbah atau saling kasih-mengasihi sesama Muslim serta kita bina hubungan persaudaraan yang kukuh berlandaskan persaudaraan Islam.

Lazimnya, setelah selesai menunaikan sembahyang sunat Aidilfitri, seisi keluarga akan berkumpul. Anak-anak berzarah mencium tangan kedua-dua ibu bapa mereka untuk memohon keampunan. Isteri mencium tangan suami bagi sama-sama memohon keampunan dan kemaafan. Begitulah seterusnya antara adik-beradik yang lain.

Bagi anak-anak yang sudah berkeluarga dan tidak tinggal bersama orang tua bersama anak isteri mereka akan pulang dan berkumpul di rumah ibu bapa atau mertua, biasanya di pagi Hari Raya pertama. Kemeriahan dan suasana syahdu amat terasa bersama ibu bapa, anak cucu, adik-beradik dan ipar-duai.

Bagi mereka yang tinggal jauh di ibu kita, daerah-daerah atau bertugas dan

belajar di luar negeri, mereka akan memanfaatkan Aidilfitri ini untuk pulang ke kampung halaman atau balik bercuti ke negara ini untuk meraikannya bersama keluarga.

Kehangatan dan kemeriahan Hari Raya Aidilfitri lebih dirasakan oleh golongan kanak-kanak. Di samping bergembira bersama rakan sebaya dan menikmati hidangan Hari Raya Aidilfitri, mereka juga menerima sampul surat hijau yang mengandungi wang yang dihulurkan oleh orang yang lebih tua.

Juga tidak dilupai termasuklah kaum keluarga yang sudah kembali ke rahmatullah. Kebanyakan keluarga akan pergi ke tanah perkuburan menghadih bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, membaca Surah Yaasiin dan bertahlil memohon rahmat agar roh para arwah akan mendapat keampunan daripada Allah Subhanahu Wataala.

Dalam kemeriahan kita menyambut dan menikmati Hari Raya Aidilfitri itu, janganlah kita melupakan kepada golongan kurang

berkemampuan terdiri daripada fakir miskin, anak-anak yatim, janda-janda, orang-orang cacat anggota dan sebagainya. Mereka ini adalah orang-orang yang serba kekurangan yang hanya mampu menitis air mata di bawah gema takbir.

Alhamdulillah, di negara kita sangat mengambil perhatian yang berat kepada golongan yang kurang berkemampuan di mana setiap tahun mereka menerima sumbangan daripada agensi-agensi kerajaan, swasta, persatuan-persatuan bukan kerajaan dan orang ramai berbentuk wang, barangan dan makanan.

Keprihatinan dan pengalangan pihak-pihak yang terlibat dalam menyumbangkan sebarang sumbangan dalam membantu golongan yang kurang berkemampuan itu, sedikit sebanyak akan dapat membantu mereka dalam sama-sama merasakan suasana Hari Raya Aidilfitri.

Syawal datang dan pergi setiap tahun, mudah-mudahan kita akan sentiasa

diberkati oleh Allah Subhanahu Wataala dan dilimpahi taufik dan hidayah. Dikurniakan umur yang panjang dan badan yang sihat serta murah rezeki yang dengannya kita akan dapat mengerjakan amal ibadat dan berbakti kepada bangsa dan negara.

Di samping itu juga, kita perlu ingat dalam kita memeriahkan dan merayakan suasana Hari Raya Aidilfitri itu kita perlulah menjaga batas-batas ketentuan Allah iaitu berlaku sederhana dan jangan berlebihan. Islam tidak melarang kaum Muslimin menyediakan makanan dan kuih yang lazat serta menghias rumah asalkan tidak melebihi batas-batas yang sepatutnya menurut kemampuan, janganlah sampai kepada peringkat membazir. Janganlah kita sambut kedatangan 1 Syawal dengan pesta hiburan, kebisingan dan keriuhan serta kesibukan menyediakan Hari Raya Aidilfitri hinggalah kita tidak kesempatan untuk bertakbir dan bertahmid memuji keagungan Allah Subhanahu Wataala.

DALAM suasana kemeriahan sambutan Hari Raya Aidilfitri pada setiap tahun, kita dituntut mengeratkan tali silaturahmi sesama keluarga dan sahabat handai. Kunjung-mengunjungi ke rumah kaum kerabat, jiran-jiran dan kawan-kawan sambil bermaaf-maafan dengan menghulurkan tangan jari sepuluh minta keampunan.

Yayasan SHHB anjurkan Majlis Bertadarus, Khatam Al-Quran

**BANDAR SERI BEGA-
WAN.** - Yayasan Sultan
Haji Hassanal Bolkiah te-
lah mengadakan Majlis
Bertadarus dan Khatam Al-
Quran serta Bertahlil sem-
pena bulan Ramadan yang
berlangsung di Kompleks
Yayasan Sultan Haji Has-
sanah Bolkiah di ibu negara
pada 7 Disember yang lalu.

Majlis pada hari itu
bermula dengan bacaan Al-
Quran 30 juz oleh para
pembaca yang terdiri dari-
pada para guru dan pe-
nuntut Institut Tuhfiz Al-
Quran Sultan Haji Hassanal
Bolkiah dan kemudiannya
diikuti dengan Majlis Kha-
tam Al-Quran dan Ber-
tahlil.

Ianya adalah salah satu
aktiviti tahunan yayasan di
bulan Ramadan yang mu-
harak.

Majlis diselenggarakan de-
ngan berbuka puasa dan
sembahyang fardu Maghrib
berjemaah dan penyampaian
sumbangan Dana Pengi-
ran Muda Mahkota Al-
Muhtadee Billah Untuk
Anak-Anak Yatim dan pe-
nyampaian sijil penghar-
gaan kepada para penyum-
bang dana juga diadakan.

Sumbangan kepada
dana tersebut diterima
daripada Kumpulan DST
yang berjumlah sebanyak
\$20,000.00 yang disampai-

**Oleh
Aliddin HM**

kan oleh Timbalan Pe-
ngarah Urusan Kumpulan
DST, Awang Saiful Bahri
bin Pehin Orang Kaya Lela
Utama Dato Paduka Haji
Awang Jaya.

Sementara itu, dana
juga menyampaikan sijil
penghargaan kepada Sya-
rikat Juruaudit Lee &
Raman yang telah mem-
berikan sumbangan khid-
mat secara percuma kepada
Dana selama dua tahun
sejak tahun 1999 dan 2000.

Sijil tersebut diterima
oleh Awang Mohd. Raman
Shah bin Mohd. Shariff,
Rakan Pengurus (Manaj-
ring Partner) Syarikat

Juruaudit Lee & Raman.

Yang Berhormat Pehin
Orang Kaya Digadong Seri
Lela Dato Seri Paduka Haji
Awang Hussain, Ahli Lem-
baga Pemegang Amanah
Dana Pengiran Muda Mah-
kota Al-Muhtadee Billah
Untuk Anak-Anak Yatim
yang juga selaku Ahli
Jemaah Tadbir Yayasan
Sultan Haji Hassanal
Bolkiah telah menerima
sumbangan daripada dana
dan menyampaikan sijil
penghargaan tersebut.

Majlis dihadiri oleh
Ahli-ahli Jemaah Tadbir
dan Lembaga Pengarah
Yayasan Sultan Haji Has-
sanah Bolkiah, para pega-
wai dan kakitangan yaya-
san berkenaan.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim menerima sumbangan dari Kumpulan DST yang disampaikan oleh Pengarah Urusannya, Awang Saiful Bahri (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat ketika menyampaikan sijil kepada Pengurus Syarikat Juruaudit Lee & Raman yang diterima oleh Awang Mohd. Raman Shah bin Mohd. Shariff. - Gambar oleh Haji Masmaleh HM.



MAJLIS Bertadarus dan Khatam Al-Quran serta Bertahlil sempena bulan Ramadan yang berlangsung di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

97 pegawai PDB dan ABDB terima sijil penghargaan

GADONG. - Pegawai-
pegawai keselamatan yang
menjalankan tugas semasa
berlangsungnya Sidang Ke-
muncak ASEAN Ke-7
yang lalu diberikan sijil
penghargaan kerana tugas
yang cemerlang.

Seramai 97 orang pe-
gawai-pegawai Pasukan
Polis Diraja Brunei (PDB)
termasuk 17 orang pe-
gawai-pegawai Angkatan
Bersenjata Diraja Brunei
(ABDB) dari pelbagai unit
besar telah menerima sijil-
sijil penghargaan mereka.

Ia disampaikan oleh
Pesuruhjaya Polis, Dato
Paduka Seri Awang Haji
Abdul Rahman bin Haji
Johan di majlis tidak
formal pada 10 Disember
lalu di Mes Pegawai Polis.

Selain dari pegawai-
pegawai PDB dan ABDB,
dua orang pihak pengur-
san perhotelan juga mene-

**Oleh
Abdullah Asgar**

rima sijil-sijil penghargaan
mereka.

Sidang Kemuncak
ASEAN Ke-7 yang ber-
langsung pada 5 - 6 No-
vember lalu berjalan

dengan lancar tanpa se-
barang gangguan yang
tidak diingini kerana ka-
walan ketat oleh pihak-
pihak yang terbabit.

Majlis Penyampaian
Sijil Penghargaan ini me-
rupakan kali kedua diada-
kan, kali pertama diadakan
sempena Sidang APEC
2000.



PESURUHJAYA Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Johan ketika menyampaikan sijil penghargaan kepada dua pegawai keselamatan yang menjalankan tugas dengan cemerlang di Sidang Kemuncak ASEAN Ke-7, (atas kiri dan kanan). - Gambar oleh Masri Osman.



TIMBALAN Menteri Dalam Hal Ehwal Negeri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin dan setiausaha-setiausaha tetap kementerian itu dan lain-lain pegawai kanan ketika membuat kunjungan ke Masjid Kampong Penabai. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Kunjungan ke Kampong Penabai

Oleh Samle Haji Jait



TUTONG. - Sebelas orang anak yatim di Kampong
Penabai dan Kuala Tutong menerima sumbangan hamper
Hari Raya sempena majlis kunjungan rombongan
Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia
Dato Seri Paduka Awang Haji Abidin ke Masjid Kampong
Penabai, 26 November lalu.

Majlis itu merupakan salah satu aktiviti tahunan
kementerian berkenaan dalam menyemarakkan lagi bulan
Ramadan, di samping mengeratkan ruma muhibah di
kalangan para jemaah dan penduduk kampung berkenaan
dengan kakitangan kerajaan.

Majlis bertadarus dan bertahlil juga telah diadakan
sebelum sungkai.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam
Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman;
Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Adnan dan
Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang
Haji Dani antara pegawai-pegawai kanan yang hadir.

Rombongan berkenaan juga telah mengadakan majlis
serupa di Daerah Belait.

Rakyat berhari raya di Istana Nurul Iman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah dari dan penduduk negara ini yang berkunjung ke Istana Nurul Iman bagi mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri ke hadapan majlis baginda dan ahli-ahli kerabat diraja. Berangkat sama di majlis itu ialah putera-putera, puteri-puteri dan adinda-adinda baginda.

Menerima mengadap dan junjung ziarah

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan Duli Yang Teramat Mulia Pengiran Isteri Hajah Mariam berkenan menerima mengadap dan junjung ziarah hari pertama Hari Raya Aidilfitri daripada pembesar-pembesar negara dan duta-duta asing dari luar negara di Istana Nurul Iman pada 16 Disember.

Berangkat ke majlis tersebut Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul

Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Berangkat sama Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah

Oleh Abdullah Asgar

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Raheemah Sanaul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Noor Ehsani serta kerabat diraja yang lain.

Pembesar-pembesar negara yang hadir ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, menteri-menteri

kabinet, timbalan-timbalan menteri, diplomat-diplomat dan perwakilan asing, setiausaha-setiausaha tetap dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Selain Negara Brunei Darussalam meraikan Hari Raya Aidilfitri pada 16 Disember, beberapa buah negara ASEAN dan negara Islam yang lain juga di dunia ini sama-sama merayakan hari yang mulia dengan memulakan sembahyang Aidilfitri dua rakaat dengan diikuti pembacaan Khutbah Hari Raya.

Di negara ini sudah menjadi kelaziman di pagi raya ahli-ahli keluarga baik yang jauh ataupun dekat berkumpul di rumah ibu bapa bagi memohon kemaafan sesama keluarga.

Di Hari Raya pertama umat Islam dibenarkan berbuka puasa dan diharam-

kan berpuasa, selain itu terdapat puasa enam hari di bulan ini yang sunat dikerjakan bagi yang menginginkan pahala berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wataala.

Sempena Hari Raya Aidilfitri, Istana Nurul Iman dibuka selama tiga hari kepada orang ramai di negara ini bagi junjung ziarah dan menyebarkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama ahli keluarga dan kerabat diraja yang lain.

Tahun lalu lebih 47 ribu orang mengunjungi Istana Nurul Iman bagi sama-sama merayakan Hari Raya Aidilfitri yang mulia.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama putera dan adinda baginda menyertai rakyat dan penduduk Islam negara ini menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah.

Sembahyang Hari Raya Aidilfitri bersama rakyat

Oleh Abu Bakar HAR

KIARONG. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menyertai rakyat baginda menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia

Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri diimamkan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal dan khutbahnya pula disampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Sejurus selepas menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama anak-anak-adinda dan adinda-adinda baginda berkenan menerima junjung ziarah daripada para jemaah.



SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI

دربیتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

PENGENALAN

FAJAR kebangkitan Islam yang sedang memancar ke segenap pelusuk alam dewasa ini memperlihatkan keperluan untuk masyarakat Islam bukan hanya sekadar menjadi penonton malah perlu berusaha gigih lutanan untuk memahami lebih mendalam akan beberapa aspek, ciri-ciri dan prinsip utama Islam dan menghayati serta melaksanakannya dengan berkesan. Peranan Belia (Melayu Islam) dalam kosmos dan dunia Melayu dunia Islam tidak disangkalkan merupakan aset dan liabiliti kepada sesebuah negara.

Negara Brunei Darussalam tidak terkecuali memainkan peranan progresif dalam menangani isu dan agenda belia negara, hambatan sosial, ekonomi, agama, ledakan ICT (Information Communication Technology) dan pergolakan dunia antarabangsa.

Ambang abad 21 merupakan era transformasi isu dan agenda belia di Negara Brunei Darussalam. Persaingan ke arah globalisasi ekonomi, sosial, politik, era ICT dan kemanusiaan sejagat menuntut cetusan impak terhadap negara kecil, seperti Negara Brunei Darussalam.

Merujuk kepada titah dan isi kandungan Buku Rancangan Kemajuan Negara Brunei Darussalam Kelapan (RKN 8), Eighth National Development Plan (jangka masa 2001-2005), Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menekankan bahawa Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 bukan sahaja menumpukan perhatian terhadap perancangan jangka masa panjang, objektif dan program sebagaimana telah digarispandukan dalam Rancangan Kemajuan Negara yang telah lalu tetapi juga hendaklah menumpukan perhatian khusus ke arah keseimbangan pembangunan sosioekonomi, pembangunan pesat dalam pembangunan tenaga manusia, pembangunan terhadap Industri Kecil dan Sederhana (Small and Medium Enterprises: SMEs) dan penjaan kegiatan kepada perkara-perkara yang bermanfaat. Menjana serta menggalak kepada sektor perkhidmatan seperti pelancongan dan perkhidmatan kewangan, penggunaan yang meluas terhadap ICT dan pementaian serta kawalan yang berterusan terhadap persekitaran yang berkualiti. Titah baginda lagi:

tainable economic growth and to open up employment opportunities for citizens and resident of this country as well as to increase the active involvement of Brunei Malay citizen entrepreneurs. Our Government will further enhance the provision of infra-structure and adequate well-planned public facilities to ensure the continuous well-being and quality of life of the people."

Untuk mencapai pertumbuhan tahunan GDP (Gross Domestic Product) sebagaimana diharapkan, iaitu sebanyak lima peratus ke enam peratus, sejumlah B\$7,300 juta (RKN 8) berbanding B\$7,200 juta (RKN 7), diperuntukkan bagi pelaburan dalam pelbagai sektor ekonomi di sektor kerajaan dan sektor swasta.

Sektor kerajaan akan menyediakan suasana sebagai 'pemudah cara' untuk memudahkan pelaburan peribumi dan pelabur asing. Di samping itu kerjasama kedua-dua belah pihak amatlah dititikberatkan. Sektor swasta pula diharapkan memainkan peranan yang proaktif ke arah sama-sama menjana proses mempelbagaikan ekonomi negara dari semata-mata bergantung penuh terhadap industri utama negara, iaitu industri minyak dan gas.

BELIA DAN CABARAN EKONOMI

"Suatu usaha bersepadu perlulah wujud, iaitu dengan membentuk suatu Agenda Nasional Untuk Belia (National Agenda for Youth), bagi suatu tujuan terarah, iaitu mentarbiah belia-belia alaf baru ini, agar berhemah tinggi, ber-cita-cita mulia dan berse-mangat suci, sehingga

menjadikan mereka itu belia-belia yang sanggup mempertahankan kesucian warisan masing-masing." (Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam).

TAKRIF BELIA

Menurut takrif yang diberikan dalam rangka cadangan Dasar Belia Negara Brunei Darussalam (2001), belia di Negara Brunei Darussalam adalah lelaki dan perempuan yang berumur 15 - 40 tahun.

Brunei Darussalam Key Indicators (1998), melaporkan terdapat 113,800 orang dalam kumpulan yang berumur 15 - 34 tahun, iaitu 37.3 peratus daripada jumlah penduduk Negara Brunei Darussalam.

Menurut laporan Perkembangan Kependudukan dalam Rancangan Kemajuan Negara Ketujuh (2001), jumlah penduduk Negara Brunei Darussalam pada tahun 2000 dianggarkan 338,400 berbanding 305,100 pada tahun 1996, pertumbuhan sebanyak 2.6 peratus setahun untuk jangka masa 1996-2000.

Menurut nisbah struktur umur, 32.2 peratus daripada jumlah penduduk adalah di bawah umur 15 tahun, sementara 3.5 peratus adalah dalam kumpulan umur 65 tahun ke atas. Baki 64 peratus adalah kumpulan umur antara 15 - 64, penduduk yang aktif dalam kegiatan ekonomi.

Pada dasarnya, kumpul-

PERANAN BELIA DALAM AGENDA EKONOMI NEGARA

OLEH FIRDAUS H. N

an tenaga kerja di negara ini ialah di antara 18 - 64 tahun, terdiri daripada 59 peratus jumlah penduduk. Ini menunjukkan suatu petanda bahawa penduduk yang aktif dalam kegiatan ekonomi dan tenaga kerja yang berpotensi amatlah besar. Umur pertengahan bagi penduduk di negara ini ialah 25 tahun, menandakan penduduk muda atau belia.

PENGANGGURAN BELIA SUATU FENOMENA

Pada tahun 1997 kadar pengangguran di Negara Brunei Darussalam di kalangan penduduk tempatan (tidak termasuk pekerja migran) adalah 6.7 peratus (lebih 6,100 orang) berbanding dengan 2.6 peratus tahap purata pengangguran pada tahun 1993. Perkara yang sangat membimbangkan ialah pengangguran ini adalah tertumpu pada golongan belia, iaitu kalangan belia berusia antara 15 - 19 tahun (41 peratus) dan di kalangan yang berusia 20 - 40 tahun (hampir 18 peratus).

MEMILIKI PEKERJAAN DAN PERUSAHAAN AMALAN MULIA

Bumi ini dijadikan Allah Subhanahu Wataala sebagai medan penghidupan manusia agar manusia berusaha dan bekerja demi keperluan diri khususnya, masyarakat, negara serta membentuk tamadun umat manusia amnya. Firman Allah Subhanahu

Wataala dalam Surah Al-Baqarah ayat 29 yang bermaksud: "Dialah Allah yang menjadikan segala yang ada di bumi untuk kamu ..."

Bekerja dan berusaha bermaksud menggerakkan fizikal dan mental tidak membenarkannya duduk diam, terbiar dan malas. Kemalasan juga menyebabkan seseorang menjadi fakir yang akan menjadi beban kepada masyarakat, agama dan negara.

Kemiskinan-kefakiran juga boleh menyebabkan kepada kekufuran sebagaimana sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi yang bermaksud: "Hampir-ham-

pir kefakiran itu membawa kepada kekufuran."

Firman Allah Subhanahu Wataala yang bermaksud:

"Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum sekiranya mereka tidak mahu mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri." (Al-Quran ayat 13:11).

Peranan dan sumbangan usahawan belia terhadap pembangunan ekonomi dan masyarakat di Negara Brunei Darussalam masih di tahap minima, tidak menonjol dan masih ditakuk individu dan kumpulan terhad. Mereka masih bergiat dalam per-

niagaan berbentuk tradisional seperti mengusahakan gerai-gerai makan, pasar-pasar malam, bazar-ekspo yang bertaraf amat.

Kalaupun mereka memiliki perusahaan lebih baik, cuma bertaraf butik, kedai runcit, kedai jahit dan fesyen, herba, urut tradisional dan refleksiologi, dan MLM (Multi Level Marketing) yang berisiko rendah dan memerlukan modal yang kecil. Kalau pun ada yang bergiat dalam bidang perusahaan dan perindustrian SMEs, itu adalah hasil daripada perusahaan keluarga atau di-

Lihat muka 2



GAMBAR HIASAN ... Penglibatan belia dalam bidang perniagaan di samping merupakan ibadah dalam konteks membantu diri sendiri juga suatu sumbangan mikro terhadap pembangunan dan kesejahteraan ummah dan negara.

PERANAN BELIA DALAM AGENDA EKONOMI NEGARA

Dari muka 1

warisi kepada keluarga.

Keprihatinan dan keresahan pihak kerajaan, pemimpin masyarakat dan keluarga terhadap kesinambungan, kesejahteraan belia negara hari ini meningkat. Impak daripada kegawatan ekonomi, mencetuskan kadar pengangguran yang semakin membimbangkan, set minda generasi belia juga berubah rentak, daripada sikap memilih kepada fleksibel dan apa adanya. Belia Melayu-Islam di Negara Brunei Darussalam sudah mula mencari alternatif lain. Dari set minda bergantung pada ibu bapa dan keluarga dan sektor awam bagi pekerjaan untuk menampung keperluan asas hidup dan pekerjaan. Belia Brunei kini cuba berdikari dan berkecimpung dalam urusan niaga dan keusahawanan. Sama ada, bergiat sama atau meneruskan perniagaan-perniagaan keluarga, atau meneroka usaha niaga sendiri secara kecil-kecilan.

Dalam Islam, membantu diri sendiri itu juga adalah sebagai suatu ibadah dan merupakan sumbangan mikro para belia terhadap pembangunan dan kesejahteraan ummah dan negara. Sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, bermaksud:

"Sebaik-baik usaha seseorang ialah berusaha sendiri dan setiap jual beli itu diberkati." (Hadis riwayat Ahmad) dan sabda Baginda lagi, bermaksud:

"Digalakkan atas kamu ialah perniagaan kerana di dalamnya ialah sembilang persepuluh daripada rezeki." (Hadis riwayat Al-Bukhari).

Young Entrepreneurs Association Brunei (YEAB) merupakan satu-satunya persatuan usahawan belia dengan mempunyai keahlian seramai kira-kira puluhan orang, namun hala tuju persatuan ini belum begitu kukuh kerana majoriti daripada ahlinya adalah belia yang memiliki

perusahaan sendiri atau yang diwarisi daripada keluarga. Misi yang visinya tidak terlaksana sebagaimana dihasratkan dan ia lebih bersifat individualis. Kapasiti usahawan belia Melayu cuma sekitar 10 peratus yang lainnya adalah usahawan muda berbangsa lain.

Walaupun ada beberapa persatuan belia tanah air yang memiliki perusahaan SMEs, seperti memiliki koperasi, perusahaan pengangkutan, Stesen Minyak (petrol) namun ianya dikendalikan oleh pemimpin belia veteran.

Dalam (RKN8), pihak kerajaan beriltizam akan berterusan memberikan galakan kepada usahawan Melayu yang wujud dan berpotensi untuk bergiat aktif dalam usaha niaga dan sektor industri. Syarikat yang telah maju akan terus menjana peranan catalytic mereka dalam menstimulasi kegiatan perusahaan dengan mengagihkan peluang kepada peniaga kecil termasuk keperluan pasaran tempatan dan asing.

Dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-8, program yang lebih komprehensif dan inovatif akan diperkenalkan kepada usahawan tempatan. Dengan tertubuhnya Pusat Sumber di bawah kelolaan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, implementasi dan koordinasi program usahawan diharap akan diungayahkan dengan berkesan. Brunei Shell Marketing (BSM), juga memberikan sumbangan besar dalam memberikan bimbingan keusahawanan kepada para belia dan para graduan yang masih menganggur dengan projek LiveWIRE BRUNEI SHELL. (www.livewire-brunei.com). Bantuan atau injeksi kewangan pihak kerajaan yang disalurkan melalui bank-bank komersil, diharap dapat membantu usahawan kecil dan sederhana untuk memulakan atau meluaskan perniagaan serta perusahaan mereka.



GAMBAR HIASAN ... Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memberi peluang kepada para belia meningkatkan kemahiran sebelum menerokai bidang pekerjaan atau perniagaan di bidang jahitan, dandan dan komputer.

PERANAN INSTITUSI KEWANGAN

Bank-bank konvensional dan komersil tempatan yang sebahagiannya berpaksikan orientasi bank Islam merupakan ejen bagi pihak kerajaan untuk menyalurkan skim bantuan dan perkhidmatan kewangan seperti:

1. Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (Islamic Development Bank Of Brunei Berhad: IDBB) menawarkan:

1.1 Skim Kewangan Mikro Kredit (Microcredit Financing Scheme): Memberi bantuan kewangan kepada pengusaha-pengusaha kecil yang sedia ada dan yang baru; membantu dan menggalakkan pengusaha-pengusaha kecil untuk mendukung sosioekonomi dan peluang pekerjaan di Negara Brunei Darussalam.

1.2 Skim Kemudahan Perusahaan Bagi Pengusaha Kecil dan Sederhana: Memberikan bantuan kewangan kepada pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana (SMEs) di Negara Brunei Darussalam.

1.3 Skim Kemudahan Perusahaan (Enterprise Facilitation Scheme for Small and Medium Entrepreneurs): Memberikan bantuan kewangan dan menggalakkan serta membantu syarikat tempatan untuk meningkatkan, memodenisasikan dan memperkembangkan operasi.

Dalam menambah keupayaannya, Universiti Brunei Darussalam (UBD) juga menawarkan program dan kursus baru termasuk menubuhkan Unit Pembangunan Keusahawanan (EDU), Entrepreneurship Development Unit (EDU), Universiti Brunei Darussalam, ditubuhkan untuk mencapai salah satu daripada objektif pembangunan dalam membentuk masyarakat Melayu tempatan sebagai pemimpin dalam perindustrian dan keusahawanan.

MASA DEPAN USAHAWAN BELIA

Setelah melalui pelbagai liku-liku kehidupan arus perdana dunia perniagaan global dan sistem perdagangan yang semakin kompleks dengan ledakan ICT, seperti (e-dagang), para belia hari ini, selaku pewaris usahawan mega masa hadapan, diharapkan memiliki kekuatan untuk menempuhi cabaran dan hambatan menuju ke arah kejayaan.

Kekuatan dan harapan yang ada ialah:

1. Sikap positif progresif pihak kerajaan ke arah memertabatkan usahawan Melayu untuk menjadi pemimpin dalam arus perdana ekonomi negara.

2. Kesan dan pengalaman daripada kegawatan ekonomi negara di ambang abad ke-21, akan menjadi pemangkin terhadap usahawan Melayu dan peribumi untuk bangkit dan sedar akan peranan dan tanggungjawab mereka bagi membela nasib sendiri, keluarga, bangsa, agama dan negara.

3. Kesedaran tinggi terhadap misteri untung nasib, keberuntungan terhadap industri utama, iaitu pengeluaran minyak dan gas semata-mata merubut set minda usahawan Melayu dan peribumi, termasuk para belia, ke arah meningkatkan usaha mendukung semboyan pihak kerajaan ke arah mempelbagai strategi ekonomi.

4. Usahawan Belia sewajarnya sanggup merubah nasib dan sikap dengan memiliki daya tahan dan daya saing serta menerokai sistem niaga canggih dengan penggunaan ITC, seperti e-dagang dan seumpamanya.

5. Masa hadapan, rebah bangun ekonomi sesebuah negara dan bangsa adalah terletak pada bahu generasi pewaris, iaitu belia masa kini.

Firman Allah Taala yang bermaksud:

"Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum sekiranya mereka tidak mahu mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri."



GAMBAR HIASAN ... Bank Pembangunan Islam Brunei Berhad (IDBB), sebuah institusi kewangan Islam yang menawarkan program dan kursus baru termasuk penubuhan Unit Pembangunan Keusahawanan (EDU) yang antara lain bertujuan membentuk masyarakat Melayu tempatan sebagai pemimpin dalam bidang perindustrian dan keusahawanan.



GAMBAR HIASAN ... Universiti Brunei Darussalam (UBD) menawarkan program dan kursus baru termasuk penubuhan Unit Pembangunan Keusahawanan (EDU) yang antara lain bertujuan membentuk masyarakat Melayu tempatan sebagai pemimpin dalam bidang perindustrian dan keusahawanan.

SEDERHANA BERHARI RAYA, ELAKKAN PEMBAZIRAN

MARILAH kita bertakwa kepada Allah Subhanahu Wataala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan melakukan taat dan perintah Allah Subhanahu Wataala dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Ketahuilah bahawa Allah Subhanahu Wataala melihat dan memerhatikan setiap perbuatan dan gerak-geri kita sama ada dikerjakan secara terang-terangan atau tertutup dan sembunyi-sembunyi dan Allah Maha Mengetahui terhadap segala apa yang kita kerjakan.

Alhamdulillah, kita masih menikmati udara Ramadan yang mubarak ini dan kita telah pun memasuki hari-hari terakhir di bulan Ramadan. Setentunya kita telah pun terbiasa dengan suasana berpuasa ini. Ibadat puasa bukan hanya sekadar untuk menahan daripada makan dan minum malah lebih dari itu iaitu melatih diri kita supaya menahan diri dari semua aspek yang ditegah oleh Allah Subhanahu Wataala.

Semuanya adalah untuk mempertingkatkan ketakwaan kita ke hadirat Allah Subhanahu Wataala. Allah

Subhanahu Wataala telah menegaskan dalam Al-Quran bahawa difardukan puasa itu adalah untuk meningkatkan ketakwaan kita sebagaimana firman-Nya dalam Surah Al-Baqarah ayat 183 yang tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana orang-orang sebelum kamu supaya kamu bertakwa."

Dalam beberapa hari sahaja lagi insya Allah kita akan sama-sama merayakan Aidilfitri iaitu hari kemenangan yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wataala kepada orang-orang yang beriman yang telah berjaya mengerjakan amal ibadat sepanjang bulan Ramadan.

Sudah setentunya kita selaku umat Islam merasa gembira dengan kedatangan 1 Syawal itu nanti dan kemungkinan besar sebahagian kita telah pun membuat persiapan-persiapan untuk menyambut kedatangan Aidilfitri ini. Ada yang menempah kuih-muih, membuat baju baru, mengecat rumah dan membersihkan kawasan rumah, memasang cucul-cucul dan sebagainya. Semuanya ini

adalah semata-mata untuk merayakan Hari Raya agar sentiasa dalam suasana kegembiraan.

Namun perlu kita ingat bahawa Allah Subhanahu Wataala mengurniakan Hari Raya bukanlah bermakna kita telah bebas dari apa yang dilarang dalam bulan puasa namun Hari Raya adalah sebagai lambang kejayaan bagi kita orang-orang yang beriman yang telah berjaya dalam latihan rohani iaitu dapat mengawal nafsu kita seluruhnya.

Oleh yang demikian jangan cemarkan segala latihan rohani yang kita amalkan sepanjang bulan Ramadan dengan persiapan Hari Raya ini dengan perkara-perkara yang dilarang Allah Subhanahu Wataala.


Pada saat menjelang Hari Raya ini, kedai-kedai, gedung-gedung perniagaan sudah tentunya mengambil kesempatan untuk mempromosikan barangan terbaharu mereka dengan harga-harga yang istimewa dan menarik semata-mata untuk bersama-sama bergembira merayakan Hari Raya di samping untuk mengaut keuntungan.

Kita selaku pengguna perlulah bijak berbelanja, jangan sampai kita termasuk dalam golongan mereka yang membazir kerana membazir itu adalah rakan syaitan sesuai dengan firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Isra' ayat 26 hingga 27 yang tafsirnya:

"Dan berikanlah kepada kerabatmu dan orang miskin serta orang-orang musafir akan haknya masing-masing dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau-lampau. Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara syaitan sedang syaitan itu adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya."

Sambutlah Hari Raya itu nanti secara sederhana dengan tidak berlebih-lebihan. Berbelanjalah pada yang perlu sahaja dan berpatutan dengan kemampuan kita, jangan sampai kita harus berhutang untuk mendapatkan kehendak hati kita semata-mata untuk merayakan Hari Raya.

Dan ketika menjelang 1 Syawal itu nanti perbanyakkanlah rasa syukur kita ke hadirat Allah Subhanahu Wataala de-



ngan bertakbir, tahlil dan banyakkannya berdoa dan memohon keampunan kepada Allah Subhanahu Wataala.

Aidilfitri adalah ibadat harus diraikan oleh kaum Muslimin. Raikanlah hari tersebut sebagaimana yang telah digariskan dalam Al-Quran dan As-Sunnah.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh At-Tabarani yang maksudnya:

"Hiasilah Hari Raya kamu dengan takbir, tahlil, tahmid dan taqdis (mengingati dan mengagumi Allah Subhanahu Wataala)."

Dalam kesibukan kita

DALAM kesibukan kita membuat persiapan menyambut Hari Raya yang akan menjelang ini, jangan kita lupa dalam bulan Ramadan ini bukan sahaja puasa difardukan malah kita juga difardukan untuk mengeluarkan zakat fitrah. Dari itu laksanakan dan tunaikan dahulu kewajipan zakat, jangan nanti kita terlupa disebabkan kelalaian dan kesibukan membuat persediaan Hari Raya.

membuat persiapan menyambut Hari Raya yang akan menjelang ini, jangan kita lupa dalam bulan Ramadan ini bukan sahaja puasa difardukan malah kita juga difardukan untuk mengeluarkan zakat fitrah. Dari itu laksanakan dan tunaikan dahulu kewajipan zakat, jangan nanti kita terlupa disebabkan kelalaian dan kesibukan membuat persediaan Hari Raya.

Dan juga pada masa ini kita masih lagi berada dalam Ramadan, pergunakanlah sisa-sisa Ramadan yang masih ada dan akan meninggalkan kita dengan amal ibadat sebanyak-banyaknya. Rebutlah peluang keemasan ini yang telah dikurniakan Allah Subhanahu Wataala

kepada kita selaku umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam seolah-olah kita tidak akan berjumpa dengan Ramadan yang akan datang.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-A'raaf ayat 56 yang tafsirnya:

"Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya dan berdoaalah kepada-Nya dengan perasaan bimbang kalau-kalau tidak diterima dan juga dengan perasaan terharap-harap supaya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya."

وقت سمبھيغ، امساك، شوروق دان ضحي

وقت ۲ سمبھيغ، امساك، شوروق دان ضحي باگي دليره بروني دان مولارا مولاي دري هاري رايو، 4 شوال، 1422 برسمان 19 ديسمبر، 2001 هيشگ كهاري ثلاث، 10 شوال، 1422 برسمان 25 ديسمبر، 2001 اداله سفرت دباوه اين :-

هجري	ظهر	عصر	مغرب	عشا	امساك	صبح	شوروق	ضحي	مسيحي
4	12.19	3.40	6.13	7.28	4.59	4.49	6.21	6.47	19 ديسمبر
5	12.19	3.41	6.13	7.28	4.59	4.49	6.22	6.47	20
6	12.20	3.41	6.14	7.29	4.50	5.00	6.22	6.48	21
7	12.20	3.42	6.14	7.29	4.50	5.00	6.23	6.48	22
8	12.21	3.42	6.15	7.30	4.51	5.01	6.23	6.49	23
9	12.21	3.43	6.15	7.30	4.51	5.01	6.24	6.49	24
10	12.21	3.43	6.16	7.31	4.52	5.02	6.24	6.50	25

وقت ۲ سمبھيغ باگي دليره توتوغ دمه ساتو مينيت دان دليره بلايت دمه نيگ مينيت، سمبھيغ فرض جمعة دسلورو نكارا بروني دارالسلام مولاي دري فوكل 12.45 تهايري.

SEMBAHYANG WITIR

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'ala Aalihi Wasabbihi Waman Walah.

WAKTU SEMBAHYANG WITIR

MENURUT pendapat yang sahih, bermula waktu sembahyang witir itu setelah selesai daripada mengerjakan sembahyang fardu Isyak sehinggalah terbit fajar. Adalah tidak sah sembahyang witir itu jika dikerjakan sebelum menunaikan sembahyang fardu Isyak sama ada dengan sengaja atau lupa.

Sembahyang witir itu juga tidak sah sekalipun dia menyangka bahawa dia telah pun menunaikan sembahyang fardu Isyak atau pun dia menyangka bahawa dia telah menunaikan fardu Isyak dalam keadaan berwuduk sedangkan yang berlaku sebaliknya, atau dia menyangka bahawa sembahyang witir itu harus dikerjakan sebelum sembahyang fardu Isyak, maka dalam keadaan-keadaan ini tidaklah dikira witirnya itu.

Adapun waktu yang afdal untuk mengerjakan sembahyang witir itu ialah di akhir malam selepas mengerjakan sembahyang-semahyang

sunat yang lain seperti tahajud, hajat dan sebagainya, sekalipun ianya meninggalkan sembahyang witir berjemaah di awal waktu selepas tarawih. Jika dia hendak berjemaah selepas tarawih itu juga, kerjakanlah sembahyang sunat Muthlaq (sembahyang sunat yang tidak berkait dengan waktu dan sebab) bersama mereka yang bersembahyang witir itu. Demikian juga, afdal baginya mengerjakan sembahyang witir apabila dia yakin akan bangun pada lewat malam sama ada bangun dengan sendirinya atau dibangunkan oleh orang lain sekalipun dia tidak berhajat untuk bersembahyang tahajud. Akan tetapi jika dia tidak yakin boleh bangun pada lewat malam itu dan tidak berhajat untuk mengerjakan tahajud adalah afdal baginya mengerjakan sembahyang witir itu pada awal waktu. (Nihayatul Muhtaj: 2/115, Al-Majmuk: 4/18-20, Fath al-'Allam: 2/39).

Perkara melewati sembahyang witir itu, ada disebutkan di dalam hadis-hadis yang sahih di antaranya sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksud-

nya:

"Barang siapa takut tidak akan dapat bangun pada akhir malam, maka kerjakanlah witir pada awal waktu. Dan barang siapa yang terasa ingin bangun pada akhir malam, maka kerjakanlah witir pada akhir malam. Sesungguhnya sembahyang di akhir malam itu disaksikan (oleh malaikat) dan itu adalah lebih afdal." (Hadis riwayat Muslim).

Dalam hadis Aisyah Radiallahuanha yang maksudnya:

"Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mendirikan sembahyang sunat malam sedangkan dia (Aisyah) terbentang tidur di hadapannya. Apabila sampai pada mengerjakan sembahyang witir, Baginda pun membangunkannya. Maka dia (Aisyah) pun mengerjakan sembahyang witir." (Hadis riwayat Muslim).

Daripada Aisyah Radiallahuanha katanya lagi yang bermaksud:

"Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengerjakan sembahyang witir pada setiap malam sehinggalah kepada waktu sahur." (Hadis

Bilangan 130 Bahagian Kedua

riwayat Bukhari dan Muslim).

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Jadikanlah oleh kamu di akhir sembahyang sunat malam dengan sembahyang witir." (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim).

BILANGAN RAKAAT

Sekurang-kurangnya bilangan rakaat sembahyang witir itu adalah satu rakaat, kemudian diikuti dengan tiga rakaat, lima, tujuh dan sembilan, kemudian yang paling sempurna sebelas rakaat menurut pendapat yang masyhur. Hal ini telah dijelaskan dalam sabda Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Sembahyang witir itu adalah hak (disyariatkan) ke atas setiap orang Muslim. Barang siapa mahu bersembahyang witir dengan lima rakaat maka kerjakanlah, dan barang siapa mahu bersembahyang witir dengan tiga rakaat maka kerjakanlah, dan barang siapa mahu bersembahyang witir dengan satu rakaat maka kerjakanlah." (Hadis

riwayat Abu Daud).

Sabda Baginda lagi yang bermaksud:

"Bersembahyang witirlah kamu dengan lima rakaat atau tujuh atau sembilan atau sebelas rakaat." (Hadis riwayat Hakim)

MENYAMBUNG DAN MEMISAHKAN RAKAAT-RAKAAT WITIR

Bilangan rakaat sembahyang witir yang paling sempurna ialah sebelas rakaat sebagaimana penjelasan di atas. Apa yang timbul ialah bagaimana cara menunaikannya, adakah boleh disambung kesemua rakaat itu atau dipisah-pisahkan?

Jika seseorang itu mengerjakan sembahyang witir melebihi daripada satu rakaat, maka yang afdal adalah memberi salam pada setiap dua rakaat dan satu rakaat pada yang terakhir. Sebagai contoh sembahyang witir dengan sebelas rakaat, sepuluh rakaat daripadanya dilakukan dengan memberi salam setiap dua rakaat melainkan rakaat yang kesembelahan hanya dilakukan dengan satu rakaat sahaja. Se-



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail: mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

bagaimana di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar berkata yang maksudnya:

"Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memisahkan di antara sembahyang yang rakaatnya ganjil dan sembahyang yang rakaatnya genap dengan salam dan dia mendengarkan bacaannya kepada kami." (Hadis riwayat Ahmad).

Adapun jika dia mengumpulkan kesemua rakaat witir itu sama ada dengan satu tasyahhud atau dua tasyahhud dengan satu salam pada akhir rakaat adalah harus dan sah witirnya. Sebagai contoh sembahyang witir dengan lima rakaat, dikerjakan kesemua rakaat itu tanpa diputus-putus dengan salam dan bertasyahhud pada rakaat yang kelima serta memberi salam, atau bertasyahhud pada rakaat yang keempat dan kelima

serta terus memberi salam. Menurut Ar-Ruyani dalam hal tasyahhud ini, yang afdal hanyalah dilakukan dengan satu tasyahhud sahaja di akhir rakaat. Jika melebihi daripada dua tasyahhud, menurut pendapat yang shahih adalah tidak harus kerana ianya menyalahi apa yang telah disebutkan dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Manakala dalam hal sembahyang witir dengan tiga rakaat, yang afdal adalah dipisahkan dengan dua salam. Ini kerana berdasarkan hadis-hadis sahih dan bagi memperbanyakkan amal ibadat, seperti memperbaharui niat sembahyang dan doa ketika dan selepas sembahyang. (Majmuk: 4/17-18).

BERSAMBUNG

ALA KADAR DI HARI RAYA DAN PUASA ENAM

ALHAMDULILLAH, kita telah pun berjaya melepasi jihad hawa nafsu di sepanjang bulan Ramadan. Sesungguhnya bukanlah perkara yang mudah untuk melawan hawa nafsu kerana jika tanpa kawalan yang bersungguh dan keikhlasan dari hati yang beriman, pasti hawa nafsu dapat menguasai akal dan fikiran kita pula. Bertuahlah bagi siapa yang berlapar dahaga dan juga dapat menjaga lidah, hati dan akhlakunya di sepanjang bulan Ramadan kerana Allah Subhanahu Wataala akan memberi ganjaran mengikut kehendak-Nya terhadap mereka itu. Berlainan dengan siapa yang hanya menahan lapar dahaga dan sesungguhnya mereka ini tidak akan men-

dapat apa-apa dari Allah Subhanahu Wataala melainkan hanya lapar dan dahaga. Di samping itu, berpuasa juga mengingatkan kita kepada mereka yang hidup susah, yang mana perut mereka tidak pernah kenyang tambahan lagi setiap hari terpaksa membanting tulang untuk mendapatkan sesuatu nasi.

Bagi siapa yang menang dalam jihad ini sudah setentunya diraikan sebagai sebahagian ganjaran dari Allah Subhanahu Wataala. Apabila datang saja bulan Syawal maka Allah Subhanahu Wataala telah menggharapkan berpuasa pada hari pertama Hari Raya Fitrah semata-mata untuk meraikan hamba-hamba-Nya agar kita tidak lupa untuk bersyukur kepada rahmat-Nya yang maha luas. Kita juga disyariatkan untuk berza-

kat fitrah sebagai untuk mengingatkan kita terhadap orang yang miskin dan hidupnya susah.

Dalam pada kita meraih kemenangan kita di bulan Syawal ini, kita juga harus beringat kerana dalam bergembira itu juga ada batasnya. Janganlah hendaknya kita melupakan pula apa yang telah kita praktikkan sepanjang Ramadan iaitu setelah sebulan berlapar dahaga maka kedatangan Syawal ini kita ambil kesempatan untuk membedal apa saja yang dihidangkan di depan mata untuk 'mendulur' nafsu makan yang ditahan selama sebulan berpuasa. Ini adalah kerana ramai orang yang berebut mengambil pahala menjamu tetamu di bulan yang mempunyai pelbagai kebajikan ini. Amalan ini adalah amat digalakkan akan tetapi para

tetamu perlu ingat untuk mengawal nafsu makan kerana jika perut terlalu kenyang nafsu tidak mudah dikawal. Maka dengan itu bagi mengawal lagi hawa nafsu kita agar terus menjadi jinak, kita digalakkan pula berpuasa enam hari dari bulan Syawal di samping itu juga dapat menambahkan lagi saham pahala kita dan juga mendapat beberapa kelebihan seperti sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

Dari Abu Ayyub, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah berkata: "Barang siapa berpuasa bulan Ramadan kemudian ia berpuasa pula enam hari pada bulan Syawal, adalah seperti berpuasa sepanjang masa." (Riwayat Muslim).

Manakala bagi setiap

orang yang berbuat amal kebajikan seperti menjamu tetamu dan saling bermaafan di bulan ini juga akan mendapat kelebihan sepuluh kali ganda pahalanya sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dari Tsauban:

"Siapa yang berpuasa pada bulan Ramadan dan berpuasa enam hari sesudah berbuka (Aidilfitri) adalah puasanya sempurna satu tahun, siapa yang berbuat kebaikan diberi pahala sepuluh kali ganda." (Riwayat Ibnu Hibban).

Sebahagian ulama juga ada mengatakan bahawa orang yang berpuasa enam di bulan Syawal memperolehi beberapa kelebihan:

1. Berkah dalam umurnya.
2. Bertambah hartanya.

منوجوكر رمضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

3. Terjaga keluarganya.
4. Terhapus semua kejahatannya.
5. Dilipatgandakan kebajikanannya.
6. Mudah dalam saka-ratulmaut.
7. Penerangan dalam kuburnya.
8. Berat timbangan kebajikanannya di hari hisab.
9. Selamat dari semua tindakan yang rendah.
10. Naik darjatnya.

Sesungguhnya apa yang ditentukan oleh Allah Subhanahu Wataala itu terlindung seribu hikmah dan kesemuanya itu adalah kebaikan diri kita juga. Di samping itu juga untuk mengingatkan kita dalam setiap tindak-tanduknya yang kita lakukan agar kita sentiasa membatasi amalan sehari-hari kita melalui batas-batas Islam.

Skim Perantis melalui Jabatan Pendidikan Teknik di Jabatan Buruh Latihan asas kepada sumber tenaga manusia



PESURUHJAYA Buruh, Awang Haji Mat Zahri (tiga dari kiri) ketika menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Skim Perantis antara Jabatan Pendidikan Teknik dan Syarikat Technic Engineering (B) Sendirian Berhad yang diadakan di Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah. - Gambar ihsan Hajah Saemah HZ.

E-Info dilancarkan di Kuala Belait

KUALA BELAIT, 15 November. - Majlis Pelancaran Sistem Maklumat Elektronik Tabung Amanah Pekerja (E-Info TAP) diadakan secara serentak di keempat-empat daerah melalui penggunaan video conferencing dengan pelancaran di ibu negara sebagai acara utama diikuti daerah-daerah lain.

Majlis pelancaran di Daerah Belait disempurnakan oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Harun bin Haji Ismail dengan disaksikan oleh Timbalan Pengarah Urusan Tabung Amanah Pekerja (TAP), Dayang Hajah Noriah binti Mohd. Abas dan pegawai-pegawai kanan tabung berkenaan serta jabatan kerajaan lain yang diadakan di Pejabat Daerah Belait.

TAP memperkenalkan E-Info TAP sebagai asas bagi mendekatkan ahli kepadanya dengan menggunakan inovasi Kad Pengenalan Pintar (KPP) yang diperkenalkan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kerajaan dalam mendapatkan maklumat caruman mereka yang terdapat dalam rekod tabung berkenaan.

Penggunaan KPP ke arah sistem itu merupakan salah satu usaha tabung itu bagi menyahut seruan kerajaan dalam

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

mendekatkan masyarakat negara ini dengan teknologi maklumat.

Sistem yang canggih ini adalah proses mudah dan cepat bagi ahli tabung dan orang ramai yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu Maklumat Awam yang ditujukan kepada orang ramai dan Maklumat Ahli yang dikhaskan untuk ahli-ahli TAP.

Melalui maklumat awam ia bertujuan memberi maklumat kepada orang ramai mengenai rekod tabung mereka seperti skim-skim pengeluaran TAP serta soalan lazim yang berkaitan dengan proses pembayaran dan pengeluaran caruman.

Manakala bagi maklumat ahli pula sistem tersebut menggunakan KPP bagi membolehkan seorang ahli melihat maklumat peribadi ahli itu sendiri termasuk maklumat pekerjaan dan majikan selain pencetak penyata kira-kira juga disediakan bagi memudahkan ahli melihat jumlah simpanannya tanpa perlu datang ke ibu pejabat TAP.



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Haji Harun bin Haji Ismail ketika melancarkan Sistem Maklumat Elektronik Tabung Amanah Pekerja (E-Info TAP) di Pejabat Daerah Belait. - Gambar oleh Dk. Hajah Saidah PHOA.

KUALA BELAIT, 14 November. - Skim Perantis yang dikendalikan oleh pihak kerajaan melalui Jabatan Pendidikan Teknik dan juga Jabatan Buruh walaupun formatnya berlainan namun ianya dikhususkan kepada golongan lepasan sekolah dan pencari-pencari kerja termasuk graduan dan pemegang sijil Diploma Tertinggi Kebangsaan.

Pesuruhjaya Buruh, Awang Haji Mat Zahri seterusnya berkata, faktor yang mendorong ke arah itu ternyata berlandaskan kepada penyediaan latihan asas kepada sumber tenaga manusia tempatan selaras dengan tuntutan dan kehendak negara dalam proses perkembangan dan kemajuan sosioekonominya.

Berucap di Majlis Menandatangani Perjanjian Latihan Perantisan antara Jabatan Pendidikan Teknik dan Syarikat Technic Engineering (B) Sendirian Berhad dalam bidang Kejuruteraan Elektrik National Diploma 2 di Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah di sini.

Beliau menambah persediaan tersebut amat ketara sekali memandangkan terdapatnya kegiatan-kegiatan perniagaan dan ekonomi yang banyak memberi perhatian kepada kemahiran teknikal dan vokasional serta latihan-latihan khusus yang dikehendaki oleh sektor swasta yang berkaitan.

Apatah lagi katanya, negara kita sedang menuju ke arah mempelbagaikan ekonomi selain dari minyak dan gas sememangnya memerlukan pekerja yang berkualiti dan berkemahiran mengikut peringkat kesesuaian jawatan.

Menurutnya, perkara tersebut telah, sedang dan akan ditangani oleh pihak-pihak kerajaan dan swasta yang masing-masing berperanan dan bertanggungjawab dalam sama-sama memberikan latihan dan pekerjaan yang sesuai.

"Keadaan ini cukup ideal sekiranya diadunkan dengan penglibatan golongan lepasan sekolah dan pencari-pencari kerja yang sanggup untuk bekerja di mana saja. Keadaan ini setelah dilihat sejauh ini juga membuktikan adanya kerjasama dan kesepakatan di antara ketiga-tiga pihak," katanya.

Beliau seterusnya berkata, kerajaan menyediakan kemudahan bagi melancarkan skim tersebut menunjukkan sikap pemedulian terhadap warganya yang terdiri dari anak-anak tempatan dalam membantu menyediakan platform kepada golongan tersebut bagi mendapatkan pekerjaan.

Oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA

Manakala pihak swasta yang berperanan selaku agensi yang boleh menyerap hasil pengeluaran skim itu dalam menyediakan pekerjaan adalah sangat penting bagi proses selanjutnya.

Kesempurnaan proses itu katanya tidak dapat dicapai sepenuhnya jika mereka yang mengikuti skim berkenaan selaku salah satu penggerak tidak menumpukan perhatian dan tidak memanfaatkan latihan darinya.

"Jelasnya skim ini mewujudkan satu keadaan di mana aduan pemedulian pihak kerajaan, tindak balas dari pihak swasta dan keyakinan para perantis itu sendiri akan mencerminkan kegigihan usaha dalam membendung apa jua masalah yang berkaitan dengan penggunaan sumber tenaga manusia," katanya.

Sehubungan dengan itu, beliau berharap skim tersebut mencapai matlamatnya bukan sahaja setakat menandatangani perjanjian tetapi yang penting melaksanakan apa yang terkandung di dalam perjanjian itu dan melengkapkannya dengan memperolehi serta menetap di dalam pekerjaan dan kerjaya yang dicaburi.

Menandatangani perjanjian berkenaan, Pengarah Pendidikan Teknik, Dato Paduka Awang Haji Mustafa bin Abu Bakar mewakili Jabatan Pendidikan Teknik, sementara Pengurus Pentadbiran, Dayang Rashidah Radin Mas Basiuni mewakili Syarikat Technic Engineering (B) Sendirian Berhad.

Majlis juga diteruskan dengan menandatangani Perjanjian Skim Perantis antara Technic Engineering (B) Sendirian Berhad dengan Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Kuala Belait.

Perantis yang terpilih pemegang Diploma Kebangsaan 2 Kejuruteraan Pembuatan dari Maktab Kejuruteraan Jefri Bolkiah, Awang Arryanto bin Abdul Rahim dan Awang Mohammad Azman bin Mohammad Ali dan Seksyen Elektronik, Dayang Zarina Sazali.

Mereka akan ditempatkan di Technic Engineering (B) Sendirian Berhad dan akan diberi latihan mengenai kebolehan praktikal dan pengetahuan selain kemahiran bekerja serta akan diberi panduan mengenai pelbagai bidang pembangunan seperti peningkatan diri, pengalaman dalam suasana bekerja, berkomunikasi, menangani cabaran dan masalah bekerja.

MINDA PEMBACA MINDA PEMBACA MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Azam Tahun Baru Hendaklah Kita Lebih Proaktif - Bincangkan'. Tarikh tutup 22 Disember, 2001.
2. 'Memula dan Membentuk Alam Persekolahan Kanak-kanak - Bincangkan'. Tarikh tutup 29 Disember, 2001.
3. 'Peranan dan Sumbangan Negara Brunei Darussalam Dalam Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Sejak Menyertai Pertubuhan Tersebut 15 Januari, 1984'. Tarikh tutup 29 Januari, 2002.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>
email: pelita@brunet.bn

Hari Raya menyatukan ummah

HARI Raya adalah hari kebesaran bagi umat Islam di seluruh dunia sebagai tanda kemenangan umat Islam. Sudah menjadi lumrah, Hari Raya disambut dengan penuh kemeriahan dan kemaafan juga dipohonkan atas segala dosa yang telah dilakukan sesama insan. Namun, apa yang terkandung dalam Hari Raya itu lebih jauh bermakna seandainya ada keprihatinan di dalam diri setiap mukmin.

Mungkin ada yang mendefinisikan Hari Raya sebagai hari untuk berpakaian baru dan hari untuk menjamu selera. Itu memang tidak dinafikan kerana itu sudah menjadi perkara biasa cara orang menyambut Hari Raya. Tetapi tidak semua orang

berkemampuan untuk menyambut Hari Raya seperti golongan fakir dan miskin. Namun begitu, mereka masih punya hak untuk merasa gembira di Hari Lebaran itu. Kita boleh menolong golongan ini dengan memberikan sedekah dan pertolongan. Mungkin dengan berbuat demikian, ia sedikit sebanyak mengurangkan beban yang ditanggung oleh golongan ini, supaya mereka merasa gembira seperti juga orang lain lebih-lebih lagi di pagi Hari Raya. Kita mesti bersikap adil supaya golongan fakir miskin ini tidak merasa terpinggir dari masyarakat.

Hari Raya juga dapat menyatukan ummah tanpa mengenal yang miskin dan

yang kaya. Cuba kita fikirkan sejenak dengan mengimbas kembali di zaman sebelum berkembangnya Islam, di mana kita dapati terlalu banyak penindasan yang dilakukan oleh kaya ke atas orang miskin. Di situ terdapat jurang perbezaan di antara orang kaya dan orang miskin di mana orang kaya diagung-agungkan dan yang miskin dipandang hina. Namun itu tidak berlaku di zaman ini, ia sepatutnya menjadi pengajaran bagi kita, kerana di hadapan Tuhan kita semuanya sama cuma yang membezakan ialah hari seseorang itu dan Islam amat menitikberatkan akan perpaduan umatnya.

Ada juga di antara kita yang menyambut Hari

Raya dengan mengatakan 'rumah terbuka'. Bermacam-macam juadah yang dihidangkan oleh ramai saudara-mara dan juga sahabat handai dijemput bagi memeriahkan lagi suasana lebaran. Saudara-mara yang tinggal jauh dan sahabat lama semua dipanggil dan ini mengharumkan semula hubungan yang sejak bertahun telah terbina. Ini mengeratkan lagi hubungan silaturahmi sesama kita. Kanak-kanak yang berkunjung datang disedekahkan 'sampil hijau'. Ini dapat menambah pahala seseorang mukmin itu.

Namun begitu, ada setengah orang menyambut Hari Raya dengan cara membazir. Bagi mereka, tibanya Hari Raya, barang-barang yang lama mesti diganti baru. Malah ada yang sanggup berbelanja besar sekadar untuk menghias rumah. Padahal, barang-barang yang lama itu masih boleh dipakai dan masih tahan. Sepatutnya perkara membazir ini tidak wujud di kalangan mukmin kerana membazir adalah satu sifat

yang dibenci Allah. Dalam berbelanja, perlu juga diingat bahawa rezeki yang Tuhan berikan itu sebenarnya bukanlah milik kita sepenuhnya, kerana ia juga milik hamba Allah yang lain. Dengan menghulurkan bantuan kepada golongan yang kurang bernasib baik, kita dapat membersihkan diri dan juga harta kita agar mendapat keredaan Allah Subhanahu Wataala.

Sebenarnya kedatangan Hari Raya yang cuma sekali dalam setahun adalah untuk mencari keredaan Allah. Menyambut Hari Raya itu sangat penting bagi umat Islam kerana ia melambangkan kesyukuran kita terhadap nikmat Tuhan. Dengan bersyukur dan menghulurkan pertolongan itu adalah sebaik-baik cara kita menyambut hadirnya Syawal.

Dayang Suzilawati binti Rahgeni,
No. 14, Lot. 7949,
Simpang 54,
Jalan Palu, Kampong Penanjong, Tutong,
TA 2741.
No. k/p : 292695.

Merapatkan hubungan silaturahmi

SEPERTI lazimnya, kedatangan Syawal disambut dengan kemeriahan dan penuh kesyukuran. Takbir dan tahmid bergema dan berkumandang di masjid-masjid menandakan ketibaan Aidilfitri yang mulia ini dan sewajarnya kita sambut dengan penuh kesyukuran dan keinsafan.

Apabila menjelang pagi Aidilfitri, umat Islam diwajibkan menunaikan zakat fitrah sebelum imam mendirikan sembahyang sunat Aidilfitri dan ini adalah untuk keperluan insan yang memerlukan, di samping membersihkan harta dan fitrah kita untuk menjadi insan yang tahu bersyukur dan memanfaatkan harta benda kita ke jalan yang diredai oleh Allah Taala.

Sembahyang sunat Aidilfitri dilakukan di masjid-masjid dan umat Islam berkumpul beramai-ramai untuk menunaikannya secara berjemaah menunjukkan perpaduan umat Islam dalam menyambut hari kemenangan setelah sebulan melawan hawa nafsu di bulan Ramadan. Khutbah yang bermanfaat disampaikan oleh imam untuk membawa dan mengingatkan jemaah yang hadir akan tanggungjawab kita selaku umat Islam. Sesungguhnya saling ingat-mengingati amatlah dituntut oleh ajaran Islam yang suci ini.

Biasanya selepas mengerjakan sembahyang sunat, kaum Muslimin dan Muslimat akan pergi menziarahi tanah perkuburan. Doa dan Al-Faatihah dihidangkan kepada mereka yang telah pergi menemui Ilahi. Sesungguhnya amalan ini akan dapat mengingatkan diri kita bahawa kematian itu adalah sesuatu yang pasti dan menginsafi diri kita bahawa tiada di dunia yang kekal abadi kecuali Allah Azzawajalla.

Perayaan Aidilfitri disambut dengan gembira oleh semua golongan masyarakat, tidak kira kaya atau miskin, tua atau muda. Rumah-rumah dihias cantik dan lampu-lampu neon yang berwarna-warni

dipasang di keliling rumah menambahkan kelucian sambutan Hari Raya. Juadah dihidang beraneka bentuk dan jenisnya untuk menjamu para pengunjung yang datang bertamu.

Kunjung-mengunjungi dan maaf-bermaaf adalah amalan yang lazimnya dilakukan di Aidilfitri ini. Kaum keluarga yang jauh akan berkumpul beramai-ramai untuk saling merapatkan silaturahmi yang sedia terjalin. Sahabat handai dan rakan taulan saling kunjung-mengunjungi dan bermaaf-maafan di atas kesilapan yang dilakukan sebelum ini agar ikatan muhibah akan tetap berpanjangan.

Namun hendaklah kita selaku umat Islam beringat-ingat bahawa kedatangan Syawal yang مبارak ini adalah sebagai hari kemenangan kita setelah melalui ujian di bulan Ramadan yang dipenuhi rahmat dan keampunan daripada Allah Taala, dan bukannya untuk berlebihi-lebihan dan melampaui had yang diharuskan sehingga terjadinya pembaziran. Allah Taala telah berfirman dalam Surah Al-Furqan ayat 67 yang tafsirnya : "Dan mereka yang (diredai oleh Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tiada melampaui batas dan tiada bakhil kedekut dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka betul sederhana antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu."

Justeru itu sewajarnya kita mengambil peluang kedatangan Syawal ini untuk membersihkan fitrah dan jiwa kita dengan bermaaf-maafan sesama insan dan meningkatkan ketakwaan kita, di samping mencari keredaan Allah Subhanahu Wataala.

Awang Mat Darus bin Haji Abu Bakar,
No. 87, Simpang 637-84-111,
STKJ Kampong Lambak Kiri,
Berakas, BB 1114.
No. k/p : 00261060.

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Bincangkan Signifikan Sambutan Hari Raya. Kesan dan Matlamatnya?' Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut :

Sambut dengan rasa syukur dan keinsafan

HARI Raya Aidilfitri adalah hari kemenangan umat Islam setelah menjalani ibadah puasa dan mengerjakan amal salih di bulan Ramadan. Kedatangan bulan yang mulia itu sewajarnya disambut dengan kesyukuran dan keinsafan kerana kita diperlihatkan lagi dengan bulan Syawal, bulan untuk mengeratkan lagi silaturahmi dan ikatan muhibah sesama insan dan saling bermaaf-maafan di antara satu dengan lain.

Kemeriahan menyambut ketibaan Hari Raya begitu terasa sebelum menjelang bulan Syawal lagi dengan adanya gedung-gedung perniagaan yang mengadakan jualan murah dan jualan besar-besaran untuk menarik pembeli-pembeli untuk berbelanja di negara sendiri. Memang tidak dinafikan apabila menjelang Hari Raya orang ramai berpusu-pusu ke kedai-kedai untuk membeli keperluan dan persiapan untuk menyambut Hari Raya yang bakal tiba.

Fenomena ini akan dapat meningkatkan ekonomi negara jika pihak peniaga tempatan dapat menarik perhatian pembeli untuk berbelanja dan membeli di negara sendiri dengan mengadakan promosi jualan murah, meningkatkan kualiti komoditi yang dijual dan mengadakan hadiah-hadiah atau boucher percuma apabila berbelanja melebihi kadar yang ditetapkan. Apatah lagi jika kita dapat menarik pelancong ke negara ini untuk berbelanja khasnya dan melancong amnya pastinya kita akan mendapatkan hasil pelangan yang menggalakkan. Bagi peniaga-peniaga persendirian dan berniaga secara kecil-kecilan, peluang ini setentunya diraih untuk meningkatkan lagi sumber pendapatan seperti mengambil tempahan kek, biskut dan tempahan menjahit pakaian, langsir, kusyen dan sebagainya.

Sebelum tibanya Hari Raya, lazimnya kita selaku umat Islam menziarahi pusara kaum keluarga yang telah pergi menemui Allah Taala agar ingatan terhadap mereka yang telah tiada tetap terpacu di jiwa kita dalam menyambut Aidilfitri ini, di samping mendoakan kebajikan mereka di alam barzakh. Sesungguhnya amalan

bergotong-royong membersihkan tanah perkuburan adalah amalan yang terpuji dan digalakkan melakukannya.

Hari Raya juga adalah hari yang baik untuk kita saling mengeratkan silaturahmi dengan mengunjungi sanak-saudara dan kaum kerabat yang jauh mahupun yang dekat. Bagi yang jauh di mata, kad dikirim sebagai pengganti diri agar jalinan muhibah tetap terjalin di lebaran yang mulia ini. Bahkan telekomunikasi di negara ini mempromosikan kadar bayaran yang rendah untuk membuat panggilan antarabangsa untuk memudahkan kita berinteraksi dengan saudara mahupun sahabat handai yang jauh untuk saling berkirim salam dan bertanyakan khabar berita.

Bagi insan yang kurang bernasib baik, fakir miskin dan anak-anak yatim diberikan sumbangan berupa wang ringgit ataupun sagu hati daripada pihak kerajaan mahupun swasta agar kerian Aidilfitri akan dapat sama-sama dirasai. Keprihatinan serupa ini amat menggalakkan kerana perasaan saling membantu dan tolong-menolong adalah asas perpaduan dan mengeratkan muhibah di antara sesama insan.

Syawal adalah untuk kita bergembira dan mensyukuri nikmat yang telah diberikan oleh Allah Taala kepada kita. Namun kita tidak seharusnya berlebihi-lebihan dan melampaui batas yang diharuskan dalam menyambut ketibaan Hari Raya ini kerana amal kebajikan yang kita peroleh di bulan Ramadan tidak seharusnya kita hapuskan dengan tibanya bulan Syawal. Bulan Ramadan adalah bulan kita menyucikan fitrah kita selaku umat manusia di mana di dalamnya terdapat keampunan dan rahmat dari Allah Taala dan bulan Syawal pula adalah bulan kita memulakan langkah kita sebagai insan yang berjiwa bersih dan bertakwa kepada Allah Taala.

Dayang Noraini binti Abdul Hamid,
No. 7 Simpang 80,
Kampong Sungai Tali, Lumut, KC 3135. Belait.
No. k/p : 00264962.

TRIAGE berasal dari perkataan Perancis 'trier' yang bermakna 'menyusun mengikut keutamaan'. Menurut sejarah, triage pada mulanya dipraktikkan di medan perang untuk mengenal pasti askar yang tercedera dan dapat diselamatkan, diberi rawatan dengan segera, kemudian dikembalikan lagi ke medan peperangan. Sekarang triage telah diterapkan ke bahagian kecemasan di seluruh dunia dan juga di sistem prahospital.

Pesakit yang mendapatkan perkhidmatan kesihatan kecemasan adalah pelbagai, dari lingkungan penyakit yang memudaratkan sehinggalah kepada penyakit yang tidak memerlukan rawatan segera. Pada tahun 2000, seramai 52,972 pesakit baru telah mendapatkan perkhidmatan di Jabatan Kecemasan dan Kemalangan Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS). Matlamat triage adalah untuk mengenal pasti keadaan pesakit atau mangsa kemalangan yang memudaratkan nyawa mereka. Ini memastikan pesakit ini akan mendapatkan perhatian dan rawatan dengan secepat mungkin dan tanpa lagang, tanpa mengira sama ada mereka datang lebih kemudian dari yang lainnya. Dengan cara ini, triage mengatur serta melancarkan sistem tata kerja di bahagian itu dengan lebih mantap.

KEDUDUKAN TRIAGE

Sekarang, sebagai rutin, semua pesakit yang datang di Jabatan Kecemasan dan Kemalangan akan ditriage di kaunter triage sebaik saja mereka sampai. Kaunter triage ini diletakkan bersebelahan dengan kaunter pendaftaran. Dalam sebahagian kes di mana keadaan pesakit dikenal pasti sebagai kritikal, pesakit ini akan ditriage dan diberikan rawatan di bilik rawatan. Ini adalah benar bagi sebahagian besar pesakit yang dibawa oleh kakitangan ambulans.

Bagaimanapun, kadang-kadang triage diperlukan di luar kawasan rumah sakit apabila musibah berlaku seperti kawasan kemalangan kereta yang melibatkan ramai mangsa, kapal terbang terhempas, bangunan runtuh, gempa bumi, kebakaran, banjir dan tanah runtuh. Ia juga digunakan di kalangan masyarakat seperti keracunan makanan di majlis keramaian atau di kalangan penuntut asrama.

JURURAWAT DI KAUNTER TRIAGE

Jururawat yang menjalankan triage adalah mereka yang berpengalaman dan terlatih untuk mengenal pasti keadaan pesakit yang serius serta memerlukan perhatian segera. Tugas utama jururawat ini adalah untuk menilai setiap pesakit yang datang dan memperuntukkan kategori triage untuk mereka berdasarkan penilaian awal tersebut.

Antara tugasnya yang lain adalah untuk memberikan rawatan kecemasan (first aid). Jururawat ini juga akan memata-matai para pesakit yang menunggu di ruang tunggu. Masa menunggu untuk seseorang pesakit adalah tertakluk kepada ramai pesakit yang datang pada masa itu dan tahap keruncingan penyakit mereka. Keutamaan adalah diberikan kepada pesakit yang memerlukan rawatan segera dan ini akan mempengaruhi masa menunggu bagi pesakit yang tidak memerlukan rawatan segera.

CARA PERLAKSANAAN PENILAIAN TRIAGE

Cara pelaksanaan triage tergantung pada tempat-tempat tertentu di seluruh dunia. Sesetengah rumah sakit menggunakan 'dan pengkategorian sistem lima kumpulan', manakala yang lainnya menggunakan 'sistem tiga kumpulan', seperti mana yang dilakukan di Rumah Sakit RIPAS.

Penilaian triage adalah cepat dan bersistematik. Ada beberapa perkara yang perlu bagi membantu menentukan tahap keruncingan penyakit seorang pesakit iaitu keterangan ringkas mengenai sakit yang dialami, pemantauan un-

RENCANA DAN GAMBAR SUMBANGAN KEMENTERIAN KESIHATAN



sur-unsur penting (suhu badan, nadi, pernafasan dan tekanan darah) dan pemeriksaan fizikal.

Antara faktor lain yang diambil kira untuk menentukan kategori triage seseorang pesakit itu ialah keadaan kesihatan yang memudaratkan dan mengancam nyawa, jenis dan tahap keruncingan penyakit, sifat dan perkembangan penyakit, komplikasi yang timbul dari penyakit tersebut serta keadaan pesakit yang dihadapi yang semakin buruk.

KATEGORI-KATEGORI TRIAGE

Kategori I : Pesakit yang memerlukan perhatian segera sebaik sahaja sampai di Jabatan Kecemasan dan Kemalangan iaitu pesakit yang mungkin menghadapi maut sekira-

nya pulih selamat tidak diberikan saat itu juga. Contohnya, penghentian degupan jantung (cardiac arrest), kemalangan teruk, kecederaan teruk, kecederaan yang pelbagai (multiple injuries), pendarahan yang mengakibatkan turunnya tekanan darah yang mendadak, kecederaan yang teruk pada kepala, serangan jantung, pesakit yang tidak sedarkan diri, proses beranak dan lain-lain.

Kategori II : Keadaan penyakit yang tidak mengancam nyawa dengan serta-merta tetapi boleh memudaratkan kesihatan andainya tidak dirawat dengan segera. Contohnya, pesakit separa sedar, kepatahan tulang paha, batuk dan muntah darah tanpa jatuh, tekanan darah, kecederaan tulang belakang,

cedera kepada sederhana, kanak-kanak panas (suhu yang melebihi 38 darjah C), muntah-muntah dan cirit-birit disertai dengan dihidrasi, tidak membuang air kecil kurang daripada 24 jam, keremukan pada tulang dan lain-lain.

Kategori III : Pesakit yang tidak memerlukan rawatan segera dan hanya akan diberi rawatan setelah pesakit di kategori I dan II selesai ditangani. Sesetengah akan diarahkan ke Bahagian Pesakit Luar, tetapi mereka tetap diberi rawatan di Jabatan Kecemasan dan Kemalangan jika mereka sanggup menunggu.

CONTOH PERLAKSANAAN SISTEM TRIAGE

Awda datang ke Jabatan Kecemasan dan Kemala-

ngan kerana terseliuh kaki. Setelah dinilai, awda dikategorikan dalam triage Kategori III. Lebih kurang setengah jam menunggu, seorang pesakit dengan serangan jantung dibawa masuk dan dimasukkan dalam triage Kategori II. Pesakit ini diberi perhatian dengan segera kerana keadannya yang mungkin mengancam keselamatan nyawanya.

Oleh kerana kejadian ini, giliran awda dikemudiankan dan awda dikehendaki menunggu. Sementara menunggu, datang lagi seorang pesakit yang luka kecil pada jarinya. Setelah dinilai triage, pesakit tadi dihantar ke tempat menunggu. Tidak lama selepas itu, sebuah kereta ambulans yang membawa pesakit yang mengalami degupan jantung terhenti

dan sedang diberikan baik-pulih tiba. Pesakit ini akan menerima keutamaan yang lebih daripada yang lainnya. Sekali lagi, giliran awda terpaksa ditangguhkan. Walau bagaimanapun, pesakit yang mengalami luka kecil tadi hanya akan diberikan rawatan selepas awda.

KESIMPULAN

Menunggu di Jabatan Kecemasan dan Kemalangan amat menjengkelkan terutamanya jika awda adalah pesakit yang harus menunggu, sementara kakitangan di sana merawat pesakit yang lain.

Bayangkan jika sekiranya awda adalah pesakit yang berada dalam keadaan yang boleh membawa maut. Dengan sistem ini, awda akan dirawat di dalam jangka masa yang se-

suai dan sekali gus memberikan peluang yang terbaik untuk awda terus hidup.

ISI-ISI PENTING

1) Tujuan triage ialah untuk mengenal pasti mana-mana pesakit yang kritikal dengan lebih awal, memberikan rawatan yang diperlukan dengan segera dan mendahulukan giliran mereka daripada pesakit yang sedia ada;

2) Jururawat triage adalah orang yang pertama sekali awda jumpai sebaik sahaja awda sampai di Jabatan Kecemasan dan Kemalangan;

3) Pesakit dalam Kategori III perlu menunggu giliran mereka untuk dirawat sehingga kes-kes yang memerlukan perhatian segera setelah selesai ditangani.



DOKTOR yang bertugas di Jabatan Kecemasan dan Kemalangan memeriksa X-ray yang dilakukan bagi memastikan bentuk dan tahap rawatan yang perlu diberikan kepada pesakit yang mengalami masalah atau kecederaan.

TRIAGE PERUBATAN



PARA jururawat yang bertugas di Jabatan Kecemasan dan Kemalangan memberikan rawatan kepada pesakit yang cedera setelah menilai dan mengenal pasti bentuk kecederaan yang dialami oleh para pesakit.



TATACARA rawatan yang betul adalah penting semasa memberi bantuan kepada pesakit yang mengalami masalah atau kecederaan. - Gambar oleh Masri Osman.

Khutbah Hari Raya Aidilfitri ...

**SENTIASA
BERSATU PADU,
JAUHI BUDAYA
NEGATIF**

ALLAHU Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar,

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar Walillahil Hamd.

ALHAMDULILLAH kita mengucapkan syukur dan tahmid kepada Allah Subhanahu Wataala yang telah mengurniakan banyak kelebihan dan nikmat kepada hamba-hamba-Nya di dalam kehidupan sehari-hari termasuklah dapat menikmati kegembiraan Hari Raya pada hari ini.

Kita bergembira kerana pada bulan Ramadan kita dapat menunaikan perintah Allah dan juga kerana Allah mengurniakan ganjaran yang besar disebabkan ketaatan kita kepada-Nya.

Seorang Muslim sejati di masa ia ditimpa kesusahan ia tidak lupa dan tidak mudah putus asa dari mendapat rahmat Allah.

Firman Allah dalam Surah Yusuf ayat 87 yang tafsirnya:

"Dan janganlah kamu berputus asa dari rahmat dan pertolongan Allah. Sesungguhnya tiada siapa yang berputus asa dari rahmat dan pertolongan Allah itu melainkan hanya orang yang kafir."

Di sebaliknya pula di masa ia gembira senang dan mewah tiada ia mudah lupakan nikmat Allah, tidak ia lupakan sehingga bertindak sesuka hati membuang nikmat Allah itu pada perkara yang tidak disuruh yang menjadikannya pada akhirnya menemui kekecewaan dan melakukan maksiat kepada Allah.

Firman Allah dalam Surah An-Naazi'aat ayat 37 hingga 40 yang tafsirnya:

"Adapun orang yang melampau (perbuatan derhaka) serta ia mengutamakan kehidupan dunia semata-mata maka sesungguhnya neraka (Al-Jahim) tempat kediamannya. Adapun orang-orang takutkan keadaan semasa ia berdiri di mahkamah Tuhannya (untuk dihitung amalannya) serta ia menahan diri dari menurut hawa nafsunya maka sesungguhnya Syurga tempat kediamannya."

Itulah dia sunnatullah yang telah ditentukan dan dijadikan undang-undang iaitu perbuatan yang baik balasan nya baik dan perbuatan jahat balasan nya jahat.

Ajaran Islam tidak menjadikan umat Islam suatu umat yang melampaui bahkan sentiasa bersifat sederhana dalam segala tindak-tanduk kehidupan mereka. Mereka sentiasa ingat Allah, mereka mengatur kehidupan dengan penuh perhatian akan sebab dan akibat yang akan mereka dapati khususnya yang akan mereka temui di dalam alam yang kekal abadi nanti.

Firman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 143 yang tafsirnya:

"Dan demikianlah (sebagaimana Kami telah memimpin kamu ke jalan yang lurus) Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) suatu umat yang pilihan lagi adil (pertengahan) tidak melampau dan keterlaluhan dalam hidup mereka supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang perkara benar dan salah) dan Rasulullah (Sayidina Muhammad) pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran perbuatan kamu."

Dan firman-Nya lagi dalam Surah Ali 'Imran ayat 11 yang tafsirnya:

"Adalah kamu sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi faedah umat manusia kerana kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada berbuat segala perkara yang salah serta kamu beriman kepada Allah."

Maka jika kita sentiasa berpegang kepada prinsip ini yang mana sudah tentu tidak susah untuk diamalkan dan tidak patut ada dalih untuk tidak mengamalkan insya-Allah kita akan tetap berjaya sentiasa dihormati orang dan akan menjadi ikutan orang lain.

Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar.

Sebagaimana yang kita lihat dan dengar, dunia kita sekarang sedang diancam oleh bahaya ketakutan yang belum pernah terjadi sebelumnya, ancaman terhadap manusia dengan serangan yang tidak menentu sebab dan waktunya. Ancaman lagi satu adalah bahaya kemiskinan dan kemelaratannya disebabkan oleh kemelesetan ekonomi. Dan yang menjadi korban selalunya ialah rakyat golongan bawah yang semakin sehari seolah-olah tidak ada tempat mengadu melainkan menghadapi kemusnahan semata-mata.

Maka dalam keadaan sekarang ini umat Islam lebih patut bersatu padu di bawah ajaran Islam kerana ajaran Islam itu sangat baik, tidak pernah memperdaya orang-orang, tidak pernah menyakitkan orang malah tidak pernah menganiaya orang-orang lain malah ajaran Islam sentiasa menyeru kepada kebajikan dan kesempurnaan hidup.

Sifat mulia Islam inilah patut menjadi teras kepada keperibadian kita supaya kita dihormati. Masalah yang kita hadapi sekarang dengan sebab peredaran masa dan suasana banyak orang Islam terpengaruh dengan ajaran yang berlawanan dengan agama sendiri menyebabkan

AJARAN Islam tidak menjadikan umat Islam suatu umat yang melampau bahkan sentiasa bersifat sederhana dalam segala tindak-tanduk kehidupan mereka. Mereka sentiasa ingat Allah, mereka mengatur kehidupan dengan penuh perhatian akan sebab dan akibat yang akan mereka dapati khususnya yang akan mereka temui di dalam alam yang kekal abadi nanti.

KHUTBAH PERTAMA

"ADAPUN orang yang melampau (perbuatan derhaka) serta ia mengutamakan kehidupan dunia semata-mata maka sesungguhnya neraka (Al-Jahim) tempat kediamannya. Adapun orang-orang takutkan keadaan semasa ia berdiri di mahkamah Tuhannya (untuk dihitung amalannya) serta ia menahan diri dari menurut hawa nafsunya maka sesungguhnya Syurga tempat kediamannya."

banyak terjadi keburukan dan kepincangan dalam masyarakat Islam sendiri.

Di antara akibatnya ialah umat Islam dicap sebagai umat yang menggalakkan berbuat ganas dan kerana itu umat Islam tidak begitu terserlah untuk jadi contoh teladan. Umat Islam tidak sepatutnya terikut-ikut dengan cara hidup yang tidak sempurna yang menyebabkan mereka menyeleweng dari jalan yang benar dan ini telah diberi amaran oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang ertinya:

"Kamu akan mengikut cara hidup orang yang sebelum kamu sejengkal demi sejengkal, sedepa demi sedepa sehingga kalau mereka masuk lubang biawak pun kamu akan ikut juga mereka. Para sahabat bertanya, adakah orang itu orang Yahudi dan Nasrani?. Jawab Rasulullah, kalau bukan mereka siapa lagi?"

Perkara terikut-ikut dengan cara hidup orang lain inilah menjadi buah mulut Rasulullah sejak lama dahulu kerana memang ia berbahaya dan akibatnya buruk tidak banyak yang baik terutama apabila kononnya hendak mengikut cara antarabangsa atau adat dan peraturan antarabangsa yang pada biasanya akan tidak diterima oleh budaya dan adat istiadat.

dat serta resam hidup kita.

Perkara ini lumrahnya terjadi di kalangan golongan muda yang mudah terpengaruh terutama dalam apa yang dikatakan sebagai budaya global yang lebih banyak bercorak menghibur semata-mata. Apa yang kita takutkan ialah kesan daripada suka terpengaruh itu ialah kerosakan sama ada lekas atau lambat terhadap akidah atau agama dan akhlak budi pekerti kerana dalam tema global sekarang soal halal haram, dosa pahala tidak lagi diingati, yang dituju hanyalah kesukaan dan keuntungan harta benda sahaja. Di samping itu setiap apa rancangan yang datang dari luar itu ada tujuannya, yang lahir yang biasanya manis tetapi tujuannya yang tidak kelihatan? Di sinilah selalunya umat Islam terjerat.

Apakah yang kita akan harapkan jika golongan-golongan muda yang bakal menjadi pengganti orang sekarang, negara ini longgar pegangan hidup mereka dari segi akidah dan akhlaknya tidak menentu. Ini suatu persoalan yang besar yang perlu kita hadapi dengan saksama.

Maka hendaklah kita sedarkan diri sebelum apa-apa kemungkinan yang tidak baik berlaku.



GAMBAR HIASAN ... Kursus fardu kifayah bagi para penuntut secara langsung dapat memperteguh penghayatan beragama di kalangan mereka di samping mencegah daripada terpengaruh dengan ajaran yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam.

KHUTBAH HARI RAYA AIDILFITRI ...

PATUHI UNDANG-UNDANG, JAMIN KESEJAHTERAAN

ALLAHU Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walillahi Hamd.

AGAMA Islam telah mengarahkan umatnya mengatur kehidupan dengan sempurna menurut cara-cara dan prinsip-prinsip yang sempurna maka dengan sendirinya hal itu merupakan suatu kewajiban yang mustahak kita jalankan supaya perjalanan hidup kita dalam negara menjadi sempurna teratur, rakyat mudah ke sana ke mari menjalankan urusan masing-masing, ada peraturan dan undang-undang yang mengawal.

Demikianlah kita di negara kita yang kita sayangi di bawah pimpinan raja kita yang kita kasihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam membentuk kehidupan bernegara menurut cita rasa kita berdasarkan kepimpinan kita dan kehendak kita bukan atas dasar mengikut kehendak dan cita rasa orang lain.

Maka kita semua bertanggungjawab mengikut kadar dan kedudukan masing-masing dan ini sebenarnya adalah termasuk dalam suruhan agama kita sebagaimana yang didasarkan dari sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang ertinya:

"Semua kamu adalah menjadi penjaga dan bertanggungjawab terhadap apa yang di bawah jagaannya, seorang isteri menjadi penjaga kepada rumah suaminya dan bertanggungjawab terhadap apa yang di bawah jagaannya, seorang khadam (pekerja) menjadi penjaga kepada harta tuannya dan bertanggungjawab terhadap apa yang di bawah jagaannya, seorang anak menjadi penjaga kepada harta orang tuanya, bertanggungjawab terhadap apa yang di bawah jagaannya, maka semua kamu menjadi penjaga dan semua kamu bertanggungjawab terhadap apa yang di bawah jagaannya."

Maka menurut aturan ini, kita sebagai rakyat negara ini adalah menjadi penjaga kepada negara kita dan bertanggungjawab terhadap apa yang di bawah jagaannya. Dengan kata lain setiap daripada kita dalam mana-mana kedudukan dan keadaan sebagai rakyat biasa, sebagai pegawai kerajaan, rendah atau tinggi, masing-masing ada kewajiban untuk sama-sama menjaga negara kita, berat atau ringan, besar atau sedikit, tidak ada yang berkecuali.



GAMBAR HIASAN ... Semua pihak mempunyai tanggungjawab masing-masing bagi memastikan negara ini akan terus aman dan sejahtera.

JIKA peraturan-peraturan dan undang-undang yang dibuat itu dipatuhi oleh semua peringkat rakyat maka hidup kita akan menjadi stabil. Dengan kestabilan ini membolehkan kerajaan membuat rancangan-rancangan memajukan negara dan rakyat.

berkecuali.

Untuk menjaga perjalanan negara supaya sentiasa aman sejahtera, maju senang hidup di dalamnya, rakyat banyak hidup terjamin setiap masa maka kerajaan telah mengadakan peraturan dan undang-undang untuk ditaati oleh semua lapisan rakyat maka hiduplah kita seperti yang kita jalani sekarang.


Sebenarnya dalam makna luas menurut kata ulama, mengadakan peraturan-peraturan dan undang-undang mengawal perjalanan negara supaya terjamin aman sejahtera, tidak kacau-bilau, tidak ada ancaman baik dari dalam ataupun luar adalah termasuk dalam makna 'jihad fisabilillah'.

Jika peraturan-peraturan dan undang-undang yang dibuat itu dipatuhi oleh semua peringkat rakyat maka hidup kita akan menjadi stabil. Dengan kestabilan ini membolehkan kerajaan membuat rancangan-rancangan memajukan negara dan rakyat.

Mari kita perhatikan ajaran atau panduan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengenai cara-cara mengatur hidup bernegara secara umum yang disukai oleh Allah. Sabda Baginda yang ertinya:

"Sesungguhnya Allah menyukai kepada kamu tiga perkara dan membenci tiga perkara: Allah suka kalau kamu menyembah-Nya dan tidak mempersekutukannya dengan yang lain, Allah suka kalau kamu tetap berpegang kepada tali Allah (agama Islam) dan tidak berpecah belah dan Allah suka kalau kamu memberi nasihat (atau memberikan buah fikiran kepada orang-orang yang memegang kuasa menjalankan urusan pentadbiran

KHUTBAH KEDUA



GAMBAR HIASAN ... Keamanan dan kestabilan negara membolehkan pihak kerajaan dan sektor swasta melaksanakan pelbagai projek pembangunan demi kebajikan seluruh rakyat dan penduduk.

kamu, sebaliknya Allah membenci kalau kamu suka banyak olah dan bicara dalam sesuatu perkara, Allah membenci kalau kamu banyak soal (semata-mata untuk tidak menjalankan arahan atau dalih) dan Allah membenci kalau kamu suka membuang harta, membazir dalam perkara yang tidak berguna."

Perkara yang telah disebutkan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam tadi adalah anasir-anasir yang selalu mengganggu perjalanan negara, anasir-anasir yang menyebabkan keselamatan negara boleh terancam, ekonomi boleh jadi meleset, peraturan-peraturan dan undang-undang boleh tidak ditaati dan sebagainya apatah lagi kalau banyak orang terpengaruh dengan anasir-anasir dari luar yang biasanya mempunyai rancangan dan tujuan-tujuan yang teratur yang biasanya pula bukan untuk maslahat atau kebaikan kita.

Maka hendaklah kita sedar dan

menimbang faedah atau sebaliknya kerugian yang mungkin terbit dari perbuatan itu boleh hanya untuk diri sendiri bahkan yang lebih utama untuk orang banyak.

Jika peraturan-peraturan dan undang-undang yang dibuat itu dipatuhi oleh semua peringkat rakyat maka hidup kita akan menjadi stabil. Dengan kestabilan ini membolehkan kerajaan membuat rancangan-rancangan memajukan negara dan rakyat.

Kita sebagai rakyat negara ini adalah menjadi penjaga kepada negara kita dan bertanggungjawab terhadap apa yang di bawah jagaannya. Dengan kata lain setiap daripada kita dalam mana-mana kedudukan dan keadaan sebagai rakyat biasa, sebagai pegawai kerajaan, rendah atau tinggi, masing-masing ada kewajiban untuk sama-sama menjaga negara kita, berat atau ringan, besar atau sedikit, tidak ada yang berkecuali.

KITA sebagai rakyat negara ini adalah menjadi penjaga kepada negara kita dan bertanggungjawab terhadap apa yang di bawah jagaannya. Dengan kata lain setiap daripada kita dalam mana-mana kedudukan dan keadaan sebagai rakyat biasa, sebagai pegawai kerajaan, rendah atau tinggi, masing-masing ada kewajiban untuk sama-sama menjaga negara kita, berat atau ringan, besar atau sedikit, tidak ada yang berkecuali.

PEMAKANAN SEIMBANG PENTING BAGI PROSES TUMBESARAN

BA D A N yang sihat berpunca daripada pemakanan yang sihat dan seimbang. Makanan yang sihat dan seimbang adalah penting untuk pertumbuhan otak yang cergas dan cerdas yang amat diperlukan, terutama bagi golongan pelajar supaya dapat menerima pelajaran dengan baik.

Pemakanan yang seimbang (balanced diet) adalah terdiri daripada karbohidrat (carbohydrates), protein, lemak (fats), vitamin, zat galian (mineral salts), serat (dietary fibre atau roughage) dan air, mengikut komposisi yang betul dan yang diperlukan oleh tubuh badan seseorang itu tertakluk pada cara hidup, aktiviti-aktiviti dan umur masing-masing.

Kajian menyarankan bahawa diet yang seimbang bagi seorang yang membesar terdiri dari 55 peratus karbohidrat, 35 peratus lemak dan 10 peratus protein iaitu 63 gm protein, 97 gm lemak dan 344 gm karbohidrat setiap hari.

Karbohidrat adalah sebatian organik yang terdiri daripada elemen karbon, hidrogen dan juga oksigen. Ini termasuk makanan seperti beras, roti, sayur-sayuran dan sebagainya. Ianya diperlukan dalam diet kita sebagai sumber tenaga (energy source) di mana karbohidrat yang berlebihan akan ditukar oleh enzim (enzymes) untuk disimpan dalam otot-otot dan juga

hati. Selain itu juga sebatian organik yang lain seperti asid amino (amino acids) dan lemak (fats) juga dihasilkan dari karbohidrat jika diperlukan dan dalam pembentukan DNA untuk warisan genetik (genetic inheritance).

Lemak juga terdiri karbon, hidrogen dan oksigen. Kekurangan lemak dalam diet kita boleh menyebabkan kesusutan badan (wasting). Manakala lemak yang berlebihan akan menyebabkan obesiti. Lemak yang terdapat di bawah kulit adalah sebagai bahan penebat untuk mengelakkan pengurangan suhu badan yang berlebihan. Di samping itu juga, ia menghasilkan lapisan minyak yang tipis oleh kelenjar sebum (sebaceous glands) di permukaan kulit dan seterusnya mengurangkan penyejatan air.

Kita perlukan protein sebanyak 50-100 gm sehari dan mudah didapati dalam makanan seperti ikan, udang, telur, ayam, susu dan keju. Kekurangan protein boleh menyebabkan penyakit 'Kwashiorkor' yang memberi kesan terutamanya golongan kanak-kanak. Ianya menyebabkan bahagian perut yang membengkak, pengembangan hati dan perubahan pempigmenan (pigmentation) terhadap kulit dan rambut.

Vitamin dan zat galian hanya diperlukan dalam kuantiti yang sedikit sahaja untuk mengelakkan 'deficiency diseases' iaitu penyakit kurang zat. Antara vitamin dan zat

OLEH YATI HS

galian yang diperlukan dalam diet kita adalah seperti dalam Jadual 1.

Buah-buahan, sayur-sayuran dan bijirin adalah di antara sumber serat (dietary fibre atau roughage) yang baik. Ianya tidak boleh dihadam. Ini penting untuk memastikan saluran alimentari (alimentary canal) kita berfungsi dengan baik dan membekalkan 'bulk' kepada kandungan usus seterusnya merangsang 'peristalsis' dan mengurangkan sembelit (constipation) serta risiko kanser kolon.

Oleh itu, setiap orang perlu memastikan bahawa pengambilan makanan yang seimbang dalam setiap pemakanannya supaya tumbesaran adalah

selaras dengan peringkat umurnya.

Anak damit yang baru dilahirkan serta kanak-kanak yang di dalam peringkat awal pertumbuhannya mestilah diberi pemakanan yang sesuai bagi proses tumbesaran mereka oleh para ibu dan penjaga masing-masing.

Di Negara Brunei Darussalam, klinik ibu-ibu mengandung dan anak-anak damit sentiasa memberi panduan yang betul mengenai kesihatan para ibu yang mengandung dan anak-anak damit yang baru dilahirkan hingga membawa kepada peringkat umur lima tahun serta pemakanan yang harus diadakan oleh mereka.

Vitamin	Sumber	Peranan
A	Kuning telur, mentega, keju, susu, lobak merah, hati dan udang	Penting untuk pembentukan pigmen dalam retina (dalam mata) untuk membolehkan kita melihat dalam gelap Penyakit kurang zat: Xerophthalmia (kornea menjadi kering dan legap) dan boleh menyebabkan buta yang kekal
B ₁	Gandum, beras, kacang pea, hati, telur dan ibu roti	Diperlukan untuk sistem saraf yang sihat Penyakit kurang zat: Beri-beri, otot yang lemah
B ₁₂	Hati	Untuk pembentukan korpusel darah merah (red blood cells) Penyakit kurang zat: Anaemia
C	Buah-buahan sitrus dan sayur-sayuran hijau segar	Penyakit kurang zat: Skurvi (scurvy) iaitu gusi yang membengkak dan berdarah, pendarahan (haemorrhage) di dalam otot dan kulit
Zat galian	Sumber	Peranan
Kalsium	Susu, telur, buah-buahan segar, bijirin	Penting untuk pertumbuhan tulang dan gigi yang kuat dan sihat dan penting untuk menyekat darah daripada mengalir keluar ketika luka Penyakit kurang zat: Riket
Iodin	Susu, buah-buahan, sayur-sayuran	Penting untuk pembentukan hormon tiroid Penyakit kurang zat: Kelenjar tiroid membengkak (Goitre)
Fluorin (Fluorida)	Teh, ikan, sayur-sayuran	Pertumbuhan tulang dan gigi Penyakit kurang zat: Mengurangkan karies gigi

JADUAL 1

SETIAP orang perlu memastikan bahawa pengambilan makanan yang seimbang dalam setiap pemakanannya supaya tumbesaran adalah selaras dengan peringkat umurnya.



PEMAKANAN SIHAT

KURANGKAN MAKAN

KUMPULAN 5
yang berlemak, berminyak, manis

MAKAN MENGIKUT KEPERLUAN

KUMPULAN 1
Karbohidrat Kompleks
8-12 hidangan sehari
1 hidangan: 1 serbuk nasi/mi, 1 keping roti pua, 1 biji ubi kentang, 2 keping biskut kering

BANYAKKAN MAKAN

KUMPULAN 4
2-3 hidangan tenusu sehari
1 hidangan: 1 gelas susu, 1 keping keju


KUMPULAN 3
Protein
2-3 hidangan sehari
1 hidangan: 1 ekor rumahan, 1 potong ayam, 1 keping tauhu

KUMPULAN 2
2-3 sajian sayur-sayuran sehari
1 sajian: 1 senduk sayur

KUMPULAN 2
2-3 sajian buah-buahan sehari
1 sajian: 1 biji epal/oren, 5 biji Rambutan, 1 hiris nenas/betik/seki

PANDUAN pemakanan sihat dan seimbang.

برکومونیکاسي دالم بهاس ملايو Berkomunikasi Dalam Bahasa Melayu



Anjuran:



ديوان بهاس دان قوستاك بروني
 DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA BRUNEI
 KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Tajaan:

HSBC 

Peraduan Melukis Poster Bahasa Melayu Sempena 40 Tahun Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei

Dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

SEJERNIH HUJAN

OLEH INA 2811

INAFARINA berkali-kali menyatakan kekecewaannya kerana dalam era langit terbuka ini masih ada lagi kelompok warga bumiku yang menganggap sains moden adalah ancaman kepada cara hidup masyarakat Timur dan Islam.

"Mungkin anggapan ini bertitik tolak daripada pendukung sains dan teknologi sendiri!" Kataku yang sememangnya suka berterus-terang.

Dalam banyak hal, lebih-lebih lagi dengan Inafarina, aku sering bertegas. Bukan sekadar untuk menegaskan realiti yang berpasakkan rasional fikiran, tetapi terhadap apa-apa jua teori yang sempat aku selidiki.

"Inafarina, sains dan metode saintifik sejak kewujudannya tidak dapat lari daripada kelemahan. Satu daripadanya ialah tidak mampu menyediakan jawapan kepada soalan-soalan penghabisan."

"Lin, nothing is perfect, so takkan itu sudah dianggap satu ancaman?" Inafarina mula menyerang hujahku.

Sebab pertama, aku mula sedar untuk balik kepada hakikat sebenar. Mereka kerap menganggap sains gagal mengutarakan rumusan mengenai mengapa kita di sini, di mana landasan hidup kita dan apakah makna hidup yang sebenarnya.

Aku berikan Inafarina tempoh sejenak. Biar hujahku difikirkannya sepuas-puasnya. Sebagai penuntut jurusan perbandingan teori dan kimia, Inafarina tidak susah untuk menyelami pertanyaanku itu, fikirku. Dua deringan yang bergema dari jam besar Tower of London mematikan perbualan kami. Biarpun agak sayup bunyinya, namun dentingan jam yang hampir berusia 80 tahun itu tetap mampu menggugah hening di petang itu.

"Dalam penelitianku, peribumi kau terutama umat Islam sedikit taksub Lin. Mereka seakan lupa bahawa kemajuan sains dan teknologi mampu

membawa keuntungan material. Sebetulnya aku tidak gemar pernyataan sebegitu. Padaku itu sudah sering kali diucapkan dan sudah basi."

"Kau tahu puncanya? Kaedah saintifik sering melupakan nilai-nilai murni dan peri pentingnya ketinggian akhlak insan!" Aku berharap Inafarina akan berfikir kembali untuk mengubah pendirannya itu.

Percikan air hujan mengenai jendela, selebihnya membasahi lantai mozek yang licin. Sungai Thames, kebanggaan penghuni Kota London kini dibanjiri dengan air hujan yang melimpah. Dalam keadaan cuaca dingin begini, aku teringatkan negaraku sendiri.

Infarina yang menghi-
lang ke arah dapur, muncul
dengan dua cawan kopi di
tangannya. "Terima kasih
Tuan Puteri!" Aku cuba
bergurau, menyebabkan
gadis kacukan Turki dari
Eropah ini ketawa.

Inafarina aku anggap seperti keluargaku sendiri, ini kerana ibu bapa Inafarina adalah keluarga angkatku semenjak aku berada di Kota London. Usianya yang baru 20 tahun itu tidak sepadan dengan bentuk badannya yang tinggi dan gempal. Namun kecoklatan anak matanya dan wajahnya yang bujur sirih tetap

CERPENI

menyerlahkan kecantikan.

Sesekali terasa juga kasihanku melihat Inafarina sibuk menyiapkan teks sarjananya. Inafarina agak teliti dan gemar menyelitikan realiti kajiannya seadil mungkin sebelum dihantar sebagai kepastian yang terakhir. Kerana itulah aku mencadangkan Brunei sebagai salah satu daripada fokus kajiannya.

Inafarina, sebenarnya kami mula dahagakan kemajuan, tapi kehadiran sains dan teknologi banyak dalam bentuk fahaman, sebelumnya peribumiku sendiri sering mempersoalkan ilmu hakikat. Pertentangan yang wujud akan mereka tolak.

"So apa risikonya?"

"Sains dan teknologi akhirnya sedikit demi sedikit hilang dengan perhubungan keinsanan, termasuklah soal ekonomi, sosial, nilai, moral dan sebagainya."

"Barangkali krisis ilmu itulah yang juga menyengat ekonomi negaramu sekarang?" Ada nada sinis yang keluar dari mulut Inafarina dengan ekor matanya yang tajam menjeling ke arahku.

"Tidak. Sebaliknya, disebabkan terlalu yakin kepada teori kekayaan material yang banyak mengundang kesan sampingan seperti rasuah, keruntuhan akhlak, sombong dan mementingkan diri sendiri sehingga ekonomi turut musnah."

Arah bicaraku kukira menyentuh perasaanmu sendiri, sehingga agak tersasar dari persoalan asal. Moga-moga ideaku akan cair dan mengalir kembali setenang aliran Sungai Thames yang akan menyusur ke muara setiap musim panas menjelang tiba.

"Ok Lin, berbalik kepada soal fahaman. Semasa aku berada di negaramu, aku teringat bahawa ramai juga masyarakatmu memandang serong kepada gerakan sosialisme Islam yang menjadikan sains sebagai pemodenan ekonomi."

"Aku tidak nafikan hal itu, tapi kau perlu tahu ramai pendukung gerakan itu tidak mampu bergerak selaras dengan fikiran Islam. Sedangkan hal itu amat mustahak."

Inafarina mengganggu perlahan, kemudian men-

catatkan sesuatu kepada kertas di tangannya. Aku juga berharap Inafarina tidak akan lupa meneliti dan merujuk ke dalam buku yang pernah aku berikan kepadanya dulu.

Petang itu, Inafarina mengajakku bersiar di Kota London, di samping membeli-belah untuk persiapan menyambut malam Halloween. Inafarina dan keluarganya memang pemurah. Setiap kali menyambut malam Halloween, ramailah kanak-kanak yang datang untuk menantikan pemberian hadiah.

Aku dan Inafarina bergegas untuk pergi ke pasar yang berhampiran. Perjalanan menggunakan LRT memakan masa hampir setengah jam.

"Semasa di kampus dulu, aku tetap menolak fahaman dari sebelah Barat yang sering meletakkan kesamaan ekonomi sebagai matlamat akhir

kehidupan manusia." Inafarina tidak menjawab, dia hanya tersenyum.

LRT yang kami naiki meluncur, sesekali berhenti di perhentian untuk menurunkan dan mengambil penumpang.

"Kau perlu meyakini, bahwa tanpa kestabilan ekonomi banyak hal yang akan gagal!" Sasaran bicara Inafarina tentunya juga mengenai situasi ekonomi negaraku.

"Pandangan Islam bagaimana?" Soal Inafarina kemudian.

*Aku tidak ingin berkonfrantasi dengan perspektif dasar yang berkaitan agama Islam. Namun aku jelaskan juga bahawa hidup kita seperti pengembara, terpaksa melalui hidup dengan pelbagai dugaan dan cabaran. Matlamat akhir umat manusia terutama orang Islam ialah untuk mendapatkan keredaan daripadaNya. Maksudnya kita harus

melakukan sesuatu pekerjaan mestilah berakhir dari mana kita mula."

Aku berharap Inafarina mengerti. Aku bimbang kalau-kalau Inafarina menganggap aku sebagai seorang yang fanatik dan tidak berfikir terbuka.

"Boleh kau jelaskan sedikit lagi?" Kata Inafarina.

"Tentunya kau tidak akan nafikan, kalau aku katakan bahwa banyak kejahatan dalam masyarakat lahir dari keangkuhan manusia itu sendiri. Mereka menganggap diri mereka bebas tapi tidak berani memikul tanggungjawab yang lebih besar."

Inafarina termenung seketika. Kemudian dia mengangguk-anggukkan kepalanya. Aku harap dalam anggukkan kepalanya yang agak lemah itu Inafarina akan dapat menjangkau fikiranku.

Lihat muka 13



AKU berikan Inafarina tempoh sejenak. Biar hujahku difikirkannya sepuas-puasnya. Sebagai penuntut jurusan perbandingan teori dan kimia, Inafarina tidak susah untuk menyelami pertanyaanku itu, fikirku. Dua deringan yang bergema dari jam besar Tower of London mematikan perbualan kami. Biarpun agak sayup bunyinya, namun dentingan jam yang hampir berusia 80 tahun itu tetap mampu menggugah hening di petang itu.

PUISI

GEMA RAMADAN

Terdengar suara gema Ramadan
menderu melaungkan suara sahadah
bernaung lambang megah keislaman
ruksu suci dikerjakan
wajib dilakukan
suatu tonggak pengabdian
ke hadirat Tuhan dipohonkan.

Sepurnama ditempuhi
penuh tabah jiwa suci
kuat iman
teguh
semangat
menahan nafsu
lapar dan dahaga
dari segala dosa
kita juangkan keyakinan.

Ramadan
gemamu keimanan
berpuasa di siang hari
di kala malam jamu selera
taburkan dengan niat
tanda syukur murni
ibadah diredai.

Bersamamu
bersamamu kita takwa
kita kejar
di bulan pahala
bermohon restu doa
kita bangkitkan
kita semarakkan
dengan cahaya kebesaran.

Salat tarawih
Al-Quran Karim dilaungkan
memohon berkat
dilimpah rahmat
bulan seribu hikmat
kurnia syafaat
amalan suci dimakbulkan.

Gemamu
saat indah
Al-Quran diturunkan
Lailatulqadar rahmat seribu bulan
isi di dalam
adalah kunci ketulusan
iman dan takwa
kita panjat
dengan reda
kita kerjakan
hari kebesaran
penuh keimanan
jiwa insan beramal
di bulan kekuatan
di hari kemenangan.

Ramadan
pergimu
sukar dilepaskan
gemamu
adalah seruan.

Ali S.

NUZUL AL-QURAN

17 Ramadan
detik sejarah
akhir umat sekalian
diturunkan
kitab panduan.

Al-Quran
ditusut bersama Nabi pilihan
penghulu seluruh nabi dan kerasulan
di malam Ramadan
sinar ketakwaan
pada agama mulia
Islam menjadi pegangan.

Al-Quran
Al-Quran mubarak
iman seluruh umatmu
Nabi Muhammad penerima wahyu
hadir di saat syahdu
panduan suci.

Nuzul kitabullah
adalah pembimbing
penjawab soalan
tentang seluruh langit dan alam
mengenai kehidupan
cahaya kebenaran
di akhir zaman.

SELAMAT DATANG RAMADAN

Semusim sudah berlalu
kini ia datang lagi
saat indah menghadap ilahi

memohon restu kudrat yang tinggi.
Berpuasa kita sebulan
menahan lapar...
dahaga...
nafsu kita tempuri
amalan disajikan
takwa kita gandakan
mengharap reda Tuhan makbulkan.

Ibadah sepertiga malam
solat tarawih, witr dikerjakan
Al-Quran dilaungkan
zikir dan tasbeih didekatkan
moga amalan suci tetap diberkati
sebagai dinding iman terpuji.

Selamat datang
selamat kembali... Ya!... Ramadan
kepadamu insan menanti
limpah rahmat
sejuta hikmat
kurnia syafaat
perjuangan umat
di dalam penuh nikmat.

Ramadan
engkaulah cahaya bulan
penyeri kemenangan
orang beriman
di akhir zaman.

A. Seroja

**RAMADAN PANJI
KEMERDEKAAN**
(Berpaksi pada Al-Hadis Riwayat Ibn
Abbas R.A.)

Pada setiap malam sepanjang bulan
Ramadan
Allah berseru tiga kali
siapakah yang minta akan Aku beri
permintannya
siapakah yang taubat dan Aku terima
taubatnya
siapakah yang minta ampun maka
akan
Aku ampunkan...
dan pada setiap hari bulan Ramadan
Allah memerdekakan sejuta ahli
neraka
yang semuanya layak disiksa
dan bila pada hari atau malam Jumaat
pada setiap jam dimerdekakan sejuta
ahli neraka
dan pada akhir hari Ramadan
Allah memerdekakan
pada hari itu
sebanyak orang
yang dimerdekakan
dari hari pertama
hingga akhir
Ramadan.

Umat, kemerdekaan adalah suatu
nikmat
dan rahmat ilahi
kemerdekaan diri, kemerdekaan negeri,
agama dan bangsa
adalah nikmat-Nya jua.

Umat, hari ini, apakah kita merdeka
hati,
merdeka fikir dan merdeka negeri?
Ke sana ke mari perlu visa dan
pasport
import eksport perlu 'open-free port'
kuasa Unipolar boleh buat-simpan
nuklear
kuasa kecil dicengkam sekular.

Kemerdekaan anugerah ilahi
kenapa mereka khianati?!
Masihkah kita mahu bersekolok lagi
dan mereka dihormati seperti paderi?

Umat,
Ramadan penuh nikmat dan hikmat,
sebenarnya cerita ilahi penuh makrifat
cuma kita-kita ini 'bodoh-tolol' tidak
bertempat!
mentafsir dan mentaksir ayat
ikut birahi nafsu berjati!

RAMADAN AL-MUBARAK
(Berpaksi pada Al-Hadis Riwayat Ibn
Abbas R.A.)

Pada malam ambang Ramadan
dilambatkan ilahi
berhembus angin Al-Mutsirah berahun
dari bawah Arasy
menggoyang dedaun Syurga
dan menggerak daun pintunya
lalu terdengar suara sang bidadari

lalu berseru: Siapakah yang datang
meminang ke hadirat ilahi
untuk dikahwinkan seorang dari kami?
Lalu mereka bertanya kepada Malaikat
Ridhwan:

malam apakah ini?
jawabnya: Wahai wanita-wanita
cantik,
ini malam pertama dari bulan
Ramadan.

Lalu Allah berfirman: Ya Ridhwan
bukalah pintu-pintu Syurga
untuk orang-orang yang berpuasa
dari umat Muhammad Sallallahu
Alaihi Wasallam.

Dan memerintahkan Malaikat Malik:
Ya Malik tutuplah pintu-pintu Neraka
Jahim

dari orang-orang yang berpuasa
dari umat Muhammad Sallallahu Alahi
Wasallam

Dan firman-Nya lagi:
Ya Jibrail turunkah ke bumi dan ikatlah
para syaitan yang jahat
dan rantai mereka
kemudian buanglah mereka ke dalam
laut
supaya tidak mengganggu (merosak)
puasa umat Muhammad Sallallahu
Alahi Wasallam.

Umat,
tibaanya lembaran Ramadan Al-
Mubarak
betapa kudus dan syahdunya perasaan
usia dipanjangkan Tuhan
betapa ihsannya ilahi
beri kesempatan berpuasa dan
beramal salih
dalam damai dan rahmat-Nya.

**AL-QADAR 1000 PURNAMA DI
ATAS KEPALA**
(Berpaksi pada al-Hadis Riwayat Ibn
Abbas R.A.)

Dan pada malam Al-Qadar Allah
menyeru
Malaikat Jibrail dengan rombongan
Malaikat
turun ke bumi dengan membawa
panji hijau yang diletakkan di atas
Kaabah.

Lalu Malaikat Jibrail mengutus
Malaikat
pergi kepada umat Muhammad
untuk memberi salam pada setiap
orang
yang sedang berdiri atau duduk,
sembahyang atau berzikir
dan berjabat tangan mereka
serta mengaminkan doa mereka
sehingga terbit fajar.

Apabila terbit fajar maka Malaikat
Jibrail berseru:
Hai para Malaikat segera kembali,
kembali
lalu malaikat bertanya: Bagaimana
mengenai hajat kaum Mukminin
dari umat Muhammad Sallallahu
Alaihi Wasallam?

Jawab Jibrail: Allah melihat mereka
dengan pandangan rahmat
lalu memaafkan mereka, kecuali empat
